




KERATAN AKHBAR

ISU-ISU INTEGRITI (JANUARI 2024)

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBBJ



SPRM tekad bantu negara capai sifar rasuah 2024

SHAH ALAM - Warga kerja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diingatkan sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam tuntutan tugas seiring dengan perkembangan zaman.

Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, saban tahun warga SPRM sentiasa berhadapan dengan cabaran krisis dan tuntutan kerja baharu.

"Semua ini menuntut perubahan dalam

cara bekerja, berfikir serta bertindak. Jadi amat penting untuk kita berubah serta terokai perkara baharu. Tinggalkan yang lapuk, baiki yang silap dan paling penting hindari perkara salah.

"Warga SPRM diingatkan agar meningkatkan integriti kemahiran dan pengetahuan masing-masing agar dalam masa sama dapat mencapai misi dan visi pasukan," katanya menerusi ucapan khas

Tahun Baharu 2024 menerusi Facebook rasmi SPRM pada Ahad.

Katanya, pihaknya turut menetapkan beberapa fokus dan tekad bagi memastikan SPRM terus relevan dan efektif.

"Saya doakan agar tahun ini adalah tahun cemerlang untuk SPRM. Bermula 2024 ada beberapa fokus serta azam ditetapkan dalam gerak kerja demi membantu negara mencapai negara sifar rasuah," katanya.



SINAR HARIAN
01/01/2024
(ISNIN)

Perkasa integriti, tadbir urus lahir generasi benci rasuah

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Kita perlu mengakui negara berhadapan masalah defisit integriti dan tadbir urus sangat kritikal dalam semua sektor. Bilangan kes disiasat pihak berkuasa dan individu didakwa di mahkamah membuktikan rasuah serta penyelewengan menjadi lumrah dan berakar umbi.

Oleh itu, kita perlu fokus usaha membanteras rasuah dan meningkatkan amalan tadbir urus dari peringkat akar umbi dengan memberi keutamaan kepada aspek pencegahan.

Walaupun mengambil masa, perancangan jangka panjang memberi pulangan lumayan satu hari kelak. Jangan lupa kota Rom tidak dibina dalam satu hari.

Dalam konteks ini, pihak berkuasa perlu memberi perhatian lebih kepada usaha memperkasa integriti dan tadbir urus dalam kalangan belia yang akan mewarisi kepemimpinan dan kecermerlangan negara.

Usaha menerapkan kesedaran dan proses pencegahan bersepadu perlu bermula dari peringkat sekolah hingga ke universiti, kemudian diteruskan majikan di organisasi awam serta swasta supaya akhirnya kita mampu melahirkan generasi mem-

benci rasuah dan membudayakan amalan tadbir urus baik dalam kehidupan seharian.

Program berbentuk menupuk kesedaran masalah tadbir urus dan rasuah perlu diperbanyakkan di sekolah serta universiti baik secara formal mahupun tidak formal melalui pelaksanaan program pemeraksanaan sahsiah diri.

Anak-anak perlu disedarkan tadbir urus baik dan integriti adalah budaya serta gaya hidup betul dan sebagai warganegara bertanggungjawab, kita tidak boleh bertoleransi dalam aspek ini walau apa keadaan sekalipun.

Pada peringkat organisasi pula, perlu ada usaha berterusan mencegah dan membanteras rasuah serta meningkatkan amalan tadbir urus baik. Antara prinsip utama amalan tadbir urus baik wajar diamalkan setiap organisasi adalah menitikberatkan kepentingan nilai moral dan etika tinggi dalam kalangan warga kerja.

Organisasi perlu memastikan setiap komponen barisan pekerja dalam organisasi daripada lapisan pengurusan atasan hingga ke bawah memiliki dan mengamalkan etika serta budaya kerja tinggi berpaksikan nilai murni demi penyampaian perkhidmatan cemerlang.

Setiap organisasi juga perlu telus dalam proses pembuatan keputusan mahupun dalam aspek perkongsian maklumat kepada semua pihak berkepentingan. Ini menzahirkan aspek keterbukaan dalam

amalan tadbir urus baik.

Selain itu, pemimpin organisasi perlu bersedia, sanggup dan berani dalam memberikan penjelasan kepada pemegang taruh terhadap apa jua tindakan dalam pelaksanaan sesuatu tugas.

Umumnya, amalan tadbir urus baik boleh memastikan budaya defisit integriti seperti gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat diminimumkan, pandangan minoriti diambil kira serta suara golongan tidak menonjol didengar dalam proses pembuatan keputusan.

Dalam konteks lebih global, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggariskan tiga prinsip utama tadbir urus baik, iaitu keberkesanan, akauntabiliti dan keterangkuman.

Kerajaan ketika ini juga memberi perhatian serius terhadap konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk memacu kecemerlangan negara dalam pelbagai bidang. Antara aspek penting dalam ESG ialah amalan tadbir urus diangkat sebagai kayu ukur utama dalam mengukur kecemerlangan organisasi dan negara.

Justeru, prasyarat utama menjadikan negara hebat dan gagah ialah kita perlu memberikan perhatian serius untuk mencegah rasuah serta salah guna kuasa dari peringkat akar umbi, selain memperkasa aspek tadbir urus baik pada semua peringkat lapisan masyarakat.



**BERITA
HARIAN
03/01/2024
(RABU)**

SPRM siasat RM700j belanja promosi kerajaan 2020-2022

Agensi masih
teliti serta kumpul
semua dokumen
berkaitan

Oleh Ilah Hafiz Azizilah
hafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan pihaknya sedang menyiasat proses dan tatacara perbelanjaan kerajaan antara tempoh 2020 hingga 2022, yang menggunakan dana RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan siasatan berkenaan, namun beliau enggan mengulas lanjut.

Sementara itu satu sumber berkata, pada hari ini pasukan SPRM sudah ke Kementerian Ke-

wangan (MOF) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menjalankan proses siasatan. Malah pihak SPRM juga sudah mengumpulkan maklumat serta mendapatkan dokumen berkaitan semalam.

Mula siasatan awal

"SPRM sudah memulakan siasatan awal berhubung isu membabitkan penggunaan wang sebanyak RM700 juta yang dibelanjakan bagi tujuan promosi dan publisiti untuk menghebahkan pencapaian kerajaan dalam tempoh 2020 hingga 2022 ketika pentadbiran dua Perdana Menteri sebelum ini.

"Siasatan ini dibuat berdasarkan maklumat awal yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran pada November tahun lalu.

"Prabakaran ketika itu meminta Perdana Menteri menyatakan jumlah keseluruhan dibelanjakan kerajaan untuk kerja promosi dan publisiti dalam

menghebahkan pencapaian kerajaan menerusi semua platform media massa termasuk media cetak, media digital serta televisyen sepanjang tahun sejak 2020 hingga kini," katanya.

Media sebelum ini melaporkan Kerajaan Persekutuan membelanjakan sehingga RM700 juta untuk kerja pengiklanan, promosi dan publisiti bagi menghebahkan agenda kerajaan bagi tempoh 2020 hingga 2022.

Perbelanjaan berkenaan digunakan dua pentadbiran terdahulu dalam menguar-uarkan pencapaian dan usaha kerajaan.

Terdahulu, SPRM dilaporkan berkata pihaknya membuka kertas siasatan mengenai perbelanjaan itu, malah akan memanggil bekas pemimpin tertinggi kerajaan berhubung siasatan itu.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri memaklumkan kepada *BH* beliau belum menerima sebarang panggilan daripada SPRM berhubung satu siasatan dijalankan agensi penguatkuasaan itu.



**BERITA
HARIAN
03/01/2024
(RABU)**

Pegawai imigresen bebas 17 tuduhan rasuah

KUALA LUMPUR - Mahkamah Sesyen di sini membebaskan seorang pegawai Jabatan Imigresen daripada 17 pertuduhan menerima suapan RM21,500 untuk melepaskan warga asing yang melakukan kesalahan imigresen melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Hakim Rozina Ayob membuat keputusan itu selepas mendapati pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Mohd Al-Ridhuan Ahmad Zaini, 38, di akhir kes pendakwaan pada Julai tahun lepas.

"Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie bagi 17 pertuduhan utama dan tiga pertuduhan alternatif. Oleh itu, tertuduh wajar dilepas dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan tersebut tanpa dipanggil membela diri," katanya dalam penghakiman dikeluarkan pada Selasa.

Menurut beliau, terdapat banyak kelompangan dalam rangkaian keterangan saksi pendakwaan terutama dua pegawai imigresen iaitu Muhammad Hakim Hanafi, yang juga saksi pendakwaan ke-11 dan Noorashikin Radzali (saksi pendakwaan ke-27) yang merupakan rakan sejenayah dalam kes ini.

"Tiada bukti kukuh berkenaan jadual tugas mereka (SP11 dan SP27) yang dikatakan elemen penting untuk dibuktikan kesahihan fakta penerimaan upah yang diterima mereka atas arahan tertuduh," katanya.

Mengenai pertuduhan alternatif, Rozina berkata, tiada sebarang bukti menunjukkan penumpang yang dibenarkan keluar dari pintu keluar antarabangsa KLIA2 oleh SP11 dan SP27 adalah warga asing yang melakukan kesalahan imigresen.

"Pihak pendakwaan gagal membuktikan wang yang diterima SP11 dan SP27 sebagai upah bagi membantu melepaskan warga asing yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen untuk keluar dari Malaysia," katanya.

Perbicaraan kes itu bermula pada September 2021 dengan 31 saksi pendakwaan memberi keterangan.

Mohd Al-Ridhuan didakwa menerima suapan itu daripada seorang wanita sebagai upah membantu melepaskan warga asing yang melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) untuk keluar dari Malaysia melalui pintu keluar udara KLIA2 tanpa dikenakan tindakan undang-undang. - *Bernama*



SINAR HARIAN
03/01/2024
(RABU)

1MDB

AS\$681 juta dalam akaun Najib disyaki wang beli undi

Saksi maklumkan transaksi daripada syarikat dikawal sekutu Jho Low

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, wang berjumlah AS\$681 juta diterima Datuk Seri Najib Razak dalam akaun bank peribadi AmBank miliknya disyaki wang rasuah, yang digunakan untuk membeli undi ketika persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada tahun 2013.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin yang juga pegawai penyiasat skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), berkata wang itu diterima daripada syarikat pelaburan, Tanore Finance Corporation melalui Falcon Private Bank Singapore.

Bagi kes pendakwaan, Tanore Finance adalah syarikat yang dikawal oleh Eric Tan Kim Loong, iaitu sekutu rapat ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

Nur Aida yang juga saksi ke-49 pendakwaan, berkata maklumat yang diterima menyatakan pada



Nur Aida (dua dari kanan), saksi ke-49 pendakwaan hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

2013, akaun peribadi bekas Perdana Menteri yang menerima wang berkenaan ialah akaun di AmPrivate Banking, AmBank Berhad bernombor 2112022009694.

Saksi itu berkata demikian merujuk Borang Aduan yang dibuat bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009, yang dibuat pada 4 Mei 2015.

Beliau berkata, melalui satu lagi Borang Aduan, maklumat diterima menunjukkan Najib sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB dan Menteri Kewangan menerima suapan melalui dana awam pelaburan 1MDB berjumlah

RM3.217 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun sama antara 2011 dan 2013 untuk kepentingan peribadi.

Tandatangan aduan

Katanya, aduan dibuat bagi menjalankan siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM di mana beliau sendiri menandatangani aduan itu yang dibuat 17 Mei 2018.

Nur Aida memberikan keterangan ketika membacakan pernyataan saksinya pada pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib pada perbicaraan rasuah dan pengu-

bahan wang haram dana RM2.3 bilion milik 1MDB yang dihadapi Najib.

Beliau berkata, fokus siasatan adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 iaitu berkenaan kemasukan wang dalam jumlah yang sangat besar ke dalam dua akaun peribadi Najib iaitu akaun yang berakhir dengan nombor 694 dan 880 di antara 2011 dan 2014.

Beliau menjalankan siasatan berdasarkan dokumen diperolehi daripada beberapa pihak antaranya Bank Negara Malaysia, 1MDB, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan.

Mahkamah Tinggi sebelum ini diberitahu Tanore Finance memindahkan AS\$681 juta ke dalam akaun peribadi AmIslamic Bank milik Najib.

Dana itu sebahagian daripada terbitan bon 1MDB keseluruhannya berjumlah AS\$3 bilion yang sepatutnya dilaburkan bagi usaha sama 1MDB dengan Aabar Investment PJS yang dikenali sebagai Abu Dhabi Malaysia Investment Company (ADMIC).

Menurut Penganalisis Pasukan Petugas Khas 1MDB, Adam Ariff Mohd Roslan, pada hari sama Tanore Finance menerima AS\$640 juta iaitu pada 21 Mac 2013, ia mengarahkan Falcon Bank memindahkan AS\$681 juta ke nombor akaun 211-202-200969-4 di bawah nama 'AmPrivate Banking-MR' di AmIslamic Bank secepat mungkin.



**BERITA
HARIAN
03/01/2024
(RABU)**

Sedia bekerjasama isu dana RM700 juta

Bagaimanapun
Kementerian
Komunikasi masih
belum terima
pemakluman SPRM

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kementerian Komunikasi sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penggunaan wang RM700 juta dibelanjakan bagi promosi dan publisiti oleh kerajaan sebelum ini.

Menterinya, Fahmi Fadzil berkata, setakat ini beliau tidak mendapat sebarang pemaklu-

man daripada SPRM.

"Sekiranya SPRM merasakan ada keperluan, itu hak mereka untuk menjalankan siasatan termasuk Kementerian ini," katanya ketika sidang akhbar pada Rabu.

SPRM pada Selasa mengesahkan pihaknya sedang menyiasat proses dan tatacara perbelanjaan kerajaan antara tempoh 2020 hingga 2022, yang menggunakan dana RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti ketika era pentadbiran dua Perdana Menteri sebelum ini.

Menurut sumber, siasatan awal SPRM menjurus kepada bagaimana wang tersebut dibelanjakan dan adakah prosesnya mengikut tatacara yang betul.

Setakat ini, SPRM dilapor



FAHMI

telah berkunjung ke Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menjalankan proses siasatan.

Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran di Dewan Rakyat pada November tahun lalu meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim menyatakan jumlah keseluruhan yang dibelanjakan kerajaan untuk kerja promosi dan publisiti dalam menghebahkan pencapaian kerajaan menerusi semua platform media massa termasuk media cetak, media digital serta televisyen sepanjang tahun sejak 2020 hingga kini.

Susulan itu Fahmi turut membuat catatan di aplikasi X baru-baru ini bahawa rakyat berhak mengetahui bagaimana RM700 juta telah dibelanjakan.



SINAR HARIAN
04/01/2024
(KHAMIS)

BERSALAH TERIMA RASUAH

Penjara bekas hakim ditukar jadi sehari

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi Shah Alam mengurangkan hukuman penjara seorang bekas hakim Mahkamah Sesyen yang didapati bersalah menerima rasuah berkaitan prosiding mahkamah, daripada enam bulan kepada sehari.

Hakim Hasbullah Adam turut mengurangkan jumlah denda yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 19 Disember 2022 terhadap bekas Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu Azmil Muntapha Alias, 50, daripada RM25,000 kepada RM12,000, selepas membetulkan rayuannya.

Bagaimanapun, Hakim Hasbullah menolak rayuan perayu untuk mengotepikan sabitan terhadapnya, selepas mendapati tidak wujud alasan bermerit untuk mengganggu gugat dapatan serta keputusan hakim Mahkamah Sesyen berkenaan sabitan kesalahan menaati Seksyen 306 Kanun Tatacara Jenayah.

"Oleh itu, sabitan tersebut adalah selamat," kata hakim itu menerusi alasan penghukuman yang dibacakan pada 19 Disember.

Hakim Hasbullah mengotepikan hukuman yang dikenakan oleh hakim Mahkamah Sesyen dan digantikan dengan hukuman penjara sehari dan denda RM12,000, jika gagal membayar denda dipenjarakan tiga bulan itu selepas mendapati terdapat merit dalam rayuan perayu.

Heliye berkata kesalahan di bawah Seksyen 303 Kanun Keseksaan, memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, namun tiada peruntukan mandatori bahawa pemenjaraan wajib diberikan.

"Elemen utama kesalahan ialah menerima atau terang berbunga tanpa balasan. Berbeza dengan pertuduhan kesalahan utama (iaitu Seksyen 371a) Akta Suruhanjaya Penguatkuasaan Rasuah Malaysia 2009, yang memperuntukkan hukuman pemenjaraan maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan," katanya.

Selain itu, Hakim Hasbullah berkata mahka-

mah juga mengambil kira pelesenan Timbalan Pendaftrar Mahkamah Tinggi Shah Alam yang juga saksi peralaksanaan keempat (SP4) Ahmad Fekri Mohd Azmi, sebagai 'temptation' (tawaran) kepada perayu, dengan menawarkan wang.

"Peranan aktif SP4 yang memastikan pemberian tersebut (wang) terlaksana, walaupun perayu telah mengatakan tidak dapat persetujuan kadar hukuman yang dicadangkan," katanya dan menambah mahkamah juga mengambil kira tempoh perkhidmatan Azmil Muntapha selaku hakim selama 17 tahun, sejak 2001 hingga 2018.

Mengikut pertuduhan, Azmil Muntapha sebagai Hakim Mahkamah Sesyen telah memperolehi wang tunai sebanyak RM5,000, tanpa sara balasan pada 8.22 malam, yang mana tertuduh mengetahui mempunyai hubungan dalam suatu prosiding yang berkaitan dengannya lalu mengendalikannya kes jenayah bagi enam Orang Kena Tuduh (OKT).

Enam OKT tersebut ialah Chin Yat Soong, Yap Chiew Taz, Chin See Shak, Pang Kooi Fook, Yap Swee Ming dan Chin Chee Keong, yang masing-masing telah melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 9 (c) Akta Rumah Judi Terbuka 1993 (Akte 289) dan Azmil Muntapha telah menjatuhkan hukuman denda terhadap kesemua mereka.

Azmil Muntapha didakwa melakukan perbuatan tersebut di Maybank Setia Alam 3, Shah Alam, pada 10 Mei 2018 mengikut Seksyen 103 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

"Peranan aktif SP4 memastikan pemberian tersebut (wang) terlaksana, walaupun perayu mengatakan tidak dapat persetujuan kadar hukuman dicadangkan"



**HARIAN
METRO
04/01/2024
(KHAMIS)**

Rasuah: Bekas hakim kes Beng Hock dipenjara sehari, denda RM12,000

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi di sini pada Rabu mengurangkan hukuman seorang bekas hakim yang dihukum penjara enam bulan dan denda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini kerana didapati bersalah atas kes rasuah enam tahun lalu kepada jel sehari dan denda RM12,000.

Mahkamah Tinggi di sini membenarkan rayuan bekas Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, Azmil Muntapha Abas, 50, untuk mengetepikan hukuman yang diputuskan

Mahkamah Sesyen, pada 19 Oktober 2022, namun dia gagal mengetepikan sabitan bersalah berhubung kes itu.

Menerusi alasan penghakiman yang dikeluarkan Hakim Hasbullah Adam pada Jumaat lalu, Mahkamah Tinggi mendapati tidak wujud alasan yang bermerit untuk menggugat keputusan Hakim Mahkamah Sesyen berhubung sabitan kesalahan menurut Seksyen 316 Kanun Tatacara Jenayah.

Menurutnya, sabitan bersalah bekas hakim atas kesalahan

rasuah tersebut adalah selamat, maka mahkamah ini memutuskan bahawa rayuan Azmil Muntapha selaku perayu, ditolak.

"Bagaimanapun, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu atas hukuman, dengan mengetepikan hukuman penjara enam bulan dan denda RM25,000 dengan menggantikannya kepada pemenjaraan sehari dan denda RM12,000," katanya.

Berdasarkan pembuktian setiap elemen pertuduhan, Hakim Mahkamah Sesyen tidak ter-

khilaf dari segi undang-undang dan fakta untuk memutuskan bahawa wujud kes prima facie pada akhir kes pendakwaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai Hakim Mahkamah Sesyen telah memperoleh untuk dirinya suatu barang berharga iaitu wang tunai RM5,000 tanpa suatu balasan pada 8.22 malam, yang mana tertuduh mengetahui mempunyai hubungan dalam suatu prosiding yang berkaitan dengannya iaitu mengendalikan kes-kes jenayah bagi enam Orang Kena Tuduh (OKT).

Enam OKT tersebut adalah Chin Yat Soong, Yap Chiew Tat, Chin See Shak, Pang Kooi Fook, Yap Swee Ming dan Chin Chee Keong yang melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan di mana Azmil Muntapha telah menjatuhkan hukuman denda terhadap mereka.

Azmil sebelum ini adalah majistret bagi prosiding inkues kematian Teoh Beng Hock semasa dalam tahanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 16 Julai 2009.



SINAR HARIAN
04/01/2024
(KHAMIS)

SPRM perlu tumpu usaha hapus akar umbi rasuah

Pendekatan tangkap pemberi suapan dilihat lebih efektif

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) menyarankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengubah pendekatan dalam tindakan, iaitu fokus kepada punca gejala itu pada peringkat akar umbi atau pemberi rasuah.

Pengerusinya, Tan Sri Borhan Dolah, berkata jenayah rasuah tidak akan dapat dibanteras sepenuhnya jika agensi penguatkuasaan hanya fokus tangkapan kecil dan tidak menumpaskan sumber atau akar umbi punca gejala terbabit.

Beliau berkata, untuk memastikan kejayaan menumpaskan rasuah, fokus perlu diberikan kepada punca di akar umbi dan bukannya dahan atau ranting, yang sebaliknya boleh dijadikan saksi bagi mengheret sumber atau punca rasuah untuk pendakwaan.

Mengakui SPRM sudah berusaha sebaiknya dalam penguatkuasaan dan tidak mudah berdepan dengan punca atau akar umbi rasuah, Borhan menegaskan, masih banyak boleh diteroka agensi itu untuk meningkatkan keberkesanan tindakan.

"SPRM diharap punya lebih tekad dan keberanian dalam berdepan sumber atau pihak pemberi rasuah ini. Tak boleh pergi kepada angka sahaja, contohnya tangkap 20 penjawat awam, jumlah itu nampak besar, statistik meningkat, tapi pemberi rasuah atau puncanya terlepas, maka rasuah akan terus berleluasa.

"Kenapa tidak jadikan 20 pen-

jawat awam itu sebagai saksi dan tangkap sumber atau punca pemberi rasuah, jadi sumber yang lain akan takut untuk memberi rasuah. Kita tidak boleh bermain dengan angka sahaja.

"Ini tidak, potong ranting, sekejap lagi tumbuh ranting baharu, akarnya akan tetap memberi rasuah kepada kumpulan ranting baharu nanti. Kenapa tidak tahan pemberi rasuah dan jadikan penerima rasuah sebagai saksi.

"SPRM perlu tumpu kepada punca dan sumber rasuah. Kalau ranting atau dahan, kita potong, pada masa akan datang, keluar lagi banyak," katanya kepada *BH* sambil menegaskan, SPRM perlu lebih taring dan ruang untuk 'menjejak' punca rasuah hingga ke akar umbi.

Borhan menegaskan, rasuah boleh ditangani jika ia ditumpaskan pada peringkat sumber atau akar umbi kerana tanpa pemberi, tiada penerima.

"Produktiviti SPRM tidak boleh diukur melalui bilangan tangkapan, apa yang lebih penting tahap kebesaran kes itu.

"SPRM perlu menunjukkan tahap efektif dengan mendapatkan jumlah tangkapan yang ramai, tapi pada saya, lebih baik dapat satu (tangkapan), tapi dapat punca rasuah berbanding tangkap 20 untuk nampak produktif," katanya.

Katanya, tangkapan SPRM dilihat banyak membabitkan penjawat perkhidmatan awam kerana tindakan terhadap sektor itu

lebih mudah berbanding swasta.

"Apabila anda kata tangkapan SPRM banyak membabitkan perkhidmatan awam, seolah-olah penjawat awam paling banyak korup, tetapi pada saya paling banyak korup adalah sektor swasta, tetapi siapa peduli," katanya.

Berhubung aspek penambahbaikan, Borhan berkata, PPPR melihat peningkatan teknologi boleh mengurangkan rasuah, termasuk pelaksanaan sistem perkhidmatan melalui dalam talian, berbanding kaedah manual.

Teknologi dalam talian boleh mengurangkan campur tangan manusia yang membuka ruang kepada rasuah. Contohnya dalam sesuatu urusan yang sebelum ini dilakukan secara manual, boleh menyebabkan kewujudan 'ulat' atau orang tengah yang perlu dibayar untuk memudahkan urusan.

"Namun apabila adanya sistem (dalam talian), ia akan potong peranan 'ulat' ini. Urusan boleh buat dengan hujung jari," katanya.

Belum terlambat

Sementara itu, Bekas Pengarah Operasi Siasatan Khas SPRM, Datuk Bahri Mohamad Zin, berkata Malaysia belum terlambat untuk memperkasakan suruhanjaya itu, dengan 'membebaskannya' di bawah Parlimen yang berperanan menjadi penapis.

Beliau berkata, namun misi itu hanya boleh direalisasikan jika semua pihak 'berlapang dada' ingin memastikan SPRM benar-benar berfungsi tanpa condong ke

pada mana-mana pihak.

"Bebaskan SPRM sebebaskan-bebasnya. Biarlah Parlimen menjadi penapisnya, selain hanya melantik mereka yang cekap dalam melaksanakan tugas.

"Kita boleh lihat sebelum ini, SPRM satu-satunya pihak berkuasa yang terbukti melakukan siasatan tanpa memilih bulu, ada kes yang dianggap ikan bilis dan ada yang dianggap jerung ganas.

"Malah, SPRM juga membuktikan mampu menyiasat seorang pemimpin yang sedang berkuasa dengan adanya pegawai yang berani, namun kita tidak menafikan wujud juga pegawai yang pengecut dan terpengaruh dengan pihak tertentu," katanya.

Bahri berkata, tohmahan bahawa SPRM berstribel, tidak adil dan dicucuk hidung oleh pemimpin, selain menyasar pihak tertentu sahaja adalah tidak benar, sebaliknya ia berlaku berikutan kegagalan suruhanjaya itu sendiri menerangkan kedudukan sebenarnya kepada rakyat.

Penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim, pula berpendapat SPRM perlu menumpukan terhadap aspek pencegahan secara menyeluruh, dengan tidak hanya memfokuskan terhadap sesuatu perkhidmatan sahaja.

Beliau berkata, tahap pencegahan SPRM masih tidak menyeluruh dengan sasaran hanya tertumpu pada perkhidmatan awam dan ahli politik sahaja.

"Bagaimana dengan ahli perniagaan yang besar-besar, atau agensi swasta? Kita lihat sasaran mereka adalah penjawat awam atau yang menerima rasuah.

"Sedangkan pemberi rasuah juga perlu dikenakan tindakan... apabila tumpuan diberikan secara menyeluruh, barulah adil," katanya.

Pada masa sama, Shahul Hamid berkata, penekanan harus juga diberikan kepada pemberi rasuah kerana berdasarkan Akta SPRM 2009 tindakan boleh dikenakan kepada kedua-dua pihak.

Produktiviti SPRM tidak boleh diukur melalui bilangan tangkapan, apa yang lebih penting bergantung pada tahap kebesaran kes itu

Borhan Dolah,
Pengerusi Panel Perundangan
Pencegahan Rasuah



BERITA
HARIAN
04/01/2024
(KHAMIS)

Beberapa bekas pemimpin kerajaan akan dipanggil

Ia bergantung kepada kecepatan pihak SPRM kumpul semua dokumen berkaitan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Beberapa bekas pemimpin kerajaan akan dipanggil selepas selesai semakan dokumen berhubung isu membabitkan penggunaan wang sebanyak RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti untuk menghebahkan pencapaian kerajaan dalam tempoh 2020 hingga 2022.

Pengarah Kanan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM), Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, setakat ini tiada lagi mana-mana bekas pemimpin kerajaan dipanggil untuk kes tersebut.

"Mengenai bila (bekas pemimpin) akan dipanggil, itu bergantung kepada kecepatan kami mengumpul semua dokumen berkaitan.

"Dokumen yang diperoleh ini perlu disemak dahulu sebelum tindakan susulan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Mengulas mengenai siapa bekas pemimpin yang akan dipanggil, Hishamuddin berkata, perkara itu masih dalam siasatan dan tidak boleh didedahkan buat masa ini.

Selasa lalu, media melaporkan SPRM telah ke Kementerian Kewangan (MoF) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi proses siasatan dan mengumpul

ISU DANA
RM700 JUTA

maklumat serta mendapatkan dokumen berkaitan.

Siasatan dibuat berdasarkan maklumat awal yang dinyatakan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran pada November tahun lalu.

Prabakaran ketika itu meminta Perdana Menteri menyatakan jumlah keseluruhan dibelanjakan kerajaan untuk kerja promosi dan publisiti dalam menghebahkan pencapaian kerajaan menerusi semua platform media massa termasuk media cetak, media digital serta televisyen sepanjang tahun sejak 2020 hingga kini.

Media sebelum ini juga melaporkan Kerajaan Persekutuan membelanjakan hingga RM700 juta untuk pengiklanan, promosi dan publisiti bagi menghebahkan agenda kerajaan bagi tempoh 2020 hingga 2022.



SINAR HARIAN
05/01/2024
(JUMAAT)

4 individu dipanggil bantu siasatan kes Tun Daim

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam memanggil empat individu bagi membantu siasatan terhadap bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin. Difahamkan empat individu itu dipanggil memberi keterangan yang direkodkan mengikut

Seksyen 30 Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun peguam mewakili empat individu itu, Rajesh Nagarajan dan Sachpreetraj Sohanpal membidas tindakan agensi berkenaan yang didakwa melarang peguam menemani anak guam ketika prosedur soal siasat berlangsung.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, peguam terbabit menyelar larangan SPRM dengan menyifatkan ia sebagai penindasan yang menyalahi undang-undang.

Selain itu, mereka berdua juga menyifatkan tindakan suruhanjaya antirasuah itu sebagai angkuh dan zalim.

"Khususnya, seorang daripada peguam mewakili individu itu berada bersama anak guam di bilik temu duga dengan secara tiba-tiba, pegawai SPRM meluru masuk dan memaksa peguam berkenaan keluar.

"SPRM kemudiannya menghalang kami mewakili dan menasihati anak guam kami," katanya merujuk insiden di ibu pejabat SPRM, Putrajaya semalam.

Peguam itu turut mendakwa keempat-empat individu itu di-

beri notis kurang 24 jam untuk hadir memberi keterangan di SPRM, sambil menambah mereka memberi kerjasama seperti diarahkan.

Dakwa arahan daripada pihak berpangkat tinggi

Mengenai arahan kepada peguam mewakili individu berkenaan keluar dari bilik soal siasat, pegawai SPRM yang bertugas ketika itu didakwa menerima arahan pihak berpangkat tinggi.

"Kelakuan SPRM adalah luar biasa dan tidak wajar. Hak untuk diwakili peguam apabila disoal oleh badan penguatkuasaan adalah perkara asas kepada sistem keadilan jenayah kita.

"Ia juga mengejutkan bahawa walaupun kes kematian Teoh Beng Hock dalam tahanan, SPRM terus menghalang akses kepada peguam untuk mewakili individu yang disoal siasat. Jelas sekali SPRM tidak belajar apa-apa daripada kesilapan mereka sebelum ini.

"Sehubungan itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, (Tan Sri) Azam Baki mesti bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penafian pe-

guam. Kami menggesa beliau memberi penjelasan penuh terhadap tindakan itu, kerana ini melibatkan kepentingan awam dan integriti sistem keadilan jenayah," kata peguam itu.

Media sebelum ini melaporkan SPRM membuka siasatan terhadap Daim berdasarkan maklumat Kertas Pandora sejak Februari lalu.

Media turut melaporkan Bangunan Menara Ilham di Jalan Binjai, Kuala Lumpur yang dikatakan milik keluarga Daim, disita SPRM.

Notis penyitaan bangunan setinggi 60 tingkat itu bertarikh 18 Disember lalu disiarkan melalui ruangan pemberitahuan sebuah portal berita dengan ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Akram Gharib.

Daim juga sebelum ini dilaporkan antara yang turut disiasat SPRM berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 yang melibatkan Renong Bhd dan United Engineers Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang juga bekas tonggak perniagaan dikaitkan dengan UMNO ketika parti itu mentadbir negara.

Ibadat&Fadilat

Abu Mas'ud al-Ansari RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
"Apabila seorang Muslim memberikan belanja kepada keluarganya semata-mata kerana mematuhi Allah, maka ia mendapat pahala."
(HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:17	1:26	4:47	7:18	8:32
Alor Setar	6:17	1:26	4:47	7:18	8:33
P. Pinang	6:16	1:26	4:48	7:20	8:34
Ipoh	6:12	1:24	4:46	7:19	8:33
Kuala Lumpur	6:08	1:21	4:44	7:18	8:33
Shah Alam	6:08	1:21	4:44	7:18	8:33
Johor Bahru	5:56	1:12	4:36	7:12	8:27
Kuantan	6:01	1:15	4:38	7:13	8:27
Seremban	6:05	1:20	4:44	7:18	8:33
Bandar Melaka	6:03	1:19	4:42	7:17	8:32
Kota Bharu	6:10	1:19	4:40	7:11	8:21
K. Terengganu	6:04	1:15	4:36	7:08	8:23
Kota Kinabalu	5:13	12:23	3:44	6:16	7:30
Kuching	5:31	12:48	4:11	6:47	8:02



**BERITA
HARIAN
05/01/2024
(JUMAAT)**

Platform inovasi, ekspresi tolak rasuah

Pertandingan video pendek HARA #RasuahBusters 2023 terima lebih 70 penyertaan

Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN SHAH ALAM

Pertandingan video pendek sempena Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) #RasuahBusters 2023 mendapat sambutan membarangsangkan apabila menerima lebih 70 penyertaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (RasuahBusters), Nurhayati Nordin berkata, penganjuran itu bagi menggalakkan penglibatan orang ramai terutamanya

golongan belia untuk bersama bangkit mengekspresikan penolakan terhadap rasuah.

"Pertandingan ini bertemakan 'Bersatu Menentang Korupsi' bagi menjadikan HARA pada 9 Disember setiap tahun sebagai satu sambutan signifikan untuk diisi dengan aktiviti yang bermanfaat.

"Pertandingan video ini berjaya menjadi platform inovasi kepada para peserta, di mana ia mendorong mereka menggali potensi, punca dan kesan rasuah hingga akhirnya menghasilkan naratif serta mesej kreatif sebagai mekanisme kesedaran anti rasuah," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Sebelum ini, program HARA #RasuahBusters 2023 diadakan buat julung kalinya di Kompleks Kumpulan Karangkrak pada 13



NURHAYATI

hingga 14 Disember lalu dengan menyediakan pelbagai pameran dan aktiviti khas.

Program itu dianjurkan bagi menyampaikan mesej antirasuah dan membentuk kesedaran dalam kalangan masyarakat terutama pelajar serta peniaga tempatan.

Tambahan, pemenang tempat pertama membawa pulang wang tunai RM1,500, kedua (RM1,000), ketiga (RM700), keempat (RM500), kelima (RM300) dan saguhati sebanyak RM100 bagi 10 orang peserta.

Mengulas lanjut, Nurhayati berkata, hasil kreativiti dengan kajian dan kolaborasi melalui teknologi media telah menjadi platform penyebaran kesedaran sosial kepada masyarakat.

"Kita lihat capaian dan interaksi sosial media juga tinggi dan membuktikan bahawa format video dan audio adalah kaedah

yang mudah diterima oleh golongan muda serta menjadikan penyampaian mesej lebih berkesan.

"Ia juga menjadi ruang untuk peserta mempamerkan kemahiran mereka dengan menerapkan nilai-nilai integriti dan mesej penolakan rasuah yang sebenarnya bertujuan membentuk pemikiran kritikal terhadap penjagaan hak-hak kemanusiaan," ujarnya.

Tambahnya, tindakan menghentikan kegiatan itu bukan tu-

gas eksklusif mana-mana pihak tetapi merupakan tanggungjawab kolektif yang harus dimanifestasikan dengan tindakan bersungguh-sungguh dan konsisten dalam apa jua kapasiti sedia ada.

Jelasnya, pertandingan video adalah salah satu bentuk komunikasi yang harus diperluaskan lagi kepada pelbagai bentuk seni dalam membanteras rasuah dan perlu melibatkan setiap individu di seluruh peringkat ekosistem.



SINAR HARIAN
06/01/2024
(SABTU)

CEO persatuan bola sepak antara empat direman

Disyaki terima rasuah lebih RM6 juta daripada pemilik syarikat

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR

Empat individu termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan dua wakil perunding sebuah persatuan bola sepak di utara tanah air ditahan reman selama tiga hari bermula Jumaat sehingga Ahad ini.

Kesemua mereka di-

syaki meminta serta menerima wang rasuah bernilai lebih RM6 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Jumaat.

Menurut sumber, keempat-empat suspek lelaki yang berusia antara 40 hingga 60 tahun itu ditahan sekitar jam 5 hingga 6.30 petang pada Khamis ketika hadir di Pejabat SPRM Kedah bagi rakaman keterangan.

"Berdasarkan siasatan yang dijalankan, wang lebih RM6 juta berkenaan

telah dimasukkan ke dalam akaun sebuah persatuan bola sepak.

"Wang rasuah berkenaan dipercayai sebagai balasan kerana membantu seorang pemilik sebuah syarikat untuk mendapatkan tender projek pembinaan litar lumba dan projek mengurus, mengoperasi serta menyelenggara lima loji takungan air di sebuah negeri," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap keempat-empat suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16a(B) Akta SPRM 2009.



Keempat-empat suspek diiringi pegawai SPRM selepas mendapatkan perintah reman di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Jumaat.



SINAR HARIAN
06/01/2024
(SABTU)

Najib bincang dengan 'Putera Turki', Jho Low tanpa saluran formal - SPRM

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi di sini pada Jumaat di-beritahu bahawa percutian Datuk Seri Najib Tun Razak dan ke-luarga di atas sebuah kapal per-siaran pada 2009 bertukar men-jadi perbincangan usaha sama diplomatik yang tidak melalut saluran perbincangan sah dan formal sehingga menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin berkata, perjumpaan di antara Putera Turki (dikatakan kerabat Arab Saudi) dan Pengarah PetroSaudi International Ltd (PSI), Tarek Obaid dengan Najib dan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low ketika percuti-an itu mengesahkan ia telah menjadi penanda aras kononnya berlaku perbincangan kerajaan dengan kerajaan (G2G) yang di-canang oleh Najib hingga ke hari ini.

"Perbincangan tersebut juga tidak melibatkan pegawai tinggi kerajaan sedangkan kerajaan terpaksa menanggung pinjaman dana dengan pengeluaran jaminan penuh.

"Datuk Seri Najib sebagai Perdana Menteri ketika itu sepatutnya tahu bahawa perbincangan usaha sama G2G aras tertinggi seperti ini memerlukan saluran diplomatik yang sah dan bukannya berpunca daripada



Najib (tengah) ketika hadir bagi prosiding sambung bicara kes penyelewengan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Jumaat. - Gambar Bernama

perbincangan tidak formal di atas kapal persiaran sahaja," katanya.

Saksi pendakwaan ke-49 itu berkata demikian ketika mem-bacakan pernyataan saksinya setebal 95 muka surat semasa pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Mustaffa P Kunyalam pada per-bicaraan kes rasuah dan peng-ubahan wang haram dana RM2.3 bilion milik 1MDB yang dihadapi Najib.

Dalam pada itu, Nur Aida berkata, pelantikan Edward L Morse sebagai penilai aset PSI diragukan kerana laporan Penilaian Aset PSI disediakan

hanya dalam masa lapan hari sahaja sedangkan nilai aset yang dinilai adalah sangat besar iaitu antara AS\$2.7 bilion dan AS\$4.5 bilion.

"Malahan, Datuk Seri Najib telah mengarahkan Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi (bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB) untuk tidak membuat penilaian ke atas aset PSI dengan alasan ingin menjaga nama baik bilateral Malaysia dan Arab Saudi dari segi politik dan reputasi.

"Datuk Seri Najib telah meng-gunakan Jho Low dan Datuk Shahrol Azral untuk memaksa ahli lembaga pengarah 1MDB

melalui bekas pengerusinya, Tan Sri Mohd Bakke Salleh supaya mengikut arahan dan juga saranan mereka dalam beberapa

tindakan serta ke-putusan berkaitan usaha sama dengan PSI," katanya.

Tambah Nur Aida, alasan yang selalu di-berikan Najib adalah menjaga hubungan G2G yang dijalin antara kerajaan Malaysia serta ke-rajaan Arab Saudi dan ini menyebabkan banyak keputusan dan kelulusan yang dibuat tidak menyalahi 1MDB serta kerajaan.

Mahkamah sebelum ini di-beritahu bahawa kerjasama 1MDB-PSI menyebabkan 1MDB menyuntik dana berjumlah AS\$1 bilion sebagai modal permulaan yang dibayar secara tunai.

Bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, sebanyak AS\$700 juta dilencongan ke dalam syarikat Good Star Ltd iaitu syarikat yang dimiliki oleh Jho Low.

Pada perbicaraan 1MDB se-belum ini, Shahrol Azral yang juga saksi pendakwaan ke-sembilan berkata, projek usaha sama di antara 1MDB dan PSI tercetus serta dibincangkan se-masa Najib bercuti di selatan

Perancis di atas sebuah kapal layar bersama Putera Turki pada Ogos 2009.

Pada Mei 2022 pula, bekas Pegawai Khas Najib, Datuk Wan Ahmad Shihab Ismail Wan Ismail (saksi pendakwaan ke-16) m e m b e r i t a h u mahkamah, pada hari kedua atau ke-tiga pelayaran per-cutian Najib dan keluarga, Najib memaklumkan kepada-nya bahawa seorang putera dari Arab Saudi iaitu Putera

Turki berada di sebuah kapal lain berdekatan dan beliau menjemput Najib sekeluarga untuk minum petang di atas kapal mereka.

Menurut beliau, rombongan itu disambut Putera Turki dan se-orang lelaki yang memperkenal-kan dirinya sebagai Tarek Obaid.

Najib, 70, berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memper-oleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 per-tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung 8 Januari ini. - *Bernama*



JHO LOW



SINAR HARIAN
06/01/2024
(SABTU)

CEO persatuan bola sepak direman kes rasuah RM6j

3 lagi suspek turut ditahan SPRM Kedah ketika hadir beri keterangan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Alor Setar: Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah persatuan bola sepak di Kedah, adalah di antara empat individu yang ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selama tiga hari, bermula semalam.

Lelaki itu ditahan untuk membantu siasatan berhubung dakwaan meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM6 juta.

Turut direman bersamanya ialah dua wakil perunding persatuan berkenaan dan seorang individu yang bekerja sendiri.

Perintah reman terhadap keempat-empat mereka dikeluarkan Majistret, Siti Norhidayah Mohd Noor, selepas meluluskan permohonan yang dikemukakan SPRM di Mahka-



SPRM tahan reman empat individu bantu siasatan berhubung dakwaan meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM6 juta. (Foto BERNAMA)

mah Majistret Alor Setar.

Menurut sumber, empat suspek lelaki berusia antara 40 hingga 60 tahun itu ditahan antara jam 5 hingga 6.30 petang kelmarin, ketika mereka hadir di Pejabat SPRM Kedah bagi proses rakaman keterangan bagi membantu siasatan yang dijalankan.

"Berdasarkan siasatan di-

jalankan, wang lebih RM6 juta berkenaan dimasukkan ke dalam akaun sebuah persatuan bola sepak di utara tanah air.

"Wang rasuah berkenaan dipercayai sebagai balasan kerana membantu seorang pemilik syarikat mendapatkan tender projek pembinaan litar lumba dan projek mengurus, mengoperasi serta menyelenggara lima

loji takungan air di sebuah negeri," katanya.

SPRM sahkan tangkapan

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan tangkapan ke atas empat suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16a(B) Akta SPRM 2009.



**BERITA
HARIAN
06/01/2024
(SABTU)**

Belajar kejayaan Korea Selatan perbaiki indeks rasuah

• Korea Selatan merekodkan peningkatan enam tahun berturut-turut dengan CPI 2022 menunjukkan skor meningkat 10 mata, iaitu 63 mata

• Korea Selatan dilihat berjaya membentuk budaya rakyatnya agar tidak berkompromi kepada rasuah, penyelewengan dan salah laku



Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Rasuah Malaysia (SPRM)

Othman Muhammad Tarmizi Abdol Mamat bhrencana@bh.com.my

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tidak boleh dipandang ringan kerana menubuhkan imej negara di persada dunia, walaupun ada pihak berpendirian ia bukan penentu sebenar amali rasuah di sesebuah negara.

Malah, pada peringkat kerajaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melancarkan Ekspresi MADANI, meletakkan sasaran Malaysia berada di kedudukan 45 beratus dalam CPI dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Dalam konteks ini, kita perlu belajar daripada pengalaman negara lain, terutama berjaya mempertolki skor dan kedudukan dalam CPI seperti Korea Selatan. Dalam CPI 2016, negara itu memperoleh skor sebanyak 63 mata dan berada di kedudukan ke-32 daripada 176 negara.

Selepas itu, Korea Selatan merekodkan peningkatan enam tahun berturut-turut dengan CPI 2022 menunjukkan skor meningkat 10 mata, iaitu 63 mata dan berada di kedudukan ke-31 daripada 180 negara.

Begitupun, skor dan kedudukan Malaysia dalam CPI dilihat tidak banyak berubah, malah merekodkan trend menurun beberapa tahun belakangan ini. Dalam CPI 2022, skor Malaysia ialah 42 mata dan berada di kedudukan ke-75 daripada 176 negara.

Enam tahun berlaku, CPI 2022 menunjukkan skor Malaysia menurun kepada 47 mata dan berada di kedudukan ke-61 daripada 180 negara.

Ironinya, sebelum 2006, CPI Malaysia lebih baik berbanding Korea Selatan. Malaysia dan Korea Selatan pernah berkongsi skor dan kedudukan sama dalam CPI 2007, iaitu skor 5:1 format lama CPI dan kedudukan ke-45 daripada 176 negara.

Harus diingat, Korea Selatan bukan negara bebas di tangan negara mentaharui, diawali politik bebas daripada korupsi. Beberapa program pembangunan, seperti dibina dan kecekapan.

Antara yang boleh dicontohi Korea Selatan ialah program yang memulakan pada 15 April 2016 hingga 7 Mac 2017 di peringkat nasional kerana program pembangunan pada 11 kawasan bertampan 500 juta RM (RM2 juta).

Parti Gooen-Dee yang menduduki kedudukan antara 20 (1997) dan 44 (2012) pada 2007, kemudian 20 tahun selepas itu menduduki skor 38.1 dengan (IMR) yang menunjukkan bahawa skor.

Salah seorang Menteri iaitu Lee Yong-Koo (D) berkata, 30:50 ini adalah ambisi diwujudkan seperti memulakan perubahan politik yang berkaitan dengan skor CPI. Beliau berkata, skor CPI ini adalah ambisi diwujudkan seperti diwujudkan.

Dalam program ke-11, Lee Yong-koo diwujudkan skor 30:50 ini adalah ambisi diwujudkan seperti memulakan perubahan politik yang berkaitan dengan skor CPI. Beliau berkata, skor CPI ini adalah ambisi diwujudkan seperti diwujudkan.

Di Malaya Selatan, semua pemerintahan rasuah diwujudkan seperti diwujudkan seperti diwujudkan.

kuasi menandakan sasaran. Tanggungjawab utamanya adalah merangka polisi berkaitan pencegahan dan sikit ini kewajaran awam. Sasaran dan pendakwaan kes rasuah dijalankan oleh pejabat pendakwaan rasuah dan Pejabat Sasaran Rasuah bagi Pegawai Berpangkat Tinggi (CIO).

Insiatif besar perbaiki integriti

Korea Selatan mempunyai beberapa insiatif besar dalam meningkatkan integriti sektor awam yang menyumbang peningkatan CPI Korea Selatan. Untuk itu, CPI sebenarnya mengukur tahap rasuah dalam perkhidmatan awam.

Insiatif pertama, pegawai awam Korea Selatan diwajibkan mengikuti kursus integriti, etika dan pencegahan rasuah. Latihan tahunan ini dianjurkan Institut Latihan Pencegahan Rasuah (ACRC) selain kursus berkesan integriti dan etika diadakan Institut Pembangunan Sumber Manusia Negara (INSI).

Di Malaysia, tanggungjawab besar ini dilakukan kepada unit integriti di semua agensi awam. Latihan integriti juga ditetapkan kerajaan seperti Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012; Program Transformasi Mind dan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021; Modul Pengukuhan Governance Integriti dan Anti-rasuah.

Insiatif kedua, semua agensi awam di Korea Selatan akan mengadakan penilaian berkaitan integriti. ACRC melaksanakan Penilaian Integriti Korporasi bagi semua Agensi Awam (CIA) bagi menilai dan memberi grad tertentu kepada lebih 500 agensi awam.

Menariknya, grad setiap agensi awam akan dibahagikan kepada umum, CIA digalakan secara tahunan dengan percutian kawasan sekitar AS\$2 juta (RM3 juta).

“Pencegahan rasuah berkesan memerlukan komitmen kerjasama, pelaksanaan, insiatif pencegahan berkesan dan perubahan masyarakat.”



CIA melihat kepada tahap integriti, menilai usaha dilakukan untuk meningkatkan integriti dan mengukur insiden rasuah dalam agensi awam, ia memandangkan perkara perlu dilaksanakan agensi terlibat untuk memantapkan baik grad mereka.

Di negara ini, SPRM melaksanakan dua penilaian agensi awam hampir sama dengan CIA, iaitu Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam dan Kajian Penyelidikan Kewajaran Pelaksanaan Insiatif Pencegahan Rasuah Agensi Awam.

Berbeza dengan CIA, dapatan kajian SPRM tidak dibahagikan kepada umum. Justeru, penemuan mengemukakan dapatan kajian kepada umum atau diwujudkan sebagai pemeliharaan.

Insiatif ketiga, sistem pengisytiharan harta bebas. Anggota pentadbiran kerajaan dan pegawai tinggi agensi awam di Korea Selatan wajib mengisytiharkan harta mereka setiap tahun. Ini dikuatkuasakan melalui Akta Etika Perkhidmatan Awam dikawal selia Kementerian Pengurusan Persempaduan Pengisytiharan Harta ini boleh diakses orang awam.

Sebagai perbandingan, semua pegawai awam di negara ini wajib mengisytiharkan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Namun, pengisytiharan harta dibuat melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMS) dan tidak boleh diakses oleh orang awam.

Anggota pentadbiran dan ahli Parlimen pula dibahagikan mengisytiharkan harta setiap dua tahun sekali. Berdasarkan Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen dikeluarkan pada Disember 2018, dokumen pengisytiharan mesti dikemukakan kepada Perdana Menteri dan disalin kepada SPRM.

Korea Selatan berjaya membentuk budaya rakyatnya

Korea Selatan dilihat berjaya membentuk budaya rakyatnya agar tidak berkompromi kepada rasuah, penyelewengan dan salah laku. Budaya ini adalah ambisi diwujudkan seperti diwujudkan.

Insiatif keempat, tahap integriti, menilai usaha dilakukan untuk meningkatkan integriti dan mengukur insiden rasuah dalam agensi awam, ia memandangkan perkara perlu dilaksanakan agensi terlibat untuk memantapkan baik grad mereka.

Di negara ini, SPRM melaksanakan dua penilaian agensi awam hampir sama dengan CIA, iaitu Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam dan Kajian Penyelidikan Kewajaran Pelaksanaan Insiatif Pencegahan Rasuah Agensi Awam.

Berbeza dengan CIA, dapatan kajian SPRM tidak dibahagikan kepada umum. Justeru, penemuan mengemukakan dapatan kajian kepada umum atau diwujudkan sebagai pemeliharaan.

Insiatif ketiga, sistem pengisytiharan harta bebas. Anggota pentadbiran kerajaan dan pegawai tinggi agensi awam di Korea Selatan wajib mengisytiharkan harta mereka setiap tahun. Ini dikuatkuasakan melalui Akta Etika Perkhidmatan Awam dikawal selia Kementerian Pengurusan Persempaduan Pengisytiharan Harta ini boleh diakses orang awam.

Sebagai perbandingan, semua pegawai awam di negara ini wajib mengisytiharkan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Namun, pengisytiharan harta dibuat melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMS) dan tidak boleh diakses oleh orang awam.



**BERITA
HARIAN
06/01/2024
(SABTU)**

Kes rasuah RM6 juta KFA sahkan CEO direman SPRM

Sanusi beri amaran bongkar plot burukkan kerajaan negeri

Ihah Izzi Ismail dan Nurazura Abdul Rahman ihnews@nh.com.my

Alor Setar: Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) mengesahkan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO), Zulkifli Che Haron diijahkan Suruhannya Penegakan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bagi membantu siasatan kes rasuah RM6 juta.

Nah, Prosajentun yang juga EXCO Belta dan Sultan Kedah, Muhammad Badlii Mat Din, berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan perkara berkaitan secara terperinci dan terperinci.

Ketika ditemui di sini semalam, beliau yang belum menyedai maklumat tepat mengenai penahanan Zulkifli, menyifatkan CEO KFA itu individu paling kuat bekerja dalam persatuan dan bertanggungjawab membantu menyelesaikan masalah hutang membekalkan KFA sebelum ini.

"Saya amat terkejut apabila ia menahabik orang paling kuat bekerja dalam KFA, tapi kita tak tahu apa di sebaliknya itu dan kita kena tunggu dulu laporan berkaitan."

"Kita perlu bagi akses untuk proses berkaitan berjalan dan di bahar pertubuhan itu datang dari mana," katanya.

Muhammad Badlii yang berkedudukan merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Mafli Belta Negeri di Kompleks Belta dan Sultan Kedah, juga memaklumkan pihaknya tidak dapat membuat sebarang keputusan sebelum maklumat lengkap mengenai kes itu diterima.

"Pada peringkat KFA, kita akan akses mesyuarat khas dalam masa terdekat setelah KFA juga mahu selami perkara ini kerana kita sendiri tak tahu punca di mana. Yang kita pasti, pihak diarahkan itu selama ini berperanan membantu bayar hutang (KFA). Kita mahu dapatkan maklumat lebih lanjut," katanya.

Zulkifli yang kini diijahkan remaja berusia 40 hingga 60 tahun, termasuk dua perunding bagi membantu siasatan kes meminda dan menerima rasuah bernilai RM6 juta, dilantik CEO KFA pada 2020 dan sebelumnya pernah menjadi

Memang KFA terima sumbangan, tapi tak sampai bersubahat melakukan rasuah. KFA tak ada akses kepada projek yang dibuat secara tender terbuka



Mohamad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah

perancang setampas pada 2008 hingga 2013.

Siasatan kes dilapor bertunggu kepada habuan yang ditakwa di terima bagi membantu seorang pemilik syarikat mendapatkan tender projek pembinaan liter lumba dan projek mengurus, mengurus serta menyediakan lima lori tangkapan air di Kedah.

Tuduhan sebagai timah

Dalam perkenbungan berkaitan, Menteri Besar Kedah yang juga Presiden KFA, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor ketika dihubungi, menyatakan tuduhan diletakkan ke atas individu yang diaisyt SPRM dan juga ke atas KFA sebagai fitnah.

"Sejak ditubuhkan, KFA membiayai projek bina sepak dan kegiatannya melalui derma serta sumbangan kerana ia bukan syarikat perniagaan berasaskan keuntungan.

"Memang KFA terima sumbangan, tapi tak sampai bersubahat melakukan rasuah."

"KFA tak ada akses kepada projek yang dibuat secara tender terbuka dan KFA tak ada pengetahuan dalam projek liter."

"Kenapa ada pihak iri hati? Kenapa mereka mahu? Katanya monevaskas beliau akan membongkar plot sebelum di sebalik pelbagai isu melanda kerajaan negeri."

Menteri Besar juga menyifatkan isu yang berlaku ketika ini sebagai kesalahan pihak tertentu yang menggunakan agensi kerajaan untuk tujuan politik dan kaputusan peribadi.

"Ia semua fitnah, saya akan

Saya amat terkejut apabila ia membabitkan orang paling kuat bekerja dalam KFA, tapi kita tak tahu apa di sebaliknya itu dan kita kena tunggu dulu laporan berkaitan



Mohamad Badlii Mat Din, Menteri Besar Kedah

bongkar plot ini bila tiba masanya," katanya menjelaskan, tender itu akan dibuat secara terbuka dan diijahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta perlu mendapat kelulusan Persekutuan tanpa campur tangan, malah tiada jalan untuk campur tangan dalam urusan tender terbuka.

Beliau menjelaskan, ketika tender projek itu dibuka, harga bahan binaan masih rendah, namun sebagai tender selesai diserahkan, harga binaan melambung tinggi.

"Tak ada siapa sahaja syarikat yang menang tender mampu beri sumbangan kepada KFA."

"Semanjak syarikat sedang hadapi masalah kenaikan harga bahan binaan untuk simpakan projek. Malah skalkah tak sampai RM6 juta dalam keadaan mereka yang sangat berat."

"Liter lumba adalah projek yang diluar Permodalan Kedah (PKD) dengan tatakaidan yang betul, tak ada isu sama sekali, cuma bertanggung kerana peniaga ada kes. Itu lain antaranya bina dan lain lain yang menyebarkan kerja bertangguh."

"Ya kini sedang diurus untuk disiapkan pematu lain selepas berunding dan menenteni syarikat dipersetujui," katanya juga mendakwa, individu yang diijahkan SPRM dalam kes tersebut itu bukan 'orang kaya', sebaliknya halip dalam kesempitan.

Katanya, sesekali KFA nazak dengan bantuan publiahan juta ringgit, tak ada siapa peduli. Gaji pentadbir dan bayaran kepada badan berkaitan terbanyak puluhan juta, tak ada siapa peduli.



**BERITA
HARIAN
07/01/2024
(AHAD)**

'Pelajar suap pengawas' juara video pendek rasuah

Pertandingan sempena HARA 2023 pada 1 hingga 28 Disember lalu

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHEAH ALAM

Aksi pelajar memberi wang kepada pengawas dan guru dinobatkan sebagai pemenang utama pertandingan video pendek dengan tema 'Bersatu Menentang Korupsi' sempena Bulan Integriti dan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2023 (HARA 2023) yang diadakan 1 hingga 28 Disember lalu.

Video yang dicipta Diana Bahari itu mengungguli tempat pertama dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Khasni Azat Abdul Rahman yang menerima RM1,000 dan video pendeknya menyentuh mengenai rasuah dalam membuat lesen kenderaan.

Seterusnya, lakonan pemberi rasuah untuk dapatkan tender projek oleh Muhammad Najmi Aiman Nordin berjaya mendapat tempat ketiga dan memperolehi wang tunai bernilai RM700.

Wan Iman Shah Ismail yang mengisahkan lelaki menolak rasuah ditawarkan apabila memilikin nasib keuangannya menjadi pemenang keempat dan memenangi RM500.

Video pendek memaparkan aksi rasuah di kalangan perjawat awam dihasilkan oleh Choo Yoo Chin menduduki tangga kelima dan menerima RM300.



Mesej rasuah yang berlaku di sekolah ditunjukkan dalam video dihasilkan Diana.



Pemenang-pemenang utama pertandingan video pendek.

Pertandingan berkenaan merupakan inisiatif bersama Ikram Muda Malaysia, Sinar Harian, Ajar Demokrasi dan Persatuan Profesional Kewangan Muslim Malaysia (MPFK).

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (RasuahBusters), Nurhayati Nordin berkata, selain pemenang tersebut, dua peserta dipilih memenangi hadiah khas juri iaitu Anetta Zaty Zainal dan Muhammad Nazmi Razi.

Pengjuran video tersebut dinilai melalui ketepatan tema, pelanran dan naratif, kreativiti serta pengedaran dan kualiti.

"Kesemua video tersebut mempunyai kualiti yang tersendiri. Seperti video yang dihasilkan Diana yang menunjukkan rasuah ini sebenarnya boleh terjadi pada peringkat rendah lagi.

"Jika tidak ditekang, ia boleh menjadi satu aktiviti jenayah yang dinormalisasikan. Apa yang disampaikan itu menunjukkan realiti yang sedang berlaku hari ini," tegas beliau.

Katanya, pengkaryanya video tersebut juga berjaya mendedahkan situasi itu seperti benar-benar berlaku dan ia perlu ditolak.

"Ia perlu betulkan yang biasa, biasa-



NURHAYATI



ANAS HASBULLAH

kan yang betul. Video-video berkenaan juga sangat bagus yang cuba disampaikan dalam pelbagai bentuk kesenian, tersendiri seperti sajak, lakonan dan bayangan akan datang.

"Dapat dilihat dengan jelas bahawa mereka mengajak penonton berfikir secara kritikal yang rasuah ini berpenerasi ada dalam diri setiap individu dan masyarakat yang mengalami atau berdepan masalah tertentu seperti desakan mesrallah (ke-wangan) selain ketamakan dan peluang. Kesannya apabila mengambil rasuah tunai mereka (para peserta) dadahkan dalam penghasilan video pendek ini.

"Kita harap pesanan yang disampaikan itu dapat disebarkan lagi. Video terbabit sangat ringkas namun padat dengan mesej serta mudah difahami oleh orang ramai," ujarnya.

Seramai 10 peserta diumumkan sebagai pemenang aggu hari itu Mohamad Zikri Halizan, Muhamad Fikri Fauzi, Syarifah Sakinah Aniffa, Mohd Redwan Hussin, Aya Batisyia Akrami Amir, Amin Nur Aizat Mohammad Isa, Mohd Hezauqi Mat Ad, Muhammad Hafiz Fadzil Md Syahrom, Yeap Chang Lim dan Bahrin Ahmad Basir.

Menurut Eksekutif Penyelidik dan

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

1 DUA BERADIK BAWAH UMUR NYANYI DI JALANAN RAIH RM10,000 SEBULAN

2 MAYAT BUDAK DUA TAHUN DISUMBAT DALAM PETI SEJUK

3 'PERANG' DUA BLOK POLITIK KIAN PANAS

4 TERLALU SUNTUK NAK MOHON SIJIL HALAL

5 PUNCA LANGKAH DUBAI DIATURKAN

6 BEKAS TEMAN LELAKI LARIKAN PELAJAR TINGKATAN 5

7 SANUSI DAKWA WUJUD PLOT UNTUK JATUHKAN BELIAU

8 SYRIA GAMBARAN AWAL KEKUATAN HARIMAU MALAYA

9 KALAU ADA SOKONGAN, USULKAN DI DEWAN RAKYAT

10 GAZA TIDAK BOLEH DIDIRAMI



Adegan dalam video hasil (dari) Diana.

Advokasi, Jabatan Agenda Nasional, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Anas Hasbullah, pertandingan video pendek itu mencapai objektif utama bertujuan untuk melihat kefahaman masyarakat tentang jenayah rasuah.

"Walaupun jumlah penyertaan tidak mencapai apa yang kami anggar, kami kagum dengan sambutan menggiatkan daripada segenap lapisan masyarakat," ujar beliau.



SINAR HARIAN 08/01/2024 (ISNIN)

KSM kukuh tadbir urus, tangkis rasuah

Semua agensi,
jabatan akan
gunakan
panduan
standard ABMS

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua jabatan dan agensi bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan menggunakan panduan dan standard Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) bagi mengukuhkan tadbir urus serta mengenal pasti risiko rasuah dan salah guna kuasa.

Mengumumkan demikian, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata ia berpandukan standard ABMS yang akan diguna pakai Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), agensi bawah KSM yang menjadi pembiaya utama latihan kemahiran di negara ini.

"PTPK akan mengguna pakai ABMS bagi mengukuhkan tad-

bir urus serta mengenal pasti risiko rasuah dan salah guna kuasa, terutama dalam proses kerja di perbadanan itu. Inisiatif PTPK ke arah pensijilan ABMS itu dilaksanakan dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

"Langkah ini akan menjadi panduan dan seterusnya dijadikan standard kepada semua jabatan dan agensi lain di bawah KSM," katanya dalam satu kenyataan selepas lawatan rasmi ke ibu pejabat PTPK, di sini semalam.

Yang turut serta, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM, Datuk Amran Ahmad serta Ketua Eksekutif PTPK, Mohd Fathullah Mustafa.

Katanya, pembangunan ABMS dengan kerjasama NIOSH, badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia itu, didorong prestasi cemerlang PTPK susulan hasil penarafan semula risiko yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Hasil penarafan semula ri-

siko tahun 2023 dilaksanakan SPRM mencatatkan 'Risiko Tinggi kepada Risiko Sederhana'," katanya.

Beliau berkata, matlamat itu juga selari dengan kerangka Malaysia MADANI yang mengutamakan integriti dan kecekapan dalam pentadbiran awam.

"Pelaksanaan ABMS adalah langkah proaktif untuk memastikan kakitangan PTPK mematuhi etika kerja dan menunjukkan komitmen tinggi terhadap pembanterasan rasuah dalam perkhidmatan awam," katanya.

Perkasa pendidikan TVET

Sementara itu, Steven memberi jaminan, PTPK akan terus memperkasa agenda pembangunan modal insan negara, selain terus komited memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dengan menyediakan pembiayaan bagi menggalakkan masyarakat mengikuti bidang kemahiran.

Katanya, PTPK sentiasa cakna dan memberi komitmen tinggi untuk memastikan rakyat menikmati perkhidmatan terbaik, sekali gus menyokong usaha menambah baik ekosistem TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan.



**BERITA
HARIAN
08/01/2024
(ISNIN)**

SPRM tahan suspek kes rasuah bantu batal kompaun

Alor Setar: Seorang penolong pegawai tadbir direman selama enam hari bermula semalam, kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM5,000 bagi membatalkan kompaun dikeluarkan sebuah agensi penguat kuasa di Kedah pada 2022.

Perintah reman hingga 13 Januari depan itu dikeluarkan Majistret Muhammad Zul Hilmi Latif selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Alor Setar.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 30-an itu ditahan pada jam 5.20 petang semalam ketika hadir bagi dirakam keterangan di Pejabat SPRM Kedah.

"Berdasarkan siasatan dijalankan, suspek dipercayai meminta dan menerima wang rasuah bernilai RM5,000 daripada sebuah syarikat pada 2022.

"Wang berkenaan dipercayai sebagai balasan bagi membatalkan kompaun yang dikeluarkan sebuah agensi penguat kuasa terhadap syarikat berkenaan atas kesalahan ketiadaan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) untuk bahan binaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu Pengarah SPRM Kedah, Soock Wee Ei Tem, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



**BERITA
HARIAN
09/01/2024
(SELASA)**

SPRM tumpu siasatan terhadap wang dibelanja Aman Palestin

Suruhanjaya turut siasat pelaburan jongkong emas, agihan dana

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Sepang: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan siasatan terhadap Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) kini tertumpu mengenai wang yang dibelanjakan pertubuhan itu, termasuk perbelanjaan penubuhan beberapa syarikat berkaitan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata turut

disiasat mengenai pelaburan jongkong emas oleh Aman Palestin dan penerimaan wang yang didakwa sudah diagihkan kepada penerima bantuan di Palestin, Syria dan beberapa negara lain.

"Kita siasat sama ada betul atau tidak wang derma itu sudah dihantar ke Palestin, Syria dan beberapa negara lain.

"Kita juga siasat bagaimana wang itu di hantar ke negara berkenaan dan ini menjadi persoalan dalam siasatan pegawai siasatan kita... termasuk pelaburan jongkong emas seperti didakwa mereka," katanya ditemui selepas majlis pelancaran Arahan Perdana Menteri No 1 Tahun 2023, di sini, semalam.

Bulan lalu, SPRM mengesahkan membeku sebanyak 41 akaun bank syarikat milik Aman Palestin bernilai RM15,868,762.

Pembekuan itu dilakukan se-



lepas SPRM menjalankan siasatan terhadap dakwaan Aman Palestin menyalahgunakan wang sumbangan orang ramai.

Azam menjelaskan SPRM mengambil masa yang lama menyiasat kerana perlu mendapatkan pengesahan mengenai wang yang sudah diserahkan kepada pihak tertentu.

Katanya, baki wang yang ada dalam akaun Aman Palestin masih perlu dibekukan untuk siasatan lanjut.

"Banyak perkara yang menim-

bulkan persoalan daripada siasatan dan kita kena terus menyiasat, ini satu yang lazim dalam siasatan kita," katanya.

SPRM panggil bekas PM

Mengenai siasatan SPRM terhadap dua bekas Perdana Menteri berhubung perbelanjaan dana RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti, Azam mengesahkan agensi itu akan memanggil seorang bekas Perdana Menteri untuk memberi keterangan dalam minggu ini atau selewat-lewatnya minggu depan.

Tanpa menamakan bekas Perdana Menteri itu, beliau berkata, turut akan dipanggil, pegawai di pejabat bekas Perdana Menteri berkenaan yang terbabit dengan perbelanjaan dana.

"Tidak kurang daripada empat orang akan dipanggil (memberikan keterangan) dan salah seorang daripada dua bekas Perdana

Menteri dipanggil memberikan keterangan," katanya.

Azam juga menjelaskan siasatan SPRM bukan mengenai bagaimana dana itu diluluskan tetapi bagaimana dibelanjakan dan syarikat yang mendapat projek daripada dana itu.

Katanya, syarikat yang menerima kontrak daripada dana kerajaan itu juga sudah dipanggil memberi keterangan.

Pada November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan sebanyak RM700 juta dibelanjakan antara 2020 dan 2022 untuk menunjukkan pencapaian kerajaan.

Anwar memberitahu Dewan Rakyat bahawa sebanyak RM500 juta dibelanjakan ketika pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin dari 2020 ke 2021, manakala RM200 juta lagi ketika pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (2021-22).



**BERITA
HARIAN
09/01/2024
(SELASA)**

Media tidak boleh dedah identiti pemberi rasuah

Setiap wartawan terikat dengan etika dalam melaporkan berita

Oleh **NOR SYAMIRA LIANA**
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Pengamal media tidak mempunyai kuasa mendedahkan pelaku pemberi rasuah jika mereka masih belum didapati bersalah kerana tertakluk kepada prinsip melaporkan berita berdasarkan fakta.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Madya Dr Hamdan Daniel berkata, media perlu patuh kepada moral pemberitaan tepat yang mana me-

reka hanya melaporkan berdasarkan kenyataan dan keputusan pihak berkuasa.

"Dalam hal ini, kita sememangnya mahu identiti mereka didedahkan kepada umum sebagai salah satu cara mendidik masyarakat untuk menjauhi perbuatan terkutuk itu.

"Bagaimanapun, kita perlu memahami tugas media bahawa mereka hanya melaporkan

berita berdasarkan maklumat diterima daripada pihak berkuasa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, pada 26 Disember lalu, akhbar melaporkan bekas Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Al-Habshee mempersoalkan mengapa hanya penerima rasuah didedahkan secara umum sedangkan pemberi rasuah jarang diberi tumpuan.

Menurutnya, identiti pemberi rasuah



HAMDAN

seperti sengaja "disenyapkan" daripada diketahui orang ramai.

Beliau turut mendakwa persepsi semakin buruk apabila pihak media seolah-olah memperbesarkan laporan berita penerima rasuah.

Mengulas kenyataan itu, Hamdan berkata, media tidak boleh sewenang-wenangnya mendedahkan identiti pemberi rasuah sekiranya mereka belum didapati bersalah.

"Kalau mereka (media) buat tindakan ini, ia membuktikan media tempatan tidak mempunyai etika dalam melaporkan berita.

"Bagaimanapun, saya sokong untuk kita dedah identiti pemberi rasuah tetapi biarlah pihak berkuasa menjalankan tugas mereka terlebih dahulu. Jika didapati bersalah, maka kita boleh dedahkan identiti mereka," ujarnya.



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

Sepang: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki mengesahkan siasatan terhadap Aman Palestin Berhad (Aman Palestin) kini tertumpu mengenai wang yang dibelanjakan termasuk perbelanjaan penubuhan beberapa syarikat berkaitan.

Menurutnya, turut disiasat mengenai pelaburan jongkong emas oleh

SPRM siasat pelaburan jongkong emas Aman Palestin

Aman Palestin dan penerimaan wang yang didakwa sudah diagihkan kepada penerima bantuan di Palestin, Syria dan beberapa negara lain.

"Kita siasat sama ada betul atau tidak wang derma itu sudah dihantar ke Palestin, Syria dan beberapa

negara lain.

"Kita juga siasat bagaimana wang itu dihantar ke negara berkenaan dan ini menjadi persoalan dalam siasatan pegawai siasatan kita...termasuk pelaburan jongkong emas seperti didakwa mereka.

"Jika ada isu yang tidak

betul atau melanggar mana-mana peraturan, kita akan kemukakan kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada media selepas majlis pelancaran Arah-an Perdana Menteri No 1 Tahun 2023 di sini, semalam.



**HARIAN
METRO
09/01/2024
(SELASA)**

Dedahkan identiti pelaku dan penerima rasuah



Identiti pemberi dan penerima rasuah perlu didedahkan secara adil kerana perbuatan itu adalah satu kesalahan. -*Gambar hiasan*
(Gambar kecil: Rahime)

SHAH ALAM - Identiti pemberi dan penerima rasuah perlu didedahkan secara adil kerana perbuatan itu adalah kesalahan yang sama berat.

Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kangar, Rahime Che Yen berkata, ia berikutan kebanyakan kes dilaporkan media hanya menghebahkan penerima kegiatan tersebut.

"Namun, pemberi pula berselembunyi di sebaliknya kesalahan dilakukan penerima.

"Hukuman sama rata perlu dijatuhkan kepada kedua-dua pihak dan se-

patutnya identiti mereka juga perlu didedahkan.

"Jika tidak ada yang memberi, sudah pasti tiada yang akan menerima rasuah," katanya.

Menurut Rahime, tindakan tegas perlu diberikan kepada kedua-dua pihak supaya gejala itu boleh dikurangkan.

"Jika orang awam tahu memberi rasuah pun sama hukuman dengan penerima rasuah, mudah-mudahan akan membantu gejala rasuah ini dikurangkan," jelasnya.



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

Penolong pegawai tadbir direman disyaki terima rasuah RM5,000

ALOR SETAR - Seorang penolong pegawai tadbir direman enam hari selepas disyaki meminta dan menerima rasuah bagi membatalkan kompaun dikeluarkan oleh sebuah agensi penguat kuasa di Mahkamah Alor Setar.

Majistret Muhammad Zul Hilmi Latif membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah itu sehingga 13 Januari depan.

Difahamkan, suspek lelaki berusia sekitar 30-an ditahan ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Kedah pada jam 5.20 petang pada Ahad.

"Berdasarkan siasatan, suspek di-

percaya meminta dan menerima wang berjumlah RM5,000 daripada sebuah syarikat pada 2022.

"Wang berkenaan sebagai balasan membatalkan kompaun dikeluarkan sebuah agensi penguat kuasa terhadap syarikat berkenaan atas kesalahan ketiadaan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) untuk bahan binaan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Pengarah SPRM Kedah, Soock Wee Ei Tem ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Alor Setar untuk mendapatkan perintah reman.



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

Anwar tegaskan tidak tolak ansur soal rasuah

SEPANG - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi ketegasan bahawa beliau sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan isu rasuah, sama ada ia melibatkan penyokong kerajaan atau pembangkang.

Berucap melancarkan Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2023 di sini pada Isnin, Anwar berkata, beliau tekad memerangi rasuah dan ingin memastikan kegiatan itu tidak berlaku dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

"Percayalah, saya tidak tolak ansur sama sekali (soal rasuah). Tan Sri Azam Baki (Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) tahu benar pendirian (saya), sama ada (membabitkan) parti sokong saya atau tidak, itu soal lain, ia tidak pengaruhi keputusan saya," kata beliau.

Anwar berkata, badan penguatkuasaan juga perlu mengambil tindakan tegas terhadap tokoh besar dan berpengaruh yang disyaki terlibat gejala rasuah sekiranya terdapat data,

fakta dan alasan kukuh terhadap mereka.

"... sekiranya ada (fakta) saya tidak peduli kedudukan, pengaruh kerana tindakan tegas harus diambil dan kita telah mulakan," katanya yang turut mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas keberanian mengambil tindakan tanpa mengira pangkat dan kedudukan individu.

Beliau turut meminta semua pihak untuk tidak mempolitikkan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang terpalit dengan isu rasuah terutamanya melibatkan tokoh besar.

"Sampai bila nak biar macam ini, kenapa isu seperti ini dipolitikkan, saudara ada kesetiaan kepada sesiapa itu masalah saudara, minat pada parti politik, itu soal saudara," kata beliau.

Menurut Anwar, tindakan tegas terhadap tokoh besar serta pembatalan kontrak rundingan terus juga tidak menyenangkan pihak tertentu, namun baginya perkara itu perlu dibuat demi negara. - *Bernama*

Saya sedia beri kerjasama 28 jam sehari kepada SPRM - Sanusi

ALOR SETAR - Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor bersedia memberikan kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memperjelaskan kedudukan sebenar Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) yang dikaitkan dengan dakwaan rasuah.

Beliau berkata, tiada unsur penyelewengan dalam KFA kerana wang dimaksudkan itu merupakan wang yang sememangnya berada dalam akaun badan itu, bukannya akaun peribadi.

Menurutnya, jumlah yang diuar-uarkan juga tidak tepat, hanya RM5 juta dan bukannya RM6 juta seperti didakwa.

"Tak dimaklumkan apa-apa setakat ini (hadir beri keterangan kepada SPRM).

"Saya sedia beri kerjasama 28 jam sehari. Datanglah bila pun, nak tanya apa? Mai (datang) saya nak jawab," katanya semasa sidang akhbar selepas Majlis Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kedah bersama Menteri Besar di sini pada Isnin.

Sanusi mendakwa, pihak tertentu menjadikan dirinya sasaran, sementara empat individu yang didakwa berhubung kes berkenaan hanyalah aksesori.

"Kebenaran mereka dah jumpa, Sanusi tak ada kes apa-apa pun. Tapi mereka ada-adakan



MUHAMMAD SANUSI

juga, salah satunya dengan pameran persepsi dan bina naratif bahawa di Kedah banyak rasuah.

"Duit sumbangan itu ada dalam akaun KFA, tiba-tiba dituduh rasuah. Rasuah apa? Memang ada dalam tu dah, kalau masuk dalam poket mereka, bolehlah dituduh rasuah.

"Duit dalam akaun KFA tu tak pi mana pun, guna untuk bayar hutang. Tak betul naratif mereka tu," jelasnya.

Beliau menegaskan, terpalit isu rasuah menjejaskan kewangan KFA yang sedang menanggung beban hutang, selain pasukan futsal, Piala Presiden dan Piala Belia.

"Pihak yang sudah setuju nak sumbang kepada KFA, bila mereka buat cerita macam ni, pihak tu jadi 'seqot', maksudnya tak mahu bagilah sebab konon berlaku penyelewengan dalam KFA. Sebenarnya tak berlaku pun," ujarnya.

Pada Jumaat, SPRM menahan reman empat individu termasuk ketua pegawai eksekutif (CEO) KFA masing-masing berusia antara 40 hingga 60 tahun bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah bernilai RM6 juta.

Wang rasuah berkenaan dipercayai sebagai balasan bagi membantu seorang pemilik syarikat mendapatkan tender projek pembinaan litar lumba dan projek mengurus, mengoperasi serta menyelenggara lima loji rawatan air di Kedah.



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

SPRM akan panggil bekas PM, pembantu

Pada minggu ini atau selewat-lewatnya minggu hadapan berhubung isu dana RM700 juta

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SEPANG

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan akan memanggil seorang bekas Perdana Menteri dan orang di sekelilingnya berhubung penggunaan dana kerajaan sebanyak RM700 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, tindakan mengambil percakapan itu akan dibuat pada minggu ini atau selewat-lewatnya minggu hadapan.

Beliau berkata, tindakan itu bertujuan mengetahui bagaimana

wang tersebut dibelanjakan bagi tujuan promosi dan publisiti untuk menghebahkan pencapaian kerajaan dalam tempoh 2020 hingga 2022.

"Berapa jumlah mereka yang akan dipanggil, biarkan SPRM melakukannya.

"Buat masa ini, saya fikir hanya seorang bekas pemimpin negara akan dipanggil dan beberapa orang yang berada di sekelilingnya," katanya dalam sidang akhbar di sini



AZAM

pada Isnin.

Menurut Azam, perkara utama dan mustahak adalah melihat bagaimana duit atau dana kerajaan itu dibelanjakan serta siapakah syarikat yang menerimanya.

Beliau berkata, apabila berlaku sesuatu isu, maka siasatan perlu dilakukan dan tanggungjawab SPRM adalah menyiasat.

"Siasatan ini akan meliputi bagaimana ia dibelanjakan secara keseluruhan.

"Pastinya syarikat yang menerimanya akan diasiat," ujarnya.

Ditanya berapa orang yang akan diambil keterangan, Azam berkata, beliau tidak pasti berapa jumlah yang akan dipanggil oleh pegawai penyiasat SPRM.

Namun katanya, tidak kurang daripada empat orang akan dipanggil SPRM berhubung isu dana RM700 juta wang kerajaan itu.

Siasat wang dibelanja, pelaburan jongkong emas Aman Palestin

SEPANG - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memerlukan sedikit masa bagi menyiasat dakwaan penyelewengan dana melibatkan Aman Palestin Berhad (Aman Palestin).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya perlu mendapatkan pengesahan beberapa perkara berhubung kes tersebut.

Beliau berkata, selain menyiasat bagaimana wang-wang diterima Aman Palestin dibelanjakan, SPRM juga perlu menyiasat syarikat-syarikat yang ditubuhkan melibatkan dana diperoleh daripada orang ramai.

"SPRM masih menjalankan siasatan berhubung isu Aman Palestin dengan menyiasat adakah benar wang yang diterima daripada orang ramai telah dihantar kepada penerima sepatutnya.

"Selain itu, terdapat sedikit persoalan kepada pegawai penyiasat tentang pelaburan membeli jongkong emas dijalankan oleh Aman Palestin.

"Perkara ini juga perlu di-

siasat secara teliti dan jika ada yang tidak betul dalam isu ini, SPRM akan menCadangkan pertuduhan kepada pihak pendakwa raya," katanya pada sidang akhbar di sini pada Isnin.

Menurut Azam, terdapat sedikit kesulitan timbul berhubung siasatan kes Aman Palestin itu apabila pihak diasiat mendakwa telah menghantar bantuan kepada pihak memerlukan.

Azam berkata, pihaknya berhak memastikan siapakah penerima bantuan dan adakah ia betul atau tidak dilaksanakan.

Tegasnya, perkara itu juga perlu dibuat pengesahan oleh pegawai penyiasat SPRM dan pastinya siasatan terperinci serta teliti perlu dijalankan.

Selain itu, beliau berkata, wang yang dimiliki oleh Aman Palestin di dalam bank perlu disita untuk tujuan siasatan.

"Ada beberapa nama diberikan sebagai suspek dan pihak SPRM perlu mengetahui siapakah mereka ini.

"Oleh sebab itu, kita memerlukan sedikit masa untuk menyiasat kes ini," ujarnya.

Beberapa bekas pemimpin kerajaan akan dipanggil

Beberapa bekas pemimpin kerajaan akan dipanggil oleh SPRM berhubung isu dana RM700 juta. Menurut Azam Baki, tindakan ini bertujuan mengetahui bagaimana wang tersebut dibelanjakan bagi tujuan promosi dan publisiti untuk menghebahkan pencapaian kerajaan dalam tempoh 2020 hingga 2022.

Laporan *Sinar Harian* pada 5 Januari lalu.



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

Cuaca panas dan jenayah rasuah



PSIKO LAGI!

MOHD AWANG IDRIS

Pada September tahun lepas, Siwakorn Saibua seorang pegawai polis di Thailand telah ditembak beberapa das dan mati kemudiannya. Sebenarnya, kisah orang dibunuh ini hal yang biasa sahaja di mana-mana pun.

Bagaimanapun, kematian Siwakorn agak luar biasa kerana beliau ditembak dalam satu majlis keramaian polis. Terdapat lebih 20 pegawai polis lain di situ, yang tentulah menyukarkan penjenayah memecah masuk.

Setelah disiasat, diketahui bahawa beliau telah menolak permintaan seseorang yang berpengaruh untuk menaikkan pangkat ahli saudaranya.

Jadi ada laporan yang mengatakan yang kematiannya ini kerana beliau tak memihak kepada rasuah. Sepertinya juga rasuah sudah merebak dalam kalangan pegawai tinggi yang lain. Di

Malaysia, kita mungkin belum sampai ke tahap itu.

Tapi, kita semua mungkin tak lagi hairan jika dilaporkan ada rasuah dan aktiviti menyogok di sana sini. Di Malaysia pun, kita berada di tempat 61 dari kira-kira 180 negara di dunia yang dikatakan rendah rasuahnya dalam Indeks Persepsi Rasuah.

Thailand berada di tempat 101. Singapura adalah paling baik, dan berada tempat kelima. Sepertinya, kita seperti sama teruknya dengan banyak negara di rantau Afrika atau Asia lain juga. Semua negara itu jarang sangat kita jadikan kiblata kemajuan.

Walaupun Indeks Persepsi Rasuah itu hanyalah persepsi, yang boleh diragui metodologi pengiraannya, tetapi ia tetap tidak baik juga. Sama seperti orang mengata anak kita nakal di sekolah, walaupun tidak nakal, kita tetap merasa malu. Jika ada orang melihat kita nakal pun, sudah tentu ada sesuatu yang tidak kena.

Walaupun agak aneh, tapi adakah kemungkinannya perbuatan rasuah di banyak negara Asia dan Afrika ini adalah disebabkan cuaca? Kecuali Singapura, jiran terdekat kita, banyak negara yang tinggi rasuah ini sebenar-

nya berada dekat dengan garisan Khatulistiwa. Ia beriklim sedikit panas. Kebanyakan negara ini pula miskin dan banyak persengketaan politik.

Malaysia pun, kalau pun konflik kita tak seteruk negara di Afrika atau beberapa negara Arab, tetapi tetaplah juga kita tak pernah berhenti daripada pelbagai masalah yang berkait dengan politik. Banyak negara yang kurang rasuah ini pula iklimnya sejuk, seperti Denmark, Sweden, Norway dan sebagainya. Hampir semua negara ini dalam kategori kaya. Politik di negara itu juga umumnya stabil.

Cuaca panas juga biasanya dikaitkan dengan aktiviti jenayah dan kejahatan manusia. Cuaca yang panas menyebabkan orang cepat gelisah dan baran, dan adrenalin untuk menjadi agresif memang sedia diketahui.

Jadi dalam kes seperti merompak atau membunuh, orang yang tinggal di negara yang bercuaca panas biasanya lebih mudah terlibat dengan jenayah. Tidaklah pula diketahui adakah sebab cuaca yang panas itu juga orang suka terlibat dengan rasuah. Tak banyak kajian untuk membuktikan perkara ini.

Umumnya rasuah juga berkait dengan kuasa. Kuasa pula terkait dengan

kekayaan. Jadi mungkin kerana kita hidup di negara yang panas, yang jumlah masa siang dan malamnya hampir sama panjang, peluang untuk orang berbincang bagi melakukan rasuah ini lebih mudah. Di negeri sejuk seperti banyaknya di negara Scandinavia, adakalanya mereka melalui siang hanya beberapa jam sahaja. Cuaca yang sejuk mungkin menyukarkan banyak aktiviti.

Jadi, apabila melihat semua ini, mungkin ada baiknya kita tak lagi menyalahkan penguatkuasaan yang lemah atau polisi kita mengenai rasuah yang menjadi punca kita gagal mengawal rasuah. Cuaca mungkin salah satu sebab yang lain. Jadi tak perlulah kita merasa kecewa jika negara kita masih gagal menangani isu rasuah walaupun telah bertukar kerajaan banyak kali.

Cuaca tidak hanya sekadar membawa banjir yang memusnahkan harta benda dan nyawa manusia. Sepertinya cuaca juga telah menukar diri kita menjadi haloba dan tamakkan harta. Bolehkah begitu?

** Dr Mohd Awang Idris ialah pensyarah dan penyelidik dalam bidang psikologi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya serta Profesor Madya Adjung di PSC Global Observatory, Universiti Australia Selatan.*



SINAR HARIAN
09/01/2024
(SELASA)

Siasat rasuah dalam Langkah Dubai

SPRM, polis perlu siasat dakwaan rasuah RM1 bilion jatuhkan kerajaan pimpinan Anwar

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA
MAT KHAZI
SHAH ALAM



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) digesa menyiasat segera dakwaan pemimpin Perikatan Nasional (PN) terlibat dalam cubaan merasuah individu berpengaruh dan ahli Parlimen untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan.

Dakwaan itu yang disiarkan sebuah blog mendakwa pemimpin PN telah menyediakan dana sejumlah RM1 bilion untuk

memberi rasuah kepada ahli Parlimen kerajaan agar menarik balik sokongan terhadap Perdana Menteri. Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, SPRM dan polis perlu menyiasat sumber sebenar dana berjumlah RM1 bilion yang didakwa ditawarkan PN itu diperoleh dengan tujuan untuk mengumpul akuan bersumpah (SD) ahli-ahli Parlimen kerajaan melalui 'Langkah Dubai'.

"Sebab itulah semalam (Isnin) semasa membuat laporan polis (di Balai Polis Putrajaya), saya minta pihak berkuasa menyiasat jika terdapat unsur suapan atau rasuah dalam proses PN 'membeli' ahli Parlimen bagi menjatuhkan kerajaan pimpinan Anwar.

"Pendedahan PN didakwa menggunakan dana RM1 bilion berkenaan juga terkait dengan kenyataan Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang kononnya pembangkang tidak memerlukan budaya shopping atau membeli ahli Parlimen bagi menukar kerajaan.

"Saya tidak menolak kemungkinan dakwaan dana ber-



Shamsul Iskandar (tengah) menggesa SPRM dan polis menyiasat sumber dana RM1 bilion digunakan PN untuk jayakan Langkah Dubai.

jumlah RM1 bilion disediakan PN untuk shopping atau membeli ahli Parlimen kerajaan mungkin wujud dan saya minta SPRM ambil tindakan sewajarnya sekiranya ia berasas," katanya kepada *Sinar Premium* pada Selasa.

Bekas Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya itu berkata demikian ketika mengulas laporan sebuah blog mendakwa seorang ahli Parlimen PN telah menyediakan dana sejumlah RM1 bilion untuk memberi rasuah kepada wakil rakyat kerajaan agar menarik ba-

lik sokongan terhadap Perdana Menteri.

Pada Isnin, Shamsul Iskandar membuat laporan di Balai Polis Putrajaya bagi meminta polis menyiasat dalang di sebalik gerakan menjatuhkan Kerajaan Perpaduan.

Dalam kenyataan beliau, tindakan itu sekiranya benar, jelas bertentangan dengan Seksyen 124B dan Seksyen 124C Kanun Keseksaan.

Shamsul Iskandar berkata, Langkah Dubai itu ternyata satu

tindakan tidak bertanggungjawab, menggugat sistem demokrasi berparlimen, bahkan bersifat sia-sia kerana ia sukar dilaksanakan susulan penggubalan Akta Anti Lompat Parti tahun lalu.

Sebelum itu, Ketua Pengarah Pilihan Raya PN, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mendakwa pakatan pembangkang kini telah mempunyai jumlah SD mencukupi untuk menjatuhkan kerajaan.

Bagaimanapun, Menteri Besar Kedah itu tidak maklumkan secara terperinci mengenai perkara itu termasuk jumlah SD yang diperoleh.

Terdahulu terdapat satu kenyataan media tular yang kononnya dikeluarkan oleh Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin mendakwa Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan kepada 118 ahli Parlimen gabungan itu untuk datang menghadap Seri Paduka Baginda bersama akuan bersumpah masing-masing.

Namun, Pejabat Ketua Pembangkang Dewan Rakyat kemudiannya menafikan perkara itu dan menjelaskan kenyataan tular berkenaan adalah palsu.



SINAR HARIAN
10/01/2024
(RABU)

Bincang isu rasuah, dana RM1 bilion jatuhkan kerajaan hari ini - Fahmi

PUTRAJAYA - Kerajaan memandang serius dakwaan pemimpin Perikatan Nasional (PN) menyediakan sejumlah dana yang besar untuk merasuah ahli Parlimen kerajaan bagi menarik sokongan terhadap Perdana Menteri.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, perkara itu akan dibawa ke mesyuarat Kabinet pada Rabu untuk perbincangan selanjutnya.

"Isu itu dalam siasatan pihak berkuasa dan saya tidak boleh beri komen, cuma ambil maklum sidang media dan laporan polis yang dibuat Setiausaha

Politik Kanan Perdana Menteri (Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin)

"Saya perlukan maklumat tambahan dan esok (hari ini) dalam sidang media selepas mesyuarat Kabinet, saya akan beri sedikit ulasan," katanya ketika sidang akhbar Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular (panggilan suara) di sini pada Selasa.

Sementara itu, di **SEREMBAN**, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun menyifatkan dakwaan mengenai gerakan 'Langkah Dubai' telah berakhir.

Menurutnya, ia juga telah dinafikan sendiri oleh pemimpin PN termasuk Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

"Saya ucap terima kasih kerana Langkah Dubai tidak jadi seperti mana yang dinafikan sendiri oleh Hamzah.

"Jadi tidak ada apa-apa lagi (berkaitan Langkah Dubai)," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan Siri 1 2024 di D'Tempat Country Club pada Selasa.



SINAR HARIAN
10/01/2024
(RABU)

lokal

Putrajaya: Pengerusi Gerakan Kuasa Rakyat Malaysia (G57), Datuk Zulkarnain Mahdar menyerahkan laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat kesahihan dakwaan terhadap Ketua Penerangan Warisan, Datuk Mohd Azis Jamman yang dikatakan menerima dana daripada kartel dadah.

Menurutnya, beliau menerima maklumat daripada individu tidak dikenali menya-

KETUA PENERANGAN WARISAN TERIMA DANA KARTEL

Zulkarnain serah SPRM siasat kesahihan

takan kartel dadah yang kini dalam tahanan polis adalah penyumbang dana kepada Warisan kawasan Sepanggar pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan PRN16 Sabah.

Perkara itu katanya, hanya boleh disahkan oleh pihak berkuasa dan bukan kenyataan penafian Warisan.

"Penafian Warisan tidak cukup meyakinkan rakyat khususnya pengundi Sepanggar dan memohon SPRM menjalankan siasatan segera," katanya selepas menyerahkan laporan kepada SPRM semalam.

Pada 26 Disember lalu, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman me-

numpaskan satu sindiket pengedaran dadah jenis syabu terbesar di Sabah, disyaki mula beroperasi sejak 2015.

Serbuan di sekitar Kota Kinabalu, Tawau dan Semporna itu hasil kerjasama antara JSJN Bukit Aman dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom).

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, dalam serbuan itu polis menahan 10 lelaki termasuk dalang utama sindiket pengedaran dadah juga penaung sebuah badan bukan kerajaan (NGO) berusia 40 tahun.

Dalam pada itu media turut melaporkan, Azis akan

menyaman Zulkarnain RM100 juta kerana mendakwa Warisan bahagian Sepanggar menerima dana daripada kartel dadah.

Azis berkata, beliau akan saman jika Zulkarnain tidak tarik balik dakwaan dan memohon maaf dalam tempoh tujuh hari bermula Sabtu lalu.

Mengulas perkara itu, Zulkarnain berkata, beliau tidak pernah menuduh Warisan menerima dana kartel dadah.



**HARIAN
METRO
10/01/2024
(RABU)**

Wanita hamil disyaki terima suapan RM18,000

MELAKA - Seorang penolong pengurus syarikat wanita di sebuah agensi kerajaan bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) direman empat hari bermula Selasa kerana disyaki menerima suapan berjumlah RM18,000 daripada seorang pengarah syarikat tahun lalu.

**RASUAH
BUSTERS**

Perintah reman hingga Khamis ini dikeluarkan oleh Majistret Khairunnisak Hasni selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Melaka.

Suspek berusia 37 tahun dan sedang hamil dua bulan itu ditahan ketika hadir di Pejabat SPRM Melaka pada jam 4 petang, Isnin bagi membantu siasatan yang dijalankan.

Siasatan awal mendapati suspek yang merupakan urus setia bagi geran dana berkenaan telah membantu pengarah syarikat terbabit untuk mendapatkan kelulusan bagi geran dana kandungan digital (DKD) di bawah agensi daripada Kementerian Komunikasi Dan Digital berjumlah RM300,000.

Individu itu dipercayai meminta komisen antara 10 hingga 20 peratus berjumlah kira-kira RM18,000.

Pengarah SPRM Melaka, Mohd Shahril Che Saad mengesahkan penahanan individu terbabit di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.



SPRM menahan reman seorang penolong pengurus syarikat kerana disyaki menerima suapan sebanyak RM18,000.



SINAR HARIAN 10/01/2024 (RABU)

Tiada penjawat awam Pulau Pinang terlibat rasuah sepanjang 2023

GEORGE TOWN - Tiada kakitangan kerajaan Pulau Pinang diambil tindakan berhubung salah laku berkaitan rasuah sepanjang tahun lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Rosli Isa berkata, berdasarkan rekod, tiada kes berkaitan rasuah melibatkan kakitangan kerajaan negeri sepanjang tahun 2023.

"Tuduhan memang ada tetapi tiada kes yang disabitkan. Kita sememangnya ada hubungan rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Saya berpesan kepada semua penjawat awam Pulau Pinang agar kita bekerja kuat, telus dan ikhlas selain tidak akan melakukan pe-

nyelewengan serta salah guna kuasa.

"Itulah sebahagian janji kita kepada kerajaan Pulau Pinang dan seluruh rakyat kerana penjawat awam perlu menjaga imej dan integriti yang tinggi kerana ia merupakan satu amanah," katanya pada sidang akhbar pada Selasa.

Sebelum itu, beliau mengiringi Ketua Menteri, Chow Kon Yeow menghadiri Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam 2024 di sini.

Tambah Rosli, perkara itu merupakan satu pencapaian yang baik dari segi rekod



ROSLI

bagi Pulau Pinang.

"Laporan Audit Negara pun menyatakan Pulau Pinang adalah antara negeri terbaik yang tidak mempunyai sebarang rekod melibatkan rasuah," katanya.

Mengulas mengenai pencapaian itu, Kon Yeow berkata, menjadi kewajipan undang-undang, semua kakitangan perlu memberi kerjasama kepada SPRM sekiranya ada sebarang aduan berkenaan kegiatan rasuah.

Sementara itu dalam ucapannya, beliau memberitahu, Visi Penang2030 men-

catkan pencapaian sebanyak 47 peratus dengan 210 projek dan program pada tahun lalu.

"Pada tahun ini, dengan kerjasama serta komitmen daripada semua, kita akan mencatatkan pencapaian yang lebih tinggi dalam usaha untuk merealisasikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," katanya.

Beliau berkata, kerajaan Pulau Pinang sedang memfokuskan kepada lapan bidang keutamaan untuk tempoh lima tahun akan datang antaranya peluang pekerjaan, pembangunan jaringan ekosistem dan ketersambungan jaringan pengangkutan.



SINAR HARIAN
10/01/2024
(RABU)

SPRM akan panggil Menteri Besar berkaitan rasuah persatuan bola sepak

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil Menteri Besar sebuah negeri di utara tanah air bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu rasuah lebih RM6 juta melibatkan sebuah persatuan bola sepak.

Menurut sumber, siasatan dijalankan SPRM selepas menerima laporan daripada kontraktor yang sebelum ini dijanjikan mendapat projek-projek di negeri tersebut

sekiranya menyalurkan dana ke akaun persatuan bola sepak negeri itu.

"Berdasarkan siasatan, terdapat individu penting berjawatan tinggi di kerajaan negeri dan persatuan bola sepak itu yang berjanji akan memberikan projek-projek pembinaan serta perkhidmatan sebagai balasan kepada kontraktor yang menyumbang dana.

"Namun, selepas kontraktor-kontraktor ini menyalurkan dana, mereka

tidak menerima sebarang projek sebagaimana dijanjikan individu terbabit," katanya pada Selasa.

Sumber berkata, kontraktor yang berasakan dirinya ditipu telah membuat laporan kepada SPRM.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan bahawa SPRM akan memanggil Menteri Besar negeri berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.



SINAR HARIAN
10/01/2024
(RABU)

Sinar Harian - 10/1/24 - Rabu

Penolong pegawai tadbir direman bantu siasatan kes rasuah RM6,000

SHAH ALAM – Mahkamah Majistret di sini telah membenarkan perintah reman empat hari pada Khamis terhadap seorang penolong pegawai tadbir bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah bernilai RM6,000.

Majistret, Farah Rosnan mengeluarkan perintah reman terhadap suspek berusia 40-an sehingga Ahad ini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Prosiding permohonan itu dikendalikan pegawai penyiasat, Penolong Penguasa, (PPs) Mohamad Nafawie Syazriel Mohamad Nazuardy sementara suspek lelaki itu diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Mohd Safwan.

Pada jam 2 petang Rabu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Selangor menahan suspek ketika hadir ke Pejabat SPRM Selangor untuk dirakamkan keterangan.

"Siasatan awal mendapati suspek telah meminta dan menerima wang rasuah RM6,000 yang dimasukkan ke akaun peribadi miliknya daripada sebuah syarikat pada 2021.

"Wang rasuah ini sebagai balasan kerana suspek telah membocorkan maklumat sebut harga bagi kerja-kerja perkhidmatan pembersihan serta penyelenggaraan landskap Mahkamah Syariah di Selangor bernilai lebih RM130,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



Suspek yang memakai baju lokap berwarna oren dibawa untuk mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Masjistret Shah Alam pada Khamis.



SINAR HARIAN
12/01/2024
(JUMAAT)

Direman 4 hari disyaki terima RM6k

Shah Alam: Mahkamah Majistret di sini, membenarkan perintah reman empat hari bermula semalam, terhadap seorang penolong pegawai tadbir kerana disyaki meminta dan menerima wang rasuah bernilai kira-kira RM6,000 pada 2021.

Perintah reman sehingga Ahad ini dibenarkan Majistret Farah Rosnan selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi semalam.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia sekitar 40-an itu ditahan kira-kira jam 2 petang kelmarin ketika hadir ke Pejabat SPRM Selangor bagi dirakamkan keterangan.

"Siasatan awal menda-

pati bahawa suspek meminta dan menerima wang rasuah kira-kira RM6,000 yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi miliknya daripada sebuah syarikat pada 2021.

"Wang rasuah ini sebagai balasan kerana suspek membocorkan maklumat sebut harga bagi kerja-kerja perkhidmatan pembersihan serta penyelenggaraan landskap Mahkamah Syariah di Selangor yang bernilai lebih RM130,000," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

H. MGTW
12/1/24
nimraf



**HARIAN
METRO
12/01/2024
(JUMAAT)**

Bantu suruhanjaya itu
lengkapkan siasatan kes
rasuah KFA

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN
MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Hampir tiga jam Sanusi beri keterangan di SPRM

Kertas siasatan berhubung rasuah lebih RM6 juta yang dikaitkan dengan Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) kini berada di peringkat akhir untuk dilengkapkan.

Pengarah Kanan Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, pihaknya yang memanggil Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md

Nor untuk memberi keterangan adalah sebahagian daripada proses melengkapkan siasatan.

"Butiran terperinci berkaitan siasatan tidak dapat didedahkan kepada umum kerana ia mengandungi maklumat sensitif dan rahsia," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Terdahulu, Muhammad Sanusi memberi keterangan berkaitan kes tersebut hampir tiga jam di ibu pejabat SPRM di sini.

Sebelum ini, sumber melaporkan siasatan dilakukan selepas suruhanjaya itu menerima laporan daripada kontraktor yang sebelum ini dijanjikan memperoleh projek di Kedah jika menyalurkan dana ke akaun persatuan bola sepak negeri itu.

Berdasarkan siasatan, terdapat individu penting berjawatan tinggi dalam kerajaan negeri



Kenderaan yang membawa Muhammad Sanusi meninggalkan pekarangan ibu pejabat SPRM pada Khamis selepas memberi keterangan berhubung dakwaan rasuah lebih RM6 juta yang dikaitkan dengan KFA. Gambar kecil: Muhammad Sanusi

dan persatuan bola sepak itu berjanji akan memberikan projek pembinaan serta perkhidmatan sebagai balasan kepada kontraktor yang menyumbang dana.

Pada Jumaat minggu lalu, empat individu direman bagi membantu siasatan dalam kes meminta dan menerima rasuah

lebih RM6 juta pada tahun 2020.

Wang itu dipercayai sebagai balasan bagi membantu seorang pemilik syarikat mendapatkan tender projek pembinaan litar lumba dan projek mengurus, mengoperasikan serta menyelenggara lima loji takungan air di Kedah.



Laporan *Sinar Harian* mengenai kes rasuah KFA.



**SINAR HARIAN
12/01/2024
(JUMAAT)**

Menurut mereka, SPRM dan pegawainya tiada sebab munasabah untuk menjalankan siasatan sejak Februari tahun lalu

Daim, keluarga mohon SPRM hentikan siasatan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin memohon kepada Mahkamah Tinggi di sini pada Rabu, untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman dan mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghentikan penyiasatan terhadapnya, isteri serta empat anak termasuk Ilham Tower Sdn Bhd berkait kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Daim, 86, isterinya, Toh Puan Nai'mah Khalid, 67, dan empat anak, Asnida, 63, Md Wira Dani, 46, Muhammed Amir Zainuddin, 29, Muhammed Amin Zainuddin, 26, serta Ilham Tower selaku pemohon pertama hingga ketujuh memfailkan per-

mohonan berkenaan menerusi Tetuan Tommy Thomas.

Menerusi dokumen semakan kehakiman, mereka menamakan SPRM dan pendakwa raya selaku responden pertama dan kedua, memohon perintah siasatan dihentikan, sekiranya mahkamah membenarkan kebenaran semakan tersebut.

Mereka berkata, SPRM dan pegawainya tiada sebab munasabah untuk menjalankan siasatan sejak Februari tahun lalu.

Katanya, ia akan membawa kepada pendakwaan bagi sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

"Kami memohon

perisytiharan bahawa, pertuduhan oleh pendakwa raya, menyalahi perlembagaan dan tidak sah kerana mereka tidak akan menerima perbicaraan yang adil.

"Ini mengambil kira kelewatan selama 22 tahun (untuk memulakan siasatan) dan dengan itu melanggar hak asasi kebebasan peribadi setiap pemohon di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan," kata pemohon.

Mereka berkata, notis yang dikeluarkan SPRM juga telah menyalahi undang-undang, tidak berperlembagaan dan tidak sah.

Dengan itu, mereka memohon perintah certiorari terhadap SPRM dan pegawainya untuk membatalkan semua siasatan.

Mereka juga memohon satu perintah larangan bagi pendakwa raya daripada membuat kes pendakwaan dan satu perintah mandamus supaya semua dokumen, fail, kertas, rekod, harta, aset dan



DAIM

wang yang disita atau diperoleh daripada siasatan dikembalikan dalam tempoh tujuh hari.

Turut dipohon, perintah perisytiharan terhadap notis yang dikeluarkan oleh SPRM pada 7 Jun 2023 tidak lagi berkuat kuasa mulai 5 September tahun sama.

"Kami memohon semua aset, akaun bank dan akaun bank syarikat berkaitan dilepaskan dan dikembalikan, selain memohon ganti rugi am dan teladan terhadap SPRM.

"Agensi itu tiada sebab munasabah untuk mengesyaki semua pemohon melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM atau AMLATFPUAA serta sebarang kesalahan yang timbul daripada pendedahan dalam Kertas Pandora," kata dokumen tersebut.

Pengurusan kes ditetapkan pada Selasa depan secara sidang video di hadapan Hakim Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.



Laporan Sinar Harian pada Khamis.



SINAR HARIAN
12/01/2024
(JUMAAT)

KFA mahu saman pihak tuduh rasuah RM6 juta

Alor Setar: Persatuan Bolasepak Kedah (KFA) akan menyaman pihak yang menggambarkan berlakunya kegiatan rasuah dalam persatuan itu dengan mengaitkan tuduhan itu terhadap presiden serta empat individu, termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO).
Presiden KFA, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata surat saman akan dihantar ke rumah dan pejabat pihak berkenaan dalam masa terdekat.
"Pihak yang bersungguh-sungguh cuba menggambarkan berlakunya rasuah RM6 juta dalam KFA

dan mengaitkan tuduhan rasuah itu dengan individu tertentu, terutama presiden dan kakitangan KFA, sila tunggu surat saman di rumah dan di pejabat masing-masing," katanya dalam kenyataan di Facebooknya, pagi semalam.
Muhammad Sanusi yang juga Menteri Besar Kedah berkata, KFA akan mengeluarkan kenyataan rasmi berkaitan tuduhan dan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak lama lagi.
Katanya, tuduhan itu sengaja ditularkan demi mencapai tujuan



politik pihak tertentu untuk memburukkan KFA dan pemimpin kerajaan negeri.
Justeru, pihaknya akan mendedahkan beberapa dokumen ber-

kaitan bagi menunjukkan kebenaran yang berlaku.
"Dokumen bersabit penswastan Kedah Darul Aman FC (KDA-FC), permohonan pinjaman RM5 juta, bayaran balik RM1.3 juta, permohonan projek oleh pihak terbabit yang tidak diluluskan kerana tiada kelayakan, dokumen penyata beraudit yang menunjukkan ketelusan pengurusan kewangan KFA dan lain-lain juga akan didedahkan," katanya.
Kemarin, Muhammad Sanusi memberi keterangan kira-kira tiga jam di Ibu Pejabat SPRM di

Putrajaya bagi membantu siasatan dakwaan rasuah lebih RM6 juta membabitkan KFA.
Difahamkan, siasatan dijalankan SPRM selepas menerima laporan daripada kontraktor yang mendakwa dijanjikan mendapat projek di negeri di Kedah sekiranya menyalurkan dana kepada KFA namun tidak memperolehnya selepas berbuat demikian.
Bagaimanapun, Muhammad Sanusi sebelum ini mendakwa, beliau adalah sasaran sebenar pihak tertentu di sebalik dakwaan rasuah dalam KFA.

Berita Harian - 13/1/2024 - Sabtu



**BERITA
HARIAN
13/01/2024
(SABTU)**

Polis buka kertas siasatan dakwaan PN cuba rasuah Agong

KUALA LUMPUR - Satu kertas siasatan dibuka berhubung dakwaan Perikatan Nasional (PN) cuba memberi rasuah kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk menggulingkan kerajaan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Menurutnya, sebanyak empat laporan polis diterima berhubung dakwaan tersebut.

"Kes masih di peringkat siasatan dan polis menasihatkan orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi serta komentar yang boleh mengganggu proses siasatan," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Sementara itu, Razarudin mengesahkan empat individu telah dipanggil pada Jumaat bagi dirakam percakapan di bawah Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah berhubung gerakan Langkah Dubai yang dikatakan bertujuan menjatuhkan kerajaan Persekutuan.

Empat individu itu ialah Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Komuniti) Jabatan Komunikasi Komuniti (J-Kom) Datuk Ismail Yusop, Wan Muhammad Azri Wan Deris (Papagomo), Badrul Hisham Shahrin (Chegu Bard) dan Mohamad Salim Iskandar.

Katanya, sejumlah 145 laporan polis diterima berkaitan isu itu.



SINAR HARIAN
13/01/2024
(SABTU)

Usaha, kesedaran perangi rasuah masih rendah - ABIM

SHAH ALAM - Kesedaran dan usaha memerangi jenayah rasuah dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah meskipun tindakan tegas serta hukuman yang berat dikenakan terhadap pesalah.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, penerapan elemen integriti dan tanggungjawab perlu terus dilakukan bagi memastikan masyarakat berasa jijik dengan amalan negatif itu.

Menurutnya, semua pihak perlu peka dan prihatin dengan masa depan negara, khususnya golongan belia.

"Kerajaan sepatutnya melakukan tindakan yang drastik supaya masalah ini (rasuah) dapat ditangani segera de-



ZAIRUDIN

**RASUAH
BUSTERS**

ngan kerjasama ibu bapa dan pihak institusi pendidikan.

"Perkongsian mengenai hukuman daripada pihak berkuasa juga merupakan usaha yang baik untuk memastikan orang ramai membenci rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut Zairudin berkata, inisiatif untuk memberi pendidikan kepada orang ramai tentang keburukan rasuah perlu dilaksanakan dengan lebih agresif dan kreatif.

"Penguatkuasaan dan tindakan tegas tanpa me-

ngira latar belakang pesalah pasti akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.



SINAR HARIAN
15/01/2024
(ISNIN)

Lemah pengawasan dorong penguat kuasa rasuah

Kuala Lumpur: Kelemahan pengawasan oleh pegawai atasan dan penyelia membuka ruang berlaku salah laku dalam kalangan pegawai dan anggota penguat kuasa undang-undang yang bertugas di lapangan.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata sistem pengawasan dan akauntabiliti yang lemah boleh mencipta persekitaran yang mana anggota penguat kuasa berasa bebas melakukan tindakan melanggar etika dan undang-undang.

Katanya, kurang pengawasan terhadap tindakan anggota penguat kuasa itu dapat memberikan ruang dan peluang terjadinya penyalahgunaan kuasa dan perbuatan jenayah.

"Pihak atasan dan penyelia perlu melaksanakan sistem pengawasan dan akauntabiliti lebih ketat memantau tindakan anggota penguat kuasa, termasuk pengauditan dalaman berkala serta prosedur laporan mudah diakses.

"Tatakelola sistem penyeliaan terhadap pegawai dan anggota bawahan perlu diperkemas dan dijalankan secara baik dan teratur dalam memastikan penyelesaian dijalankan dengan sistematik serta berkesan," katanya kepada *BH*, semalam.

Jais berkata, MCW dan seluruh rakyat Malaysia memandang serius isu salah laku dan salah guna kuasa dalam kalangan anggota penguat kuasa undang-undang di Malaysia yang kini se-

makin banyak dilaporkan.

Harap tingkat gaji, imbuhan

Katanya, faktor lain mendorong berlaku perkara seumpama itu termasuk tekanan ekonomi dialami anggota penguat kuasa.

"Perkara ini mendorong mereka mencari sumber pendapatan tambahan secara tidak sah, seperti melalui rasuah atau pemerasan. Justeru, kita harap kerajaan dapat meningkatkan gaji dan imbuhan bagi anggota penguat kuasa undang-undang.

"Ini untuk memastikan pendapatan mereka mencukupi dan dapat mengurangkan tekanan ekonomi. Peningkatan kos hidup dewasa ini amat menekan kehidupan setiap orang termasuklah

golongan ini," katanya.

Selain itu, katanya, sistem kenaikan pangkat juga perlu ditambah baik dengan memastikan terdapat sistem yang adil dan jelas untuk kenaikan pangkat berdasarkan prestasi dan kebolehan, sekali gus memberikan insentif kepada anggota yang berkhidmat dengan baik.

Sementara itu, katanya, semakan semula secara menyeluruh ke atas dasar dan latihan penguat kuasa undang-undang antara tindakan perlu dilakukan dalam melahirkan anggota penguat kuasa yang berintegriti dan jujur melaksanakan tugas.

"Kekurangan pendidikan dan latihan dalam aspek etika profesional mungkin menyebabkan

kurangnya kesedaran terhadap pentingnya integriti dalam pelaksanaan tugas.

"Budaya organisasi yang tidak menekankan nilai integriti dan kejujuran turut menyumbang kepada isu terbabit," katanya.

Beliau berkata, masyarakat juga perlu dilibatkan dalam pemantauan dan pelaporan bagi membina kepercayaan dan membantu mencegah penyalahgunaan kuasa ini.

Katanya, pendidikan dan kesedaran mengenai integriti perlu ditingkatkan untuk memastikan anggota penguat kuasa memahami tanggungjawab dan komitmen terhadap keadilan serta kesejahteraan rakyat.



**BERITA
HARIAN
15/01/2024
(ISNIN)**

Sarjan wanita tidak mengaku terima rasuah RM20,000

JOHOR BAHRU

- Seorang anggota polis berpangkat sarjan didakwa di

Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menerima rasuah RM20,000, dua tahun lalu.

Tertuduh, S Usha Nantiny, 35, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

- Mengikut pertuduhan, dia didakwa meminta suapan RM20,000 daripada seorang lelaki bagi melepaskan isterinya yang terlibat dalam kes pecah amanah sebagai dorongan untuk tidak menah wanita berkenaan.

Ini bagi mengelak siasatan dijalankan mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Pejabat Bahagian

**RASUAH
BUSTERS**



Usha Nantiny (dua dari kanan) mengaku tidak bersalah menerima rasuah RM20,000 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin.

Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Segamat pada jam 4.50 petang, 28 Ogos 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Zander Lim Wai Keong di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman manakala tertuduh diwakili S Selvantheran.

Terdahulu, pihak pendakwaan jaminan RM15,000 berserta syarat tambahan.

Namun, Selvantheran memberitahu tertuduh hanya mampu membayar jaminan RM8,000.

"Jaminan ditawarkan adalah di luar kemampuan tertuduh, malah masih berkhidmat serta mempunyai tanggungan dua anak berusia lima dan enam tahun serta ibu bapa mertua," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin berjumlah RM12,000 dengan seorang penjamin dan perlu menyerahkan pasport serta melaporkan diri ke Pejabat SPRM Segamat setiap bulan.

Kes akan disebut semula 24 Mac depan untuk serahan dokumen.



SINAR HARIAN
16/01/2024
(SELASA)

Sarjan nafi minta rasuah RM20k

Johor Bahru: Seorang anggota polis wanita berpangkat sarjan didakwa atas pertuduhan menerima rasuah RM20,000 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang wanita yang terbabit kes pecah amanah, dua tahun lalu.

Tertuduh, S Usha Nantiny, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mengikut kertas pertu-

duhan, tertuduh didakwa meminta suapan RM20,000 daripada seorang lelaki bagi melepaskan isterinya dalam kes pecah amanah sebagai dorongan untuk tidak menahan wanita berkenaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, IPD Segamat, jam 4.50 petang, 28 Ogos 2022.

Pertuduhan dijalankan di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta

sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Zander Lim Wai Keong manakala tertuduh diwakili peguam, S Selvantheran.

Pendakwaan memohon jaminan RM15,000 namun Selvantheran dalam hujahnya memberitahu, tertuduh hanya mampu mem-

bayar jaminan RM8,000.

"Ia di luar kemampuan tertuduh, wanita itu masih berkhidmat di IPD Segamat dan mempunyai tanggungan dua anak berusia lima dan enam tahun serta ibu bapa mentua," hujahnya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin, selain perlu menyerahkan pasport serta melaporkan diri ke pejabat SPRM Segamat setiap bulan.

Tarikh 24 Mac ditetapkan sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen.

USHA Nantiny
dibawa keluar dari
mahkamah.



**HARIAN
METRO
16/01/2024
(SELASA)**

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua bekas anggota penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM18,000.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berumur lingkungan 30-an itu yang menyamar sebagai pegawai daripada Unit Risikan Bukit Aman meminta balasan untuk tidak mengambil tindakan bagi kes pengubahan wang haram terhadap mangsa.

Sumber itu berkata, suspek pertama ditahan ki-

Dua bekas anggota penguat kuasa PBT minta rasuah RM18k ditahan

ra-kira 5.10 petang kelmarin di sekitar ibu negara, manakala suspek kedua ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur pada 8.57 malam.

"Suspek ke pejabat mangsa di sekitar Kuala Lumpur dan memberitahu kononnya terdapat satu kes SPRM dibuka terhadap mangsa membatikan kesalahan di bawah Akta Pengubahan

Wang Haram.

"Sehari selepas itu, suspek datang semula ke pejabat mangsa dan meminta wang rasuah kira-kira RM18,000 sebagai balasan menutup siasatan kes berkenaan," kata sumber itu.

Menurutnya lagi, mangsa yang ketakutan menyerahkan wang tunai sebanyak RM10,000 kepada suspek dan memaklumkan akan menyerah-

kan baki RM8,000 pada Isnin (15 Januari) sebelum membuat laporan kepada SPRM Ahad lalu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009 manakala kedua-dua suspek akan direman di Mahkamah Majistret di sini, semalam.



**HARIAN
METRO
17/01/2024
(RABU)**

SPRM rangka tiga strategi utama perangi rasuah tahun ini

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merangka tiga strategi utama di bawah Sektor Operasi dan Pencegahan dalam usaha memerangi rasuah membabitkan perolehan awam, penguat kuasa undang-undang dan *grand corruption* untuk tahun ini, kata Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki.

Grand corruption merujuk kepada rasuah berskala besar yang berprofil tinggi dan berkepentingan awam.

"Strategi ini merupakan hala tuju dan sasaran SPRM pada 2024 bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mencegah ketirisan demi meningkatkan hasil negara," katanya dalam Amanat

Ketua Pesuruhjaya SPRM 2024 yang di-edarkan kepada media pada Selasa.

Tambahnya, tumpuan SPRM adalah bagi mengelak ketirisan dalam sistem perolehan kerajaan dan memastikan perolehan kerajaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan termasuk kegiatan monopoli projek (kartel), projek terbengkalai atau projek sakit yang melibatkan kerugian besar kepada kerajaan.

Bagi penguat kuasa undang-undang, beliau berkata, SPRM menumpukan pembongkaran kes bersifat sindiket seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia, permit kerja pekerja asing serta jenayah rasuah melibatkan anggota penguat kuasa yang menjaga sempadan negara.

Katanya, kes yang menyebabkan berlaku ketirisan, menjejaskan dasar kerajaan dalam melaksanakan agihan dana awam atau peruntukan khas kerajaan kepada kumpulan sasaran atau kaum tertentu seperti Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Skim Keselamatan Sosial Pekerja (Perkeso) dan Skim Pinjaman TEKUN Nasional juga menjadi tumpuan SPRM.

Bagi sektor awam, SPRM akan memfokuskan terhadap pembongkaran kes berkaitan kutipan hasil kerajaan dan pengelakan cukai seperti cukai eksais, cukai perkhidmatan, dan duti import eksport yang sepatutnya diterima kerajaan untuk pembangunan negara. - *Bernama*



**HARIAN
METRO
17/01/2024
(RABU)**

Usaha bentuk mahasiswa berintegriti, antirasuah

SHAH ALAM- Cadangan mewujudkan jawatankuasa khas semak dan imbang di setiap universiti adalah penting bagi mengekang budaya rasuah dalam kalangan mahasiswa dari peringkat akar umbi.

Presiden Kesatuan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmad Muntasir Aznan berkata, ia berupaya membentuk pelajar berintegriti, amanah dan telus dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mahasiswa.

"Pada pandangan saya dengan mewujudkan jawatankuasa khas ini, kita mampu membendung masalah rasuah mahupun salah guna kuasa dalam kalangan mahasiswa.

"Jawatankuasa semak dan imbang perlu telus dalam membentangkan audit setiap jabatan dan sebarang kecurigaan yang berlaku perlu dilaporkan terus ke-

**RASUAH
BUSTERS**

pada pihak universiti.

"Pihak universiti perlu menggalakkan budaya integriti menerusi aktiviti luar kampus yang mampu memupuk jati diri mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada 23 Oktober lalu, seorang pelajar ijazah sarjana sebuah universiti tempatan mengaku bersalah atas 15 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM9,700 ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan.



AHMAD MUNTASIR

Berdasarkan kertas pertuduhan itu juga, mahasiswa tersebut turut didakwa menerima suapan bagi memberikan maklumat awal berkaitan projek-projek di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Ahmad Muntasir berkata, budaya rasuah dalam kalangan universiti melambangkan kecacatan sosioekonomi dalam masyarakat sehingga menjadi norma biasa kepada generasi muda.

Jelasnya, jika perbuatan tersebut terus dijadikan amalan dalam kehidupan, ia akan memberi implikasi buruk terhadap pembangunan negara.

"Kita tidak boleh terus menjadikan budaya ini normal terutama mahasiswa yang merupakan aset kepada negara," katanya.



**SINAR HARIAN
17/01/2024
(RABU)**

Sinar Harian - 17/1/2024 - Rabu

Kesalahan Daim tidak didedahkan

Peguam persoal SPRM bertindak secara tidak sah

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Peguam bagi pihak Tun Dr Daim Zainuddin memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa bahawa Kertas Pandora tidak mendedahkan sebarang kesalahan dilakukan bekas Menteri Kewangan itu.

Peguam, Tan Sri Tommy Thomas berkata demikian ketika hujahan permohonan untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman dan mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menghentikan penyiasatan terhadap Daim, isteri serta empat anak mereka termasuk Ilham Tower Sdn Bhd.

Ia berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram di hadapan Hakim

Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Dalam kes tersebut, Tommy mewakili Daim, 86; isterinya, Toh Puan Nai'mah Khalid, 67 dan empat anak mereka, Asnida, 63; Md Wira Dani, 46; Muhammed Amir Zainuddin, 29; Muhammed Amin Zainuddin, 26, selaku pemohon pertama hingga ketujuh.

Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan pula hadir mewakili SPRM dan pendakwa raya, selaku responden pertama dan kedua.

Semasa hujahan, Tommy berkata, tiada sebab munasabah untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa Daim melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Menurutnya, SPRM juga bertindak secara tidak sah apabila mengeluarkan 36 notis kepada pemohon supaya mendedahkan maklumat harta mereka.

"Selepas Daim tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan, barulah siasatan dilakukan, sedangkan 22 tahun telah berlalu.

"Timbul pula maklumat dalam Kertas Pandora, kononnya Daim dan keluarga-



TOMMY

DAIM

nya kaya-raya, hakikatnya kenyataan itu telah diketahui umum sejak sekian lama," katanya.

Sementara itu, Shamsul mendakwa, kuasa penyiasatan agensi penguat kuasa ini, tidak boleh dicabar.

Beliau berkata, siasatan akan terganggu dan tidak akan selesai jika mahkamah membenarkan semakan kehakiman difailkan pihak terbabit untuk mencabar siasatan agensi tersebut.

"Pelaksanaan fungsi berhubung penyiasatan jenayah tidak boleh dicabar

dengan semakan kehakiman.

"Mahkamah (lain sebelum ini) dalam membuat keputusan berkali-kali mengingatkan bahawa dengan membenarkan semakan kehakiman terhadap pelaksanaan fungsi berkaitan penyiasatan jenayah akan membuka banyak ruang untuk mencabar pelaksanaan fungsi yang membawa kepada huru-hara dan kekacauan awam," katanya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Wan Ahmad Farid menetapkan 4 Mac ini untuk keputusan permohonan itu.

Pada 10 Januari lalu, Daim memohon kepada Mahkamah Tinggi di sini, untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman dan mengarahkan SPRM menghentikan penyiasatan terhadapnya; isteri serta empat anak termasuk Ilham Tower Sdn Bhd mengaitkan kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Pada 22 Disember tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tiada muslihat, niat jahat, pilih kasih atau menyebelahi mana-mana pihak dalam tindakan SPRM menyita bangunan Menara Ilham milik keluarga Daim.



SINAR HARIAN
17/01/2024
(RABU)

KES TUN DAIM

Ganggu siasatan jika SPRM dibenar **dicabar**

Permohonan semakan kehakiman mampu cetus kekacauan awam

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Peguam Negara (AG) menegaskan agensi penguatkuasaan tidak akan dapat menyelesaikan siasatan jenayah jika bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin diberikan kebenaran untuk mencabar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan berkata, siasatan akan terganggu dan tidak akan selesai jika semakan kehakiman difailkan pihak terbabit untuk mencabar siasatan agensi penguatkuasaan dibenarkan.

"Dalam semua kes, mahkamah berkali-kali mengulang bahawa kuasa penyiasatan tidak boleh dicabar dan jika dibenarkan akan mengganggu proses penyiasatan.

"Jika semakan kehakiman difailkan dalam setiap kes, siasatan tidak akan dapat diselesaikan.

"Kami kemukakan bujah bahawa kuasa siasatan tidak boleh disemak semula oleh mahkamah ini," katanya.

Shamsul yang mewakili SPRM dan Pendakwa Raya selaku responden pertama dan kedua berkata, permohonan semakan kehakiman akan membuka lebih banyak ruang untuk mencabar setiap pelaksanaan fungsi sedemikian yang membawa kepada huru-hara dan kekacauan awam.

Sementara itu, peguam Daim dan keluarga, Tan Sri



SHAMSUL

Tommy Thomas dalam hujahnya mempersoalkan tindakan SPRM menjalankan siasatan selepas 22 tahun pemimpin itu meninggalkan perkhidmatan awam.

"Penyiasatan ini timbul daripada maklumat dalam Kertas Pandora bahawa Daim dan keluarganya kaya raya, fakta yang diketahui oleh orang ramai sebelum ini.

"Daim dan keluarganya terjejas teruk oleh siasatan SPRM yang berlanjutan," katanya.

Thomas berkata, SPRM tiada sebab munasabah untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa Daim melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM.

"Kertas Pandora tidak mendedahkan sebarang kesalahan Daim di bawah undang-undang Malaysia.

"SPRM juga bertindak secara tidak sah apabila mengeluarkan 36 notis di bawah Seksyen 36(1) Akta SPRM kepada Daim dan ahli keluarganya supaya mendedahkan maklumat mengenai harta mereka yang berkaitan dengan kesalahan di bawah akta



LAPORAN Harian Metro, 17 Januari 2024

agensi penguatkuasaan itu," katanya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Hakim Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh menetapkan 4 Mac ini bagi keputusan permohonan itu.

Daim atau nama penuhnya, Che Abdul Daim Zainuddin memfailkan permohonan kebenaran untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar siasatan SPRM pada 10 Januari lalu, melalui firma guaman, Tetuan Tommy Thomas.

Turut dinamakan sebagai pemohon ialah isteri Daim, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid dan empat anak mereka iaitu Asnida, Md Wira Dani, Muhammed Amir Zainuddin dan Muhammed Amin Zainuddin serta Ihami Tower Sdn Bhd, manakala SPRM dan Pendakwa Raya selaku responden.

Dalam permohonan itu, Daim dan keluarga memohon perisytiharan bahawa SPRM serta pegawainya tiada sebab munasabah

untuk menjalankan siasatan bermula Februari 2023, yang akan membawa kepada pendakwaan terhadap mereka.

Jika mahkamah membenarkan kebenaran itu, Daim dan keluarga memohon perintah supaya SPRM dan pegawainya menghentikan semua siasatan mengikut Aturan 53 Kaedah 3(8) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Melalui afidavit sokongan dalam permohonan berkenaan pula, Daim mendakwa dirinya adalah ahli perniagaan kaya dan berjaya sebelum menyertai politik dan menjawat jawatan awam.

Pada masa sama, bekas menteri itu mendakwa tiada tindakan dan siasatan dibuat terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, walaupun mereka dinamakan dalam Kertas Pandora.



HARIAN
METRO
17/01/2024
(RABU)

SPRM fokus kekang rasuah dalam tiga bidang utama

Agensi azam banteras amalan ketirisan perolehan hingga akibatkan kerugian kepada kerajaan, rakyat

Oleh Tan Hafiz Aziz
illahhafiz.abdul-
ziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Memerangi dan mengekang perlakuan rasuah dalam tiga bidang utama iaitu perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang serta rasuah berskala besar yang berprofil tinggi dan berkepentingan awam menjadi fokus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun ini.

Dalam perolehan awam, tumpuan adalah untuk membanteras amalan rasuah dan ketirisan dalam sistem perolehan kerajaan, memastikan perolehan kerajaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan, membanteras kegiatan monopoli projek (kartel), projek terbengkalai/projek sakit yang mengakibatkan kerugian besar kepada kerajaan dan negara.

Bagi sektor penguatkuasaan, tumpuan adalah kepada pembongkaran kes yang memberi kesan kepada sosioekonomi rakyat seperti penyeludupan, perjudian, pemerdagangan manusia, permit kerja pekerja asing, permohonan kewarganegaraan, pelesenan,

percukaian, macau scam, perjudian atas talian, serta jenayah rasuah yang membabitkan anggota penguat kuasa yang menjaga pintu sempadan negara.

Untuk kes kepentingan awam, fokus adalah kepada kes yang menyebabkan berlaku ketirisan, kerugian kepada kerajaan dan rakyat di samping menjejaskan dasar kerajaan dalam melaksanakan agihan dana awam kepada kumpulan sasaran.

Contohnya seperti pengagihan dana Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), Skim Bantuan Subsidi Baja, Skim Pinjaman TRKUN Nasional, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

SPRM juga akan menumpukan pembongkaran kes berkaitan kutipan hasil kerajaan dan pengeluaran cukai yang menyebabkan berlaku ketirisan dan kerugian kepada hasil kerajaan yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan negara.

Tak boleh dibiar berleluasa

Berucap pada Majlis Penyempaian Amanat Ketua Pesuruhjaya 2024, Tan Sri Azam Baki, berkata rasuah dan salah guna kuasa tidak boleh lagi dibiarkan berleluasa dan tugas SPRM adalah untuk menghapuskannya sehingga negara ini bebas sepenuhnya daripada rasuah.

Yang turut hadir tiga Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya (Operasi), Datuk Seri Norazlan Mohd Razali (Pencegahan) dan Datuk Junipah Wandi (Pengurusan dan Profesionalisme).

Tahun lalu, *BH* melaporkan,

“SPRM juga kekal mengaplikasikan strategi serampang 3 mata dalam fungsinya iaitu melalui pendekatan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan masyarakat selaras dengan Akta SPRM 2009”

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenal pasti 481 projek sakit dan 112 projek terbengkalai di seluruh negara.

BH minggu lalu turut mendedahkan lebih 500,000 pekerja asing yang ‘menganggur’ atau tidak diupah oleh mana-mana majikan berada di Malaysia serta lebih 100 syarikat dipercayai didalangi warga Bangladesh beroperasi di negara ini untuk membawa masuk rakyat negara itu, yang mengakibatkan lambakan pekerja asing dalam negara.

Tahun lalu akhbar ini juga mendedahkan, hampir 2,000 rakyat Malaysia dipercayai menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia dan terperangkap di beberapa negara jiran, sejak setahun lalu.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) baru-baru ini mendedahkan tujuh syarikat terbahil dengan kegiatan tipu bida dalam empat tender pembekalan barangan dan perkhidmatan untuk Kementerian Pertahanan (MIN-

DEF), yang dianggarkan bernilai RM20.8 juta.

Azam Baki berkata, sesuai dengan fokus agensi itu untuk tahun ini, semua perancangan dan tindakan operasi serta siasatan hendaklah diperkemas melalui tatakelola dan pendidikan masyarakat yang berimpak tinggi agar lebih berkesan dan menyeluruh.

Katanya, SPRM juga akan kekal mengaplikasikan strategi serampang 3 mata dalam fungsinya iaitu melalui pendekatan penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan masyarakat selaras dengan Akta SPRM 2009.

“Justeru semua warga SPRM perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri bagi membanteras jenayah ini sekali gus melumpuhkan kegiatan mereka.

“Pencegahan juga perlu dilakukan dengan lebih berkesan agar tatakelola di agensi kerajaan dapat dipantau dan dikelola dengan baik bagi menutup ruang serta peluang rasuah,” katanya.



BERITA
HARIAN
17/01/2024
(RABU)

Siasatan berkaitan Kertas Pandora

Siasatan tidak selesai jika Daim dibenar cabar SPRM

Tindakan buka lebih banyak ruang pertikaian, kekacauan umum

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini semalam diberitahu agensi penguatkuasaan tidak akan dapat menyelesaikan siasatan jenayah jika bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dibenar mencabar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan juga berhujah, tindakan SPRM terhadap bekas Ahli Parlimen Merbok itu dan keluarganya tidak boleh dicabar kerana siasatan akan terganggu.

Beliau yang mewakili Peguam Negara dan SPRM, berhujah demikian ketika membantah permohonan Daim dan ahli keluarganya untuk mendapat kebenaran mahkamah bagi mencabar siasatan suruhanjaya terabit ke atasnya serta keluarga.

Selanjutnya, Shamsul memberitahu mahkamah, jika permohonan bekas Menteri Kewangan itu dan keluarga dibenarkan, ia akan membuka lebih banyak ruang untuk pertikaian selain menyebabkan huru-hara dan kekacauan umum.

Mekanisme siasatan

Sedangkan, Peguam Kanan Persekutuan itu berhujah, kuasa untuk mengeluarkan perintah siasatan dan pembekuan aset adalah satu daripada mekanisme siasatan suruhanjaya terabit.

Kuasa itu diperuntukkan dalam Bahagian VI Seksyen 49(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

"Agensi penguat kuasa undang-undang" diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah bagi membekukan aset seseorang apabila memenuhi beberapa syarat," kata Shamsul.

Pengeluaran perintah itu, hujahnya, hanya dibuat apabila agensi penguat kuasa telah memulakan siasatan terhadap individu terabit dan ada alasan munasabah untuk mengesyaki sama ada individu itu melakukan atau akan melakukan kesalahan pembiayaan keganasan atau aset hasil daripada aktiviti haram.

"Dalam semua kes (terdahulu), mahkamah dalam membuat keputusan, berkali-kali mengingatkan bahawa kebenaran semakan kehakiman terhadap siasatan jenayah akan menyebabkan 'kebanjiran' tindakan itu di mahkamah."

"Jika semakan kehakiman difailkan dalam setiap kes, siasatan tidak akan dapat diselesaikan."

Tindakan SPRM terhadap bekas Ahli Parlimen Merbok itu dan keluarganya tidak boleh dicabar kerana siasatan terganggu



Shamsul Bolhassan, Peguam Kanan Persekutuan

Kami kemukakan hujah bahawa kuasa siasatan tidak boleh di-semak semula oleh mahkamah ini," kata Shamsul lagi.

Sehubungan itu, beliau memohon mahkamah menolak permohonan Daim dan keluarga bagi mendapatkan kebenaran memulakan semakan kehakiman untuk mencabar tindakan SPRM.



Kertas Pandora tidak mendedahkan sebarang kesalahan Daim di bawah undang-undang Malaysia dan pendakwaan akan memprejudiskan bekas Ahli Parlimen Merbok kerana beliau kini berusia 85 tahun



Tommy Thomas, Bekas Peguam Negara

'Suruhanjaya bertindak secara tidak sah'

Kuala Lumpur: Bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas menegaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiada sebab munasabah untuk mengesyaki atau mempercayai Tun Daim Zainuddin dan keluarga melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM.

Beliau yang mewakili Daim dan keluarga dalam permohonan kebenaran untuk memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar siasatan SPRM, juga berhujah suruhanjaya itu bertindak secara tidak sah apabila mengeluarkan 36 notis kepada bekas Menteri Kewangan berkenaan dan ahli keluarganya.

Notis terabit memerintahkan Daim dan ahli keluarga supaya mendedahkan maklumat mengenai harta mereka yang berkaitan dengan kesalahan mengikut Akta SPRM.

Seksyen 23 Akta SPRM menyatakan kesalahan salah guna jawatan atau salah guna kuasa di mana pegawai awam atau anggota pentadbiran kerajaan menggunakan kedudukan dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya ada kepentingan.

Menurut Tommy, Kertas Pandora tidak mendedahkan sebarang kesalahan Daim di bawah undang-undang Malaysia dan

pendakwaan akan memprejudiskan bekas Ahli Parlimen Merbok kerana beliau kini berusia 85 tahun.

Kertas Pandora yang dilaporkan menjadi asas siasatan terhadap Daim adalah fail sulit yang bocor pada 2021, mendedahkan nama-nama pemilik syarikat pesisir, aset serta akaun bank di luar bidang kuasa Malaysia.

"Tidak adil untuk mengisrakannya mengingati semua perkara yang berlaku 25 tahun lalu," hujah Tommy lagi sambil menambah sehingga hari ini, Daim dan keluarganya juga tidak pernah dimaklumkan mengenai fakta berkaitan dakwaan terhadap mereka.

Katanya, SPRM hanya merakam keterangan bekas Menteri Kewangan itu setahun setengah selepas Kertas Pandora dikeluarkan.

"Hanya pada Jun 2023, hampir dua tahun selepas itu, SPRM mula mempergiat tindakan terhadap Daim dan membekukan aset keluarganya," katanya turut mendakwa SPRM secara tidak sah membekukan akaun anak guamnya sejak 7 Jun 2023.

Tindakan lain, dakwa Tommy, menyerbi dan menyita bangunan Mensra Iham setinggi 60 tingkat pada 18 Disember 2023, menggeledah kediaman Daim serta menyita 11 kenderaan pada 3 Januari lalu.



BERITA HARIAN 17/01/2024 (RABU)

Utamakan integriti dalam diri - Ayob

Sudah tiba masa seluruh lapisan masyarakat tolak perbuatan rasuah

Oleh HISYAMUDDIN AYUB dan FARHANA ABD KADIR
KUALA LUMPUR

Integriti merupakan elemen utama yang perlu ditanam dalam diri setiap masyarakat terutama menjayakan agenda negara menentang gejala rasuah.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, seluruh lapisan masyarakat diminta untuk menyematkan diri dengan pegangan utuh terhadap amalan integriti tinggi.

Tegas beliau, integriti bukan sahaja perlu disemai dalam diri, malah dipraktikkan dalam sistem sesebuah organisasi atau syarikat supaya rasuah serta sebarang penyelewengan dapat diatasi sebaiknya.

"Bagi saya, integriti merupakan perkara paling penting berbanding perkara lain untuk kita laksanakan dalam apa jua bidang diceburi.



Dari kanan: Syahrizam, Ayob Khan dan George Stewart ketika melancarkan Hari Integriti Edgenta 2024 di Menara UEM pada Rabu.

"Perkara keduanya adalah keberanian, dalam usaha kita memerangi budaya rasuah dan membuat perubahan," katanya ketika berucap merasmikan Hari Integriti Edgenta 2024 di Menara UEM, Bangsar South di sini pada Rabu.

Hadir sama pada majlis tersebut Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta), Syahrizam Samsudin; Pengerusi Jawatankuasa Governance dan Risiko, Datuk George Stewart dan Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Mengulas lanjut, Ayob Khan berkata, sudah tiba masa untuk seluruh masyarakat membuat perubahan menolak perbuatan rasuah.

Menurut Ayob Khan, ketelusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan merupakan asas utama pertumbuhan mampan negara ke arah kecemerlangan.

Beliau menegaskan bahawa tanpa integriti dan ketelusan, sesebuah syarikat tidak mampu untuk mencipta kejayaan, seterusnya gagal membentuk sebuah negara maju jaya.

Dalam pada itu, kata Ayob Khan, inisiatif yang dilaksanakan oleh UEM Edgenta menolak gejala rasuah merupakan langkah terbaik dalam membentuk persekitaran kerja bebas rasuah.

Jelas beliau, kesungguhan UEM Edgenta dalam perkara itu jelas membuktikan komitmen syarikat tersebut menangani gejala rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan.

"Tindakan proaktif daripada UEM Edgenta ini akan memberi inspirasi kepada syarikat lain di luar sana.

"Saya percaya kita semua di setiap lapisan masyarakat dapat membanteras isu rasuah tanpa kompromi," ujar beliau.



SINAR HARIAN
18/01/2024
(KHAMIS)

Kerjasama UEM Edgenta, Rasuah Busters terap kesedaran tolak rasuah

KUALA LUMPUR - Kerjasama antara UEM Edgenta Berhad dengan Rasuah Busters sebagai rakan sinergi merupakan langkah progresif untuk menghapuskan gejala rasuah dalam sektor korporat.

Ketua Jabatan Risiko, Integriti dan Pematuhan UEM Edgenta, Faizatul Farhah Ghazali berkata, menerusi kerjasama tersebut, ia dapat memupuk kesedaran pekerja untuk lebih cakna mengenai tata kelola dalam tadbir urus syarikat.

Menurutnya, bagi menjaga imej dan kepercayaan pihak berkepentingan mahupun pelanggan, organisasi atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu menolak rasuah secara menyeluruh.

"Kami sedang mempergiat usaha untuk membangunkan pelbagai program menerusi kerjasama dengan Rasuah Busters.

"Mesej mengenai rasuah perlu disampaikan secara menyeluruh supaya semua lapisan pekerja di UEM Edgenta daripada peringkat pengurusan sehingga operasi cakna mengenainya," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam program Hari Integriti Edgenta 2024 yang ber-



FOTO: ASRI, ASWANI SHUKOR

Warga kerja UEM Edgenta Berhad memegang plakad Rasuah Busters sempena Hari Integriti Edgenta 2024 di Menara UEM pada Rabu.

tema *Reinventing the Future Through Good Governance* di lobi Menara UEM Bangsar di sini, pada Rabu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin pula berkata, menerusi kolaborasi bersama organisasi korporat yang berpotensi seperti UEM Edgenta, usaha membanteras rasuah dapat dilakukan secara komprehensif.

Beliau menegaskan bahawa

sistem kawalan rasuah perlu dilaksanakan secara holistik bagi setiap sektor bagi memastikan budaya integriti terus diperkaskan.

"Saya percaya usaha ini sejajar dengan prinsip Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ingin menghapuskan rasuah daripada pelbagai peringkat.

"Semua pihak perlu bekerjasama supaya kita dapat menukar budaya rasuah kepada integriti yang lebih baik," katanya.



Norhayati (kanan) ketika sesi penyerahan simbolik stiker kereta kepada Faizatul Farhah sempena pelancaran Hari Integriti Edgenta 2024.



SINAR HARIAN
18/01/2024
(KHAMIS)

Usaha mantap perangi rasuah

Putrajaya: Pemeteraan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama *Oversight and Anti Corruption Authority* (NAZAHA) dari Arab Saudi mampu memantapkan usaha memerangi rasuah di peringkat global.

Menerusi MoU ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam perkongsian kepakaran dan pengalaman memerangi rasuah, pertukaran maklumat dan penyertaan dalam program pencegahan rasuah serta bantuan teknikal sebagaimana yang dipersetujui bersama.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, MoU itu dapat mengukuhkan jalinan kerjasama dan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

"SPRM bercadang untuk mengadakan lawatan rasmi ke NAZAHA pada tahun ini bagi perbincangan lanjut serta perkongsian pengalaman," katanya ketika berucap pada majlis MoU itu, semalam.

Sementara itu, Presiden NAZAHA Mazin Ibrahim M Al-Kahmous turut merakamkan penghargaan kepada SPRM atas jalinan kerjasama melalui MoU itu.

Di samping itu, beliau



SPRM bercadang untuk mengadakan lawatan rasmi ke NAZAHA pada tahun ini bagi perbincangan lanjut serta perkongsian pengalaman"

Azam

memaklumkan. Arab Saudi komited dalam membanteras jenayah rasuah tanpa toleransi melalui beberapa inisiatif utama.

"Antaranya adalah Inisiatif Riyadh yang dikenali sebagai 'Globe I Network' bertujuan untuk mewujudkan rangkaian operasi global dalam kalangan agensi anti-rasuah bagi memudahkan pertukaran maklumat dan program pembangunan modal insan.

"Sehingga kini, 191 agensi anti-rasuah dari 150 negara sudah menyertai rangkaian itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mazin Ibrahim turut memaklumkan bahawa NAZAHA sudah membangunkan inisiatif global untuk mengukur kadar rasuah yang mengambil kira perbezaan politik dan undang-undang setiap negara.



**HARIAN
METRO
18/01/2024
(KHAMIS)**



SPRM saahkan panggil Mirzan bantu siasatan

Ahli perniagaan diminta isytihar segala aset alih, tak alih dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sudah memanggil ahli perniagaan, Mirzan Mahathir kelmarin bagi membantu siasatan.

SPRM dalam kenyataan semalam, berkata Mirzan hadir ke ibu pejabat di Putrajaya pada jam 9.30 pagi dan satu perintah notis disampaikan kepada beliau mengikut Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009.

Tindakan lanjut

Notis itu mengkehendaki Mirzan mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih yang berada di dalam pegangannya sama ada di dalam atau di luar negara dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis itu.

"Perintah ini adalah tindakan lanjutan daripada siasatan SPRM berhubung maklumat dalam laporan Kertas Panama serta aktiviti perniagaannya yang membabitkan penjualan dan pembelian syarikat berkaitan ke-

rajaan (GLC).

"Siasatan dijalankan di bawah Akta SPRM 2009 juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA)," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menjelaskan SPRM memulakan siasatan sejak Ogos 2022 terhadap semua entiti yang berkait dan dinamakan dalam laporan Kertas Pandora juga Kertas Panama.

"Sehingga kini, seramai 10 saksi dipanggil bagi tujuan dirakam pernyataan serta SPRM sedang mengkaji dokumen kewangan serta pemilikan aset entiti-entiti yang tersenarai dalam laporan itu dan siasatan masih giat dijalankan," katanya.



**BERITA
HARIAN
19/01/2024
(JUMAAT)**

SPRM nafi siasat Ketua Setiausaha Negara

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan dakwaan di media sosial siasatan dijalankan ke atas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata maklumat yang tular di media sosial berkaitan perkara itu palsu dan boleh merosakkan nama Ketua Setiausaha Negara.

“Kita tidak siasat KSN. Itu semua bohong belaka,” katanya semalam.

Dakwaan Mohd Zuki disiasat SPRM melibatkan pelbagai isu ditularkan seorang pengguna media sosial di platform X menerusi hantaran yang antara lain menyebut perkara itu disahkan oleh sumber dalaman Pejabat KSN.

BERNAMA



**BERITA
HARIAN
19/01/2024
(JUMAAT)**

Sindiket kartel projek TLDM: SPRM tahan tiga orang tengah

JOHOR BAHRU - Tiga individu yang dipercayai terlibat sebagai orang tengah sindiket kartel kerja-kerja perolehan membabitkan sebuah Kem Tentera Laut (TLDM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada petang Khamis.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek lelaki, berusia lingkungan 28 hingga 47 tahun tersebut ditahan di Pejabat SPRM

Johor pada kira-kira jam 6 petang.

"Difahamkan, tangkapan ke atas ketiga-tiga individu tersebut dibuat atas kesalahan tuntutan palsu dan menjadi dalang 'kartel perolehan' kepada 13 buah syarikat pembekal yang menguruskan kerja-kerja pembinaan di sebuah Kem TLDM melibatkan jumlah nilai perolehan keseluruhan melebihi RM9 juta.

"Pembayaran penuh telah dibuat walhal pembinaan masih belum siap dengan sempurna," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

"Kesemua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru pada jam 8.30 pagi Jumaat," ujarinya.



SINAR HARIAN
19/01/2024
(JUMAAT)

SPRM serah notis kepada anak Tun M

Mirzan dikehendaki isytihar aset dalam tempoh 30 hari, telah hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PUTRAJAYA



MIRZAN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerahkan perintah notis kepada anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Mirzan Mahathir yang mengkehendakinya isytihar aset dalam tempoh 30 hari.

SPRM dalam kenyataan berkata, Mirzan yang juga ahli perniagaan telah hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada jam 9.30 pagi Rabu, untuk membantu siasatan.

"Satu perintah notis telah disampaikan kepada beliau di bawah Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009 yang mengkehendaki beliau mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih yang berada di dalam pegangannya sama ada di dalam atau di luar negara dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis tersebut.

"Perintah ini adalah tindakan lanjutan daripada siasatan SPRM berhubung maklumat da-



SPRM serah perintah notis kepada Mirzan yang mengkehendakinya isytihar aset dalam tempoh 30 hari.

lam laporan Kertas Panama serta aktiviti perniagaannya yang membabitkan penjualan dan pembelian syarikat berkaitan kerajaan (GLC)," kata kenyataan itu pada Khamis.

Menurut kenyataan itu, siasatan dijalankan di bawah Akta SPRM 2009 juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang

Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Kenyataan itu berkata, SPRM telah memulakan siasatan sejak Ogos 2022 terhadap semua entiti yang berkait dan dinamakan dalam laporan Kertas Pandora juga Kertas Panama.

"Sehingga kini, seramai 10 saksi telah dipanggil bagi tujuan dirakam pernyataan.

"SPRM sedang mengkaji dokumen kewangan serta pemilikan aset entiti-entiti yang tersenarai dalam laporan-laporan tersebut dan siasatan masih giat dijalankan," kata kenyataan tersebut.



SINAR HARIAN
19/01/2024
(JUMAAT)

'Kartel perolehan' kem di Johor

TLDM sahkan anggota dipanggil SPRM, tiga direman

Oleh Asrol Awang dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengesahkan beberapa anggotanya dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan kes 'kartel perolehan' membabitkan projek pembinaan di sebuah kem miliknya di Johor.

Tanpa mendedahkan identiti serta bilangan anggota terbabit, Panglima TLDM, Tan Sri Abdul Rahman Ayob, berkata mereka dipanggil untuk memberikan keterangan susulan siasatan dijalankan.

Nasional 4



**BERITA
HARIAN
20/01/2024
(SABTU)**

TLDM sedia beri kerjasama kes 'kartel perolehan'

Dari Muka 1

Selain itu, beliau turut mengesahkan beberapa dokumen berkaitan turut diambil SPRM bagi tujuan siasatan kes sama.

"Memang ada beberapa anggota TLDM dipanggil untuk memberikan keterangan dan dokumen juga diambil," katanya ringkas ketika ditemui media selepas upacara penamaan dan pentauliahkan *Kapal Diraja (KD) Sri Sabah* dan *KD Sri Sarawak* di Tanjung Gelang, di sini semalam.

Beliau berkata demikian me-

ngulas penahanan tiga lelaki dipercayai bertindak sebagai dalang kepada 'kartel perolehan' membabitkan kerja pembinaan di sebuah Kem TLDM bernilai lebih RM9 juta di Johor, kelmarin.

Menurut sumber, ketiga-tiga lelaki berusia dalam lingkungan 28 hingga 47 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 6 petang susulan kesalahan tuntutan palsu, selain menjadi dalang 'kartel perolehan' kepada 13 syarikat pembekal yang menguruskan kerja pembinaan di kem berkenaan.

Sumber memaklumkan pembayaran penuh sudah dibuat, namun pembinaan masih belum siap dengan sempurna.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, mengesahkan penahanan itu.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, TLDM sedia memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM berhubung siasatan kes itu.

"Setakat ini, saya tidak boleh komen banyak sangat, tunggu siasatan SPRM selesai.

"Sebaiknya kita tunggu laporan SPRM dan tindakan sewa-

jarnya akan diambil hasil laporan siasatan itu," katanya.

Sementara itu, tiga lelaki yang ditahan di Johor itu ditahan reman selama seminggu bermula semalam bagi membolehkan siasatan dijalankan SPRM.

Perintah reman sehingga 25 Januari itu dikeluarkan Majistret Nurmadiana Mamat ketika semua suspek berusia antara 28 hingga 47 tahun itu dibawa ke Mahkamah Johor Bahru, semalam.

Siasatan kes dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**BERITA
HARIAN
20/01/2024
(SABTU)**

Dakwaan KSN disiasat SPRM beri kesan negatif

Kuala Lumpur: Tuduhan fitnah terhadap Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Mohd Zuki Ali yang didakwa disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) seperti yang tular, baru-baru ini memberi kesan negatif kepada institusi KSN dan perkhidmatan awam.

Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD), Datuk Seri Isham Ishak (*gambar*) berkata, kenyataan palsu itu juga, sekali gus menjejaskan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan.

Menurutnya, pihaknya mengambil serius dakwaan

fitnah terhadap KSN dan berpandangan wajar sekiranya semua pihak tidak membuat sebarang tuduhan yang tidak berasas serta mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah.

"Serangan sebegini akan mendatangkan implikasi negatif kepada institusi KSN dan perkhidmatan awam serta menjejaskan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

"PPTD dan ahlinya akan terus komited menyokong Kerajaan Madani yang diberikan kepercayaan dalam mentadbir negara bagi memastikan agenda pembangunan semula ekonomi

dan kesinambungan sistem pentadbiran negara terus diperkukuhkan dan dimantapkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, bagi membendung perkara itu daripada terus berlaku, PPTD berharap pihak berkuasa mengambil tindakan bagi menyasat perkara itu.

"PPTD juga berharap supaya tohmahan dan fitnah terhadap penjawat awam terutamanya jawatan utama perkhidmatan awam tidak berlaku lagi.

"PPTD juga menyeru semua ahli PPTD dan pegawai PTD untuk terus fokus dan mengekalkan profesio-

nalisme dalam menjalankan tanggungjawab mentadbir negara serta menepati nilai integriti dalam perkhidmatan," katanya.

Kelmarin media melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menafikan dakwaan di media sosial bahawa siasatan telah dijalankan ke atas Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dipetik berkata, maklumat tular di media sosial berkaitan perkara itu adalah palsu dan boleh merosakkan nama Ketua Setiausaha Negara.

"Serangan sebegini akan mendatangkan implikasi negatif kepada institusi KSN dan perkhidmatan awam serta menjejaskan kepercayaan rakyat kepada kerajaan"



**HARIAN
METRO
20/01/2024
(SABTU)**

Syor wujudkan Suruhanjaya Sukan pantau rasuah

Dapat mengesan awal sebarang penyelewengan dalam pengurusan sukan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Badan khusus seperti Suruhanjaya Sukan Negara perlu diwujudkan bagi mengesan sebarang perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam industri sukan negara pada peringkat awal.

Pengerusi Rasuah Busters Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel berkata, suruhanjaya itu juga dapat memantau pelaksanaan dan pentadbiran sukan di negara ini sekali gus dapat membanteras kegiatan rasuah.

"Kita tidak mahu lagi mendengar ada permainan atau perlawanan yang dibeli kemenangannya ataupun dalam erti kata lain juri disogok dengan wang ringgit.

"Langkah terbaik ialah dengan membuat pemantauan di setiap peringkat pengurusan sukan negara.

"Bagaimanapun, ia perlu seiring dengan akta atau hukuman yang lebih tegas kepada mereka yang terlibat. Bayangkan bagaimana mungkin sukan negara boleh terus maju di mercu antarabangsa jika sukan terpalit dengan rasuah," katanya dalam satu kenyataan.

Baru-baru ini, *Sinar Harian* melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil Menteri Besar sebuah negeri di utara tanah air bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu rasuah lebih RM6 juta melibatkan sebuah persatuan bola sepak.



HAMDAN

Menurut sumber, siasatan membabitkan kes itu dijalankan SPRM selepas menerima laporan daripada kontraktor yang sebelum ini dijanjikan mendapat projek di negeri berkenaan sekiranya menyalurkan dana ke akaun persatuan bola sepak negeri itu.

Sementara itu, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim membentahu, rasuah dalam bidang sukan pasti akan me-

rosakkan integriti dan moral serta memberi kesan negatif terhadap pembangunan atlet serta imej negara.

"Langkah terbaik adalah dengan meningkatkan ketelusan, penyeliaan, dan penguatkuasaan undang-undang anti-rasuah dalam pengurusan persatuan sukan serta program pembangunan atlet.

"Rasuah penting untuk dicegah bagi mengelakkan kesan jangka panjang dalam arena sukan negara," jelasnya.



SINAR HARIAN
20/01/2024
(SABTU)

Identiti pemberi rasuah perlu didedahkan - Ikram

SHAH ALAM - Identiti pemberi dan penerima rasuah perlu didedahkan secara adil kerana perbuatan itu adalah kesalahan yang sama berat.

Yang Dipertua Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Kangar, Rahime Che Yen berkata, ia berikutan kebanyakan kes dilaporkan media hanya menghebahkan penerima rasuah.

"Namun, pemberi pula berselindung di sebalik kesalahan dilakukan penerima.

"Hukuman sama rata perlu dijatuhkan kepada kedua-dua pihak dan sepatutnya identiti mereka juga perlu didedahkan.

"Jika tidak ada yang memberi, sudah pasti tiada yang akan menerima rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Rahime, tindakan tegas perlu diberikan kepada kedua-dua pihak supaya gejala itu boleh dikurangkan.

"Jika orang awam tahu memberi rasuah pun sama hukuman dengan penerima rasuah, mudah-mudahan akan membantu gejala rasuah ini dikurangkan," ujarnya.



SINAR HARIAN
20/01/2024
(SABTU)

Kesedaran rakyat perangi rasuah masih rendah - ABIM



ZAIRUDIN

SHAH ALAM - Kesedaran dan usaha memerangi jenayah rasuah dalam kalangan rakyat di negara ini masih lagi rendah.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, penerapan elemen integriti dan tanggungjawab perlu terus dilakukan bagi memastikan masyarakat berasa jijik dengan amalan negatif itu.

Menurutnya, semua pihak perlu peka dan prihatin dengan masa depan negara, khususnya

golongan belia.

"Kerajaan sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang drastik supaya masalah ini dapat ditangani dengan segera dengan kerjasama ibu bapa dan pihak institusi pendidikan.

"Perkongsian mengenai hukuman daripada pihak berkuasa terhadap pesalah rasuah juga usaha yang terbaik untuk memastikan orang ramai membenci rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut Zairudin berkata, inisiatif untuk memberi pendidikan kepada orang ramai tentang keburukan rasuah perlu dilaksanakan dengan lebih agresif dan kreatif.

"Penguatkuasaan dan tindakan tegas tanpa mengira latar belakang pesalah pasti akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," tegasnya.



SINAR HARIAN
20/01/2024
(SABTU)

3 dalang 'kartel perolehan' TLDM direman 7 hari

Dipercayai buat tuntutan palsu bina kem TLDM RM9 juta

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Tiga lelaki direman tujuh hari bermula Jumaat bagi membantu siasatan kes 'kartel perolehan' melibatkan kerja-kerja pembinaan di sebuah Kem Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bernilai lebih RM9 juta. Majistret Nurmadiana Mamat membenarkan permohonan reman hingga 25 Januari ini terhadap ketiga-tiga lelaki berumur lingkungan 28 hingga 47 tahun itu bagi membolehkan siasatan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Pada Jumaat, kesemua mereka yang berpakaian baju lokap SPRM tiba di pekarangan Mahkamah Sesyen dan Majistret di sini kira-kira jam 9.40 pagi diiringi pegawai SPRM.

Pada Khamis, tiga lelaki yang dipercayai bertindak sebagai dalang kepada 'kartel perolehan' itu ditahan SPRM Johor di pejabat agensi itu kira-kira jam 6 petang.

Tangkapan terhadap ketiga-tiga individu terbabit dipercayai dibuat atas kesalahan tuntutan palsu dan menjadi dalang kartel terbabit kepada 13 syarikat



Ketiga-tiga suspek di pekarangan mahkamah pada Jumaat.

pembekal yang menguruskan kerja-kerja pembinaan di kem berkenaan.

Difahamkan, pembayaran penuh telah pun dilaksanakan sedangkan pembinaan masih belum disiapkan dengan sempurna.

Sementara itu, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman Ayob berkata, pihaknya akan memberi

kerjasama sepenuhnya kepada SPRM berhubung siasatan 'kartel perolehan' itu.

"Setakat ini, saya tidak boleh komen banyak sangat, tunggu siasatan SPRM selesai.

"Sebaiknya kita tunggu laporan SPRM dan tindakan sewajarnya akan diambil hasil laporan siasatan itu," katanya.



SINAR HARIAN
20/01/2024
(SABTU)

Surat terbuka kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM



PERSPEKTIF

HASSAN ABDUL KARIM

SAYA, Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang, merangkap anggota Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang dibentuk di bawah Seksyen 14 Akta SPRM 2009 ingin menyatakan secara terus terang untuk perhatian Tan Sri (Azam Baki) mengenai beberapa perkara menyentuh tugas agensi SPRM akhir-akhir ini.

2. Sebagai seorang anggota JKMR saya menyokong sepenuhnya tindakan SPRM untuk memerangi rasuah.

3. Justeru itu saya menyokong tindakan SPRM menyiasat amalan ra-

suah, salah guna kuasa, pecah amanah dan pelupusan wang haram ke atas semua pihak dari kaki-tangan awam peringkat rendah sehinggalah kepada bekas menteri, anak kepada bekas Perdana Menteri sehinggalah kepada bekas Perdana Menteri ke-9.

4. Golongan elit yang dahulunya dilihat semacam kebal tidak boleh disentuh oleh agensi SPRM tetapi kini telah dipanggil ke ibu pejabat SPRM untuk disiasat.

5. Tetapi saya mempunyai beberapa kemusykilan dan kebimbangan terhadap laporan media berkenaan tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai SPRM untuk perhatian Tan Sri sebagai ketua agensi SPRM.

6. Saya berharap SPRM perlu menjalankan tugas dengan profesional mengikut



AZAM

undang-undang ketika menjalankan tugas menyiasat.

Tidak boleh gunakan ugutan semasa menjalankan siasatan.

Saya memandang serius tentang aduan Tun Dr Mahathir bahawa anaknya yang disiasat oleh SPRM telah diugut dengan hukuman penjara selama lima tahun.

Hal seperti ini sepatutnya tidak berlaku.

7. Saya ingin menegaskan bahawa SPRM bukannya badan pendakwaan dan bukannya mahkamah.

Tugas pendakwaan dan hukuman adalah tugas Pendakwa Raya dan juga hakim mahkamah.

Tugas SPRM sama seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai agensi penyiasatan yang tertakluk di bawah Kanun Acara Jenayah (*Criminal Procedure Code*).

8. Saya ingin memberi pujian kepada SPRM kerana telah menjalankan siasatan berkaitan pendedahan di dalam Pandora Papers dan Panama Papers.

Tetapi saya berharap SPRM mesti adil dan telus. Jangan mereka yang dianggap penentang atau seteru kepada Kerajaan Perpaduan yang berkuasa sekarang sahaja yang disiasat tetapi penyokong dan anggota Kerajaan Perpaduan tidak disiasat.

9. SPRM mesti bersikap telus, profesional dan berintegriti dalam menjalankan tugasnya dengan berasaskan kepada prinsip tanpa takut dan pilih kasih.

Sekian, terima kasih.

**Hassan Abdul Karim ialah Ahli Parlimen Pasir Gudang merangkap Anggota Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR).*

**Artikel ini tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi Sinar Harian.*



SINAR AHAD
21/01/2024
(AHAD)

Kes kartel perolehan jadi pengajaran

Kota Tinggi: Kementerian Pertahanan (MINDEF) mengingatkan supaya kes 'kartel perolehan' membabitkan projek pembinaan di sebuah Kem Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Johor bernilai lebih RM9 juta yang kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijadikan pengajaran.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin, berkata kegiatan sebegitu perlu dielak memandangkan setiap projek yang telah diluluskan kerajaan seharusnya sampai kepada sasaran.

Justeru, beliau berkata, pihak kementerian akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM sehingga selesai siasatan kes itu.

"MINDEF mengalu-alukan siasatan SPRM susulan penahanan tiga lelaki dipercayai dalang kepada kartel perolehan memba-

bitkan kerja pembinaan di sebuah kem TLDM di Johor.

"Ada siasatan dibuat (jadi) biarlah kita beri segala kerjasama supaya siasatan itu dapat diselesaikan dan kita harap supaya tindakan sewajarnya diambil.

"Sebagai menteri saya amat mengalu-alukan (siasatan dilakukan SPRM) dan memberi kerjasama penuh.

"Saya harap ia menjadi pengajaran supaya projek kerajaan yang telah dilulus benar-benar sampai ke sasaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Komuniti MADANI Sedili Kota Tinggi di Sekolah Kebangsaan Sedili Besar di sini, semalam.

Kelmarin, TLDM dilaporkan mengesahkan beberapa anggotanya dipanggil SPRM susulan sia-

satan kes kartel perolehan itu, dengan Panglima Tentera Laut, Tan Sri Abdul Rahman Ayob dilaporkan berkata beberapa dokumen turut diambil untuk tujuan siasatan.

Tiga lelaki berusia antara 28 hingga 47 tahun yang ditahan susulan kes itu juga yang dipercayai dalang kepada kartel perolehan itu direman tujuh hari bermula kelmarin bagi membolehkan siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Politeknik ATM bakal dibina

Dalam pada itu, Mohamed Khaled yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, empat poliklinik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bakal dibina tahun ini membabitkan Poliklinik ATM di Kluang, Johor; Seberang Takir, Terengganu, Sungai Petani, Ke-

dah dan Kuantan, Pahang.

Beliau berkata, proses tender akan dibuka bagi membolehkan projek dapat dilaksanakan.

"Tahun ini (Poliklinik) akan dibina di empat lokasi dan sekarang ini tengah buat spesifikasi serta akan buka untuk tender," katanya.

Sebelum ini, Mohamed Khaled dilaporkan akan memberi fokus dan menumpukan kepada kebajikan anggota dan bekas perajurit dengan menambah baik perkhidmatan kesihatan ATM mulai tahun ini.

Selain pembinaan empat poliklinik ATM, perkhidmatan kesihatan ATM akan turut dimantapkan dengan Sistem IT Kesihatan di setiap Hospital Angkatan Tentera serta Specialist Outreach Clinic dan Program Mental Health.



**BERITA
HARIAN
21/01/2024
(AHAD)**

BERSIH tolak DNAA kes rasuah babit ahli politik

Kuala Lumpur: Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) menggesa amalan keputusan melepas tanpa membebaskan (DNAA) mana-mana ahli politik khususnya yang berdepan pertuduhan kes rasuah di mahkamah dihentikan segera.

Pengerusi BERSIH, Muhammad Faisal Abdul Aziz, berkata sudah tiba masanya untuk Peguam Negara menghentikan amalan itu, berikutan ia dilihat boleh membangkitkan kemarahan dalam kalangan rakyat.

"Kami menggesa supaya mereka yang sedang berhadapan tuduhan kes rasuah ini untuk mempertahankan diri dan dibicara seadilnya di hadapan mahkamah, bukannya digugurkan tuduhan dengan 'pengurniaan' DNAA.

"Desakan ini penting sementara menanti hasil kajian *task force* (pasukan khas) oleh Kerajaan Persekutuan berkenaan cadangan untuk memisahkan bidang kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya," katanya kepada media semalam.

Terdahulu, beliau mengetuai himpunan *flashmob* oleh BERSIH yang turut disertai kira-kira 60 wakil anak muda serta 30 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di hadapan Stesen Aliran Transit Ringan (LRT) Masjid Jamek di sini.

Faisal berkata, *flashmob* hari ini sebagai peringatan awal supaya Peguam Negara segera meng-

hentikan pemberian DNAA sedemikian.

Perkara itu, katanya, merujuk perkembangan terbaharu kes membabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkait dana SRC International San Bhd (SRC) berjumlah RM27 juta yang mana ditetapkan September ini untuk pihak pendakwa raya membuat keputusan sama ada akan memberikan DNAA atau tidak kepada tertuduh.

"Isu pemberian DNAA oleh Peguam Negara ini bukan perkara baharu, malah pernah berlaku beberapa kali babitkan ahli politik daripada hampir semua parti politik utama dalam negara.

"BERSIH khawatir perkembangan ini akan meruntuhkan kepercayaan rakyat kepada institusi penguatkuasaan undang-undang khususnya pejabat Peguam Negara," katanya.

Tambah beliau, kenyataan Peguam Negara pada 15 Januari lalu bahawa pendakwa raya tidak perlu memberi penjelasan apabila memohon menarik semula dakwaan, tidak boleh diterima sama sekali apabila kes itu membabitkan kepentingan awam dan ahli politik di peringkat tertinggi pentadbiran negara.

Seiring itu, katanya, BERSIH menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan garis masa pelaksanaan pemisahan bidang kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Ra-



Himpunan 'flashmob' BERSIH yang turut disertai wakil anak muda dan NGO di hadapan Stesen LRT Masjid Jamek, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Nor Azizah Mokhtar/BH)

ya serta agenda reformasi lain, termasuk reformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Akta Pendanaan Politik," katanya.

Hakis kepercayaan rakyat

Dalam pada itu, BERSIH turut mengingatkan Kerajaan Persekutuan mengenai janji dan prinsip reformasi diperjuangkan mereka sebelum memegang tampuk kuasa.

"Rakyat memerhati dan sekiranya pemberian DNAA untuk kes rasuah sebegini berterusan, kepercayaan rakyat terhadap ins-

titusi awam bakal dihakis.

"Jangan ambil ringan gelombang kemarahan rakyat," katanya yang turut memaklumkan BERSIH mungkin menganjurkan *flashmob* lebih besar selepas ini sekiranya kerajaan dan Peguam Negara tidak mempertimbangkan tuntutan reformasi itu.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi BERSIH, Wong Yan Ke, berkata untuk memulihkan kepercayaan khususnya dalam kalangan anak muda, kerajaan perlu memastikan adanya prinsip yang jelas mengenai DNAA.

"Memberi DNAA kepada ma-

na-mana ahli politik daripada parti politik sekutu (yang terabit kes rasuah) sebagai cara untuk mengekalkan kuasa pemerintahan, umpama membuat perjanjian dengan 'syaitan'... apa akan jadi selepas itu?

"Adakah dengan memberikan isyarat kepada semua bahawa selagi mereka menyokong kerajaan sedia ada, mereka akan dijanjikan dengan DNAA... itu adalah isyarat yang salah.

"Oleh kerana itu perlu ada pemisahan bidang kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya," katanya.



**BERITA
HARIAN
21/01/2024
(AHAD)**

SPRM periksa rumah Tan Sri siasat tender projek RM4.5b

Sumber dakwa
ahli perniagaan
sekutu rapat
bekas Menteri
Kewangan

Oleh Fuad Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) memeriksa kediaman
seorang ahli perniagaan bergelar

Tan Sri, semalam dipercayai ber-
hubung siasatan rasuah yang
berkait pemberian tender projek
perbekalan, pembalakan dan pe-
nyelenggaraan kenderaan kera-
jaan (projek fleet) yang bernilai
RM4.5 bilion.

Beberapa syarikat diserbu

Perkembangan terkini yang turut
menyaksikan pemeriksaan ke-
atas beberapa syarikat berkaitan
termasuk pembekal kenderaan
kerajaan itu dikatakan kesinam-
bungan kepada siasatan dijalan-
kan SPRM sejak Julai lalu.

Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri
Azam Baki, ketika dihubungi se-
buah portal berita mengesahkan

tindakan itu.

Beliau bagaimanapun tidak
mengulas lanjut termasuk men-
genai kes berkenaan, juga iden-
titi individu bergelar Tan Sri
itu.

Namun sumber berkata, Tan
Sri yang dimaksudkan itu adalah
sekutu rapat kepada bekas Men-
teri Kewangan, Tun Daim Zai-
nuddin yang ketika ini turut ber-
depan SPRM berhubung sumber
kekayaannya.

Pada 2020, Ketua Setiausaha
Perbendaharaan ketika itu, Tan
Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
memaklumkan, sejak 30 Okto-
ber 1993, konsesi fleet kenderaan
kerajaan Malaysia diuruskan

sebuah syarikat sendirian ber-
had milik Tan Sri itu melalui
Perjanjian Konsesi antara Ke-
rajaan Malaysia dan syarikat
terbabit.

Perjanjian berkenaan tamat
pada 31 Disember 2018.

Bagaimanapun Ahmad Badri
menegaskan, bagi menguruskan
fleet kenderaan kerajaan pada
masa hadapan, kerajaan memu-
tuskan supaya syarikat konsesi
dipilih secara Request For Pro-
posal (RFP) atau permintaan un-
tuk cadangan yang dilaksanakan
secara terbuka.

Dengan kata lain tidak ada ten-
der terhad atau pemberian ten-
der secara terus diamlakan.



Mohamed Khaled (empat dari kiri) dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Profesor Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar (tiga dari kiri) bersama rakan strategik selepas menyerahkan sijil penghargaan pada majlis perasmian Karnival Komuniti MADANI Sedili Kota Tinggi, semalam. (Foto BERNAMA)



**BERITA
HARIAN
21/01/2024
(AHAD)**

DAKWAAN RASUAH BERNILAI RM4.5 BILLION

SPRM serbu rumah Tan Sri

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu kediaman seorang ahli perniagaan bergelar Tan Sri di sini, bagi siasatan berhubung dakwaan ra-

suah mendapatkan perolehan membekal dan mengurus fleet kenderaan kerajaan Malaysia bernilai RM4.5 billion.

Kehadiran pegawai SPRM di kediaman individu terbabit dipercayai dilakukan kira-kira jam 10 pagi Khamis lalu.

Sumber berkata, serbuan turut dilakukan ke atas empat syarikat termasuk salah satu daripadanya adalah syarikat pembekal kenderaan kerajaan bagi mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan.

"Tiga lagi syarikat yang diserbu adalah entiti yang melaksanakan pelaburan membatikan kewangan milik Tan Sri itu.

"Kehadiran pegawai SPRM di semua lokasi termasuk kediaman milik Tan Sri berkenaan untuk memperoleh dokumen berkaitan kewangan yang boleh membantu siasatan," katanya. Katanya, dokumen itu diambil SPRM bagi penelitian lanjut bagi melihat sama ada terdapat perlakuan rasuah dalam perolehan kontrak kerajaan.

"Ahli perniagaan berkenaan adalah pemegang saham individu tertinggi di dalam syarikat pembekal kenderaan kerajaan itu.

"Susulan siasatan, lebih 100 akaun persendirian dan syarikat di bawah kawalan ahli perniagaan terbabit diambil SPRM un-

tuk semakan lanjut namun tiada pembekuan akaun dibuat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan serbuan terbabit namun enggan mengulas lanjut.

Katanya, siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Serbuan turut dilakukan ke atas empat syarikat



**HARIAN
METRO
22/01/2024
(ISNIN)**

'SPRM siasat Mirzan untuk dakwa saya'

Tun M dakwa tindakan suruhanjaya itu hanya untuk menampakkan beliau bersalah

PUTRAJAYA

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat anaknya, Mirzan adalah untuk mengumpul bukti dengan tujuan menampakkan beliau bersalah.

Malah Dr Mahathir berkata, bahan bukti yang perlu diserahkan melibatkan pengisytiharan aset sejak 42 tahun lalu akan digunakan pihak berkuasa untuk mendakwanya di mahkamah.

"Anak saya disiasat dan diancam. Apa yang dia (Mirzan) buat? Dia suruh anak saya bagi bukti supaya ayah boleh didakwa (di mahkamah).

"Dari tahun 1981 sampai sekarang, sudah tentu dia simpan dalam pejabatnya, dalam bilik yang penuh dengan cek, dokumen.

"Kalau lebih 30 hari boleh kena hukum, masuk penjara lima tahun. Dia kena tanya



FOTO: MOHD RAFIQ REDZUAN



MIRZAN

Dr Mahathir (kanan) ketika sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada Isnin.

bank, Petronas, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), korek pejabat dia sebab kena tunjuk bahan bukti," katanya pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini pada Isnin.

Khamis lalu, SPRM menyerahkan notis perintah kepada Mirzan mengikut Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009 yang mengkehendaknya mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih sama ada di dalam atau di luar negara dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis diberikan.

Dalam pada itu, Dr Mahathir turut mengaku bimbang terhadap siasatan yang dijalankan ekoran dilihat seperti suatu

ancaman yang boleh mengaitkannya melakukan kesalahan.

"Saya nak tanya Azam Baki (Pesuruhjaya SPRM), siapa yang buat tuduhan itu dan kenapa tidak beritahu saya?

"Anwar kata saya curi duit kerajaan, tunjukkan bukti (tetapi) sebaliknya sekarang saya dengar anak saya diminta untuk beri bukti supaya saya boleh didakwa," tegasnya.

Sementara itu ditanya sama ada siasatan berkenaan bermotifkan dendam, bekas Ahli Parlimen Langkawi itu bagaimanapun menyerahkan kepada umum untuk menilai.



SINAR HARIAN
23/01/2024
(SELASA)

PM, TPM, Azam sukar disiasat

PUTRAJAYA- Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan bahawa beliau sukar disiasat oleh pihak berkuasa negara ini.

Sebaliknya kata bekas Perdana Menteri ke-4 dan ke-7 itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki yang sukar untuk disiasat.

"Saya mudah untuk disiasat kerana kerajaan mempunyai kuasa. Saya tidak ada kuasa.

"Yang susah nak siasat adalah Perdana Menteri (Anwar), kepala SPRM, pegawai tertinggi dalam kerajaan seperti TPM (Ahmad Zahid. Itu susah," katanya.

Pada Sabtu, Anwar tanpa menyebut secara spesifik menyatakan tidak mudah untuk menyiasat orang besar yang bertindak mencuri duit termasuk 'Tun'.

Ujar Dr Mahathir, pihak berkuasa seolah-olah melakukan siasatan terpilih terhadap tokoh dan individu yang 'tidak sebulu' dengan pucuk pimpinan ketika ini.

Menurutnya, siasatan perlu dilakukan terhadap Anwar berikutan pendedahan Periolong Gabenor Bank Negara (BNM), Datuk Murad Khalid dalam akuan bersumpah (SD).

"Khalid menyatakan Anwar mempunyai RM3 bilion dalam lebih 20 akaun induk. Kenapa tidak siasat," katanya.

Beliau berkata, dakwaan pemilikan saham di beberapa syarikat oleh Azam juga wajar disiasat.

"Sepatutnya adik Azam siasat, perlu cerita semua sebagaimana saya perlu dengar anak saya (Mirzan) cerita perniagaan serta hartanya yang perlu diperjelas kepada pihak berkuasa sejak saya jadi Perdana Menteri pada tahun 1981 iaitu 42 tahun lalu," katanya.

Dr Mahathir turut mempersoalkan tindakan Peguam Negara yang menghentikan prosiding pendakwaan terhadap Ahmad Zahid.



SINAR HARIAN
23/01/2024
(SELASA)

Pengarah ditahan kes rasuah

Melaka: Seorang pengarah syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki bertindak sebagai pemberi rasuah kepada penjawat awam bagi pelaksanaan kerja perolehan bernilai lebih RM630,000.

Lelaki berusia 60-an itu yang juga pengarah syarikat pembekalan ditahan di Pejabat SPRM Melaka, di sini, pada jam 12 tengah hari semalam bagi membantu siasatan.

Menurut sumber, penahanan dibuat terhadap suspek yang disyaki merasuah penjawat awam di pelbagai jabatan kerajaan di negeri ini dengan membayar belasan hingga puluhan ribu ringgit wang rasuah bagi memastikan kerja pembekalan di jabatan berkenaan diperolehi.

"Kes itu membabitkan perolehan keseluruhan berjumlah RM639,104," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Mohd Shahril Che Saad, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek, selain tidak menolak kemungkinan akan memanggil beberapa penjawat awam dari pelbagai jabatan untuk siasatan lanjut.



**BERITA
HARIAN
23/01/2024
(SELASA)**

'SPRM siasat Mirzan untuk kumpul bukti dakwa saya'

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tujuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat anaknya Mirzan adalah untuk pengumpulan bukti bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu ke mahkamah.

Dr Mahathir yang memper-tikaikan tindakan SPRM itu berkata, Mirzan diminta untuk mengisytiharkan aset sejak 42 tahun lalu, bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan penjara.

"Apa yang dia (Mirzan) buat? Dia suruh anak saya bagi bukti supaya ayah boleh dcaj. Anak saya kena caj saya, kena beri bukti.

"Bukan main, daripada tahun 1981 sampai sekarang. Sudah tentu dia simpan dalam pejabatnya. Simpan dalam bilik yang penuh dengan cek, dokumen.

"Nak bagi 42 tahun dan di-berikan pada masa 30 hari. Kalau lebih 30 hari boleh kena hukum, masuk penjara lima tahun," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

Khamis lalu, SPRM menye-

rahan perintah notis kepada Mirzan yang menghendaknya isytihar aset dalam tempoh 30 hari.

Pada masa sama, Dr Mahathir mengakui risau terhadap siasatan dijalankan kepada anaknya itu kerana ia dilihat seperti suatu ancaman, yang boleh mengaitkannya melakukan kesalahan.

"Saya nak tanya kepada (Tan Sri) Azam Baki (Ketua Pesuruhjaya SPRM), siapa yang buat tuduhan itu dan kenapa tidak bagi tahu saya?"

"Anwar kata saya curi duit kerajaan, ...tunjuklah bukti, sebaliknya sekarang saya dengar anak saya diminta untuk beri bukti supaya saya boleh didakwa," katanya.

Bersedia disiasat

Dr Mahathir berkata, jika beliau melakukan kesalahan, pihaknya bersedia disiasat dan pihak berkuasa tidak seharusnya menggunakan undang-undang kerajaan untuk mengancam individu.

Katanya, pihaknya melihat siasatan dibuat terhadap anaknya tidak adil kerana perlu memaparkan segala transaksi se-

jak 42 tahun, iaitu ketika Mirzan masih berada di universiti.

Ketika ditanya sama ada siasatan itu dibuat atas rasa dendam, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pihaknya menyerahkan kepada umum untuk menilai.

"Semasa saya menjadi Perdana Menteri kali pertama, beliau berada dalam penjara dan semasa pimpinan saya kali kedua, beliau dibebaskan.

"Beliau kemudiannya mahu bertanding pada pilihan raya, dan ketika itu, saya dan Tun Daim Zainuddin berkempen untuk beliau namun kini beliau mahu menyiasat saya atas kesalahan salah laku," katanya.

Pada sidang media sama, Dr Mahathir turut menafikan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin bahawa adalah sukar untuk menyiasat orang kenamaan termasuk bergelar Tun.

Dr Mahathir berkata, beliau tiada kuasa justeru mudah disiasat, sebaliknya adalah lebih sukar menyiasat mereka yang berkuasa terutama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri kanan dan Ke-



Dr Mahathir ketika sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

tua Pesuruhjaya SPRM berbanding mereka yang ada gelaran Tun sekalipun.

Menurut Dr Mahathir, beliau sedia disiasat dan jika ada tuduhan beliau akan mempertahankan diri di mahkamah.

Dr Mahathir juga mencabar Perdana Menteri supaya mengadakan Pilihan Raya Umum (PRU) bagi membuktikan bahawa beliau ada sokongan rakyat.

Beliau membuat cabaran itu

ketika ramai mendakwa kerajaan pimpinan Anwar didakwa menyalahgunakan kuasa dengan menyiasat pihak yang dilihat berupaya menggugat ke-pimpinannya.

Cabaran itu juga dibuat kerana Dr Mahathir mendakwa kerana kedudukan Anwar sebagai Perdana Menteri adalah dilantik secara kebetulan dan bukan dipilih secara majoriti oleh rakyat.



**BERITA
HARIAN
23/01/2024
(SELASA)**

Janji capres lawan rasuah



Indonesia sekat untuk membatasi gejala rasuah di negara tersebut sehingga berjaya mencapai Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang amat membanggakan. - Gambar: Asian

SAYA menganggi program Penguatan Antikorupsi untuk Penyelenggara Berintegritas (Paku Integritas) amat bermakna sekali. Buat julung-julung kalinya kesemua calon presiden (capres) dan calon wakil presiden (timbalan presiden atau cawapres) berada di Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) untuk menyatakan komitmen mereka memerangi rasuah.

Pasangan calon (paslon), Anies Baswedan-Muhammad Iskandar, Prabowo Subianto-Gibran Rakabuming Raka dan Ganjar Pranowo-Mahfud MD masing-masing menyampaikan secara ringkas gagasan mereka bagi memastikan Indonesia berah daripada rasuah. Hal ini dilakukan di hadapan pimpinan tertinggi KPK pada Khamis, 18 Januari lalu.

Menurut KPK, badan itu telah mendapat tempo hijau untuk mengadakan program berkenaan dari Komisi Pemilihan Umum (KPU) yang bertanggungjawab menyelenggara Pilihan Raya Presiden (Pilpres), Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) dan wakil-wakil daerah.

Memang adakalperluan pernyataan terbuka semua pihak dalam hal ini. Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Indonesia mengalami kemerosotan kebelakangan ini. Satu ketika dahulu ikon gerakan Reformasi dan kejatuhan Presiden Suharto, pimpinan dan ahli politik Indonesia menjadikan mantra menentang korupsi, kolusi dan nepotisme (KKN) secara bersungguh-sungguh.

Rata-rata KPK dianggap badan anti-rasuah yang dihormati dan ekaat gus digenuri. Sokongan massa cukup luar biasa. Malah pada satu ketika rakyat jata melancarkan kempen 'Kain untuk KPK' bagi mendapatkan dana membina ibu pejabat KPK. Mereka tidak mahu ibu pejabat KPK dibayai oleh wang kerajaan, sebaliknya oleh rakyat. Nama baik KPK cukup harum.

CPI dikeluarkan oleh Transparency International (TI) memperlihatkan peningkatan yang cukup memberangsangkan khususnya antara tahun 2015 hingga 2019. Berdasarkan skala 0 hingga 100 (paling rendah bermakna paling korup), Indonesia berada pada kedudukan 36 pada 2015, 37 untuk tahun-tahun 2016 dan 2017, 38 untuk tahun 2018 dan 40 untuk tahun 2019.

Pada tahun 2015, daripada 166 buah negara yang ditinjau, Indonesia berada pada kedudukan 88, kedudukan nombor 90 dari 176 negara pada tahun 2016, 96 dari 180 negara pada tahun 2018 dan 85 dari 180 negara pada tahun 2019.

Media Indonesia ketika itu membawa berita muka depan: 'CPI Naik Lagi, Indonesia Bersih Dari Korupsi'.

Tetapi beberapa tahun kebelakangan ini, CPI republik itu merosot dan kedudukannya di antara negara-negara juga menjunam. Menurut TI, CPI Indonesia untuk tahun 2022 yang dibentangkan pada tahun lalu menunjukkan skor 34/100 dan berada pada kedudukan 110 daripada 180 negara. Ini merupakan penurunan empat mata dari tahun 2021. Penurunan ini paling drastik sejak indeks itu bermula pada tahun 1995.

Tidak cukup dengan itu, ada beberapa isu besar yang memabutkan ketua KPK sendiri yang jelas menjejaskan imejnya. Pada 14 Mac 2009, Indonesia digemparkan dengan berita bahawa Ketua KPK ketika itu, Antasari Azhar ditakwa kerana kas pembunuhan.

Mahkamah telah menjatuhkan hukuman mati ke atas beliau pada 18 Januari 2010. Hukuman itu bagaimanapun telah dipinda kepada penjara 18 tahun. Bagaimanapun beliau mendapat pengampunan daripada Presiden Joko Widodo (Jokowi) pada tahun 2017.

Kas Antasari menimbulkan perdebatan luar biasa. Banyak pihak yang meragui penglibatan Antasari dalam kes itu. Ada yang mengatakan tindakan tegas beliau sebagai ketua KPK menyebabkan keresahan banyak pihak terutama badan keselamatan. Beliau menjadi mangsa integriti yang cuba dibawakannya.

Seorang lagi ketua KPK yang ditamatkan perkhidmatannya oleh Jokowi pada tahun 2015 adalah Abraham Samad, yang juga terkenal kerana ketegasannya. Abraham punya cita-cita tinggi dalam politik, malah popularitinya menyebabkan beliau dikatakan melobi untuk menjadi wakil presiden (timbalan presiden atau wapres) Jokowi. Banyak yang percaya beliau menjadi mangsa

“

Satu ketika dahulu ikon gerakan Reformasi dan kejatuhan Presiden Suharto, pimpinan dan ahli politik Indonesia menjadikan mantra menentang korupsi, kolusi dan nepotisme (KKN) secara bersungguh-sungguh.”

pelbagai elemen dalam parti yang tidak menyenangi beliau.

Pada bulan Disember tahun lepas, Jokowi telah meletakkan jawatan Ketua KPK. Fikri juga dikaitkan dengan pelbagai kes salah guna kuasa sewaktu di KPK. Malah, petugas KPK sendiri secara jelas-bersah tidak senang dengan cara beliau mentadbir KPK.

Tidak hairanlah bahawa keyakinan rakyat terhadap KPK merosot kebelakangan ini. Maka itu salah satu perkara yang dijanjikan sewaktu program Paku Integritas oleh Capres, Anies Baswedan adalah untuk mengembalikan kepercayaan rakyat pada KPK. Anies mahu memastikan KPK beribawa semula. Maka itu beliau mencadangkan dikaji semula undang-undang KPK sedia ada.

Anies juga mahu memastikan bahawa KPK melabatkan ukuran etika yang tinggi. Beliau menyebutkan begitu kekal standard etika petugas KPK satu ketika dahulu, mereka tidak menentang tawaran untuk makan di mana-mana majlis. Sebaliknya mereka makan menggunakan dut yang disediakan oleh KPK.

Anies juga mahukan cara pengambilan petugas (recruitment) yang

lebih baik di KPK. Mereka yang diambil bekerja adalah orang yang bukan sekadar mencari pekerjaan tetapi menjadikan KPK tempat untuk memerangi amalan rasuah.

Anies juga mencadangkan agar Laporan Harta Kekayaan Penyelenggara Negara (LHKPN) dikuatkuasakan sepenuhnya. Ini bagi memastikan perijizat swam lebih bertanggungjawab. Beliau juga menyebutkan perlunya siapa yang melaporkan penyuah dibenarkan hadiah.

Beliau mencadangkan juga Rang Undang-Undang Pemampasan Aset segera dilaksanakan. Mereka yang terbukti terlibat dengan rasuah patut 'dimekinkan'. Anies juga menggesa agar Rang Undang-Undang Pendidikan Politik disegerakan pelaksanaannya. Tujuannya adalah untuk memastikan kawalan ke atas pembiayaan politik.

Ganjar Pranowo juga komited untuk menangani isu rasuah, malah tegas mahukan mereka yang terbukti harus dihukum. Beliau juga mahukan KPK yang bebas. Prabowo, Subianto bagaimanapun berpendapat bahawa rasuah berlaku disebabkan petugas yang tidak mendapat gaji yang se-cukupny. Menurut Prabowo, "jika kesejahteraan meningkat maka motivasi untuk melakukan korupsi turun."

Pandangan ini bagaimanapun mendapat tertangan banyak pihak. Mereka yang terlibat rasuah tidak semestinya berpuncu dari pendapatan kecil, malah mereka yang memegang jawatan tinggi dan dibayar dengan lumayan pun terlibat dengan amalan itu.

Pada pendapat saya, Paku Integritas adalah program yang sangat bermakna dan patut dicontohi.

* Terkini Anon Jaaffar telah telah Menawar Program: Beliau pernah menjadi Programasi Bani (Pembantu dan Penyelenggara Kewah/PSPK) dan telah pernah berkhidmat sebagai Penyelenggara Rasuah Malaysia (SPRM).



SINAR HARIAN 24/01/2024 (RABU)

Dihadapkan ke
Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur
pada Selasa

Toh Puan Na'imah dituduh tidak isytihar harta

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Isteri kepada bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin iaitu Toh Puan Na'imah Abdul Khalid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas satu pertuduhan, gagal mematuhi notis Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) apabila tidak mengisytiharkan 12 aset harta antaranya di ibu negara dan Pulau Pinang, Disember tahun lalu.

"Ya (tidak mengaku bersalah), saya minta dibicarakan," kata Na'imah sambil memeluk tubuh selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Na'imah, 67, yang memakai baju kurung berwarna hijau, didakwa sengaja memberikan satu pernyataan bertulis secara bersumpah, yang tidak mematuhi terma notis, bawah Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009 bertarikh 8 November 2023.

Notis itu telah dihantar kepada tertuduh oleh seorang Pesuruhjaya SPRM pada 14 November tahun sama, iaitu dengan tidak mengisytiharkan harta-harta di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, pada 13 Disember 2023.

Harta itu membabitkan dua syarikat iaitu Ilham Tower Sdn Bhd dan Ilham Baru Sdn Bhd

serta dua Mercedes Benz, selain lapan hartanah membabitkan Menara Ilham dan sebuah kediaman di Bukit Tunku serta enam lagi bangunan dan lot tanah di Taman Tunku dan Bukit Tunku, di sini; Jalan Cantoment Road, Penang serta Jalan Anthinahapan, Taman Tun Dr Ismail.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan didenda maksimum RM100,000, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Feisal Mohd Azmi mencadangkan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM500,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM sekali setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

"Pihak pendakwaan berpendapat, tertuduh dalam kes adalah sama dengan orang kena tuduh bagi kes lain, maka adil sekiranya syarat tambahan yang sama dikenakan kepadanya.

"Bagaimanapun, kami menyerahkan perkara berkenaan kepada budi bicara mahkamah," katanya yang turut disertai Timbalan Pendakwa Raya,

Mohamad Fadhy Mohd Zamry dan Maziah Mohaide.

Sementara itu, peguam, Datuk Mohd Yusof Zainal Abiden membantah jumlah ikat jamin yang dicadangkan pihak pendakwaan kerana ia terlalu tinggi.

Menurutnya, memadai kadar itu ditetapkan sebanyak RM250,000 tanpa syarat tambahan iaitu penyerahan pasport dan melaporkan diri di pejabat SPRM.

"Tiada risiko untuk melarikan diri selain Na'imah tidak pernah terlibat dalam sebarang kes jenayah malah beliau tinggal (kediamannya) di belakang mahkamah ini sahaja.

"Beliau tidak akan ke mana-mana dan dia hadir di mahkamah untuk melawan kes ini," katanya yang turut disertai peguam, M Puravalen, Md Yunos Shariff dan Alex Tan Chie Sian.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Azura membenarkan Na'imah diikat jamin sebanyak RM250,000 dengan seorang penjamin.

"Ia termasuk syarat tambahan, pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai tanpa perlu melaporkan diri di pejabat SPRM.



Na'imah (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Selasa.

"Mahkamah menetapkan 22 Mac depan untuk sebutan semula kes," katanya.

Pada 10 Januari lalu, Daim memohon kepada Mahkamah Tinggi di sini, untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman dan mengarahkan SPRM menghentikan penyiasatan terhadapnya, isteri serta empat anak termasuk Ilham Tower Sdn Bhd

mengaitkan kes rasuah dan pengubahan wang haram.

Selain Daim, 86, isterinya, Na'imah dan empat anak, Asnida, 63; Md Wira Dani, 46; Muhammed Amir Zainuddin, 29; Muhammed Amin Zainuddin, 26, serta Ilham Tower selaku pemohon pertama hingga ketujuh turut memfailkan permohonan sama menerusi Tetuan Tommy Thomas.



SINAR HARIAN
24/01/2024
(RABU)

Keputusan rayuan kes rasuah Isa Samad pada 6 Mac

KUALA LUMPUR - Mahkamah Rayuan menetapkan 6 Mac depan untuk keputusan rayuan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Samad terhadap sabitan, hukuman penjara enam tahun dan denda RM15.45 juta bagi kesalahan rasuah.

Peguam Siti Sarah Khalil yang mewakili Mohd Isa berkata, tarikh itu ditetapkan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) Mahkamah Rayuan Huda Humaira Idris semasa pengurusan kes secara sidang video pada Selasa.

"Keputusan rayuan (Mohd Isa) pada 31 Januari ini telah dilapangkan oleh mahkamah dan tarikh keputusan ditukar kepada 6 Mac.

"Saya juga dimaklumkan oleh PKP bahawa ada antara panel hakim bercuti sakit pada tarikh 31 Januari itu," kata Siti Sarah ketika dihubungi.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Afzainizam Abdul Aziz semasa dihubungi mengesahkan perkara itu.

Pada 14 Oktober tahun lepas, panel itu menangguhkan keputusannya selepas mendengar hujahan pembelaan dan pendakwaan.

Mohd Isa, 73, telah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi pada 3 Februari 2021 terhadap



MOHD ISA

sembilan pertuduhan rasuah mem-babitkan amaun sebanyak RM3 juta berkaitan pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites di Kuching, Sarawak oleh Felda.

Beliau didakwa melakukan ke-salahan itu di Tingkat 49, Menara Felda, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur antara 21 Julai 2014 dan 11 Disember 2015.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali (kini Hakim Mahkamah Rayuan) menjatuh-kan hukuman penjara enam tahun bagi

setiap pertuduhan menjadikan tempoh pemenjaraan keseluruhan 54 tahun dan denda RM15.45 juta, atau penjara 18 tahun jika gagal membayar denda itu.

Bagaimanapun, beliau mengarahkan hukuman penjara berjalan serentak dan ini bermakna Isa hanya perlu menjalani hukuman itu selama enam tahun. Isa yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan memfailkan notis rayuan pada 4 Februari 2021.

Beliau dibebaskan dengan ikat jamin se-banyak RM1.5 juta dan perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap 1 hari bulan se-hingga rayuan kes itu selesai. - *Bernama*



SINAR HARIAN
24/01/2024
(RABU)

Penjawat awam direman kemuka tuntutan palsu Program Jualan Rahmah

Alor Setar: Seorang penjawat awam direman lima hari mulai kelmarin bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu pembayaran Program Jualan Rahmah 2023 berjumlah RM22,000. Perintah reman berkenaan dikeluarkan Majistret Muhammad Zul Hilmi Latif se-

SPRM menahan suspek wanita ketika hadir memberi keterangan



SPRM Kedah menahan seorang penjawat awam kerana disyaki menggunakan dokumen invois bagi tujuan tuntutan palsu pembayaran Program Jualan Rahmah berjumlah RM22,000.

lepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan.

Terdahulu, SPRM menahan suspek wanita berusia 30-an ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kedah kira-kira jam 9 malam Ahad lalu.

Sumber berkata, suspek dipercayai menjadi perancang utama dan berpakat dengan pemilik syarikat untuk menggunakan invois mengandungi butiran palsu di mana kuantiti jualan melebihi kuantiti sebenar yang terjual.

Perkara ini dikesan apabila invois yang dikemukakan tidak sama mengikut Laporan Ringkas Program Jualan Rahmah 2023 yang dikeluarkan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Soock Wee a/l Ei Tem ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



**HARIAN
METRO
24/01/2024
(RABU)**



DUA pemilik syarikat barangan kitar semula direman tujuh hari kerana disyaki memberi rasuah RM4,000 kepada seorang penguatkuasa. -GaMbar NSTP/AZRUL EDHAM

RASUAH PENGUAT KUASA

Dua lelaki direman tujuh hari

Seremban: Dua pemilik syarikat barangan kitar semula ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menawar dan memberikan rasuah kepada penguat kuasa.

Kedua-duanya disyaki melakukan kesalahan itu pada tahun lalu sebagai dorongan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang berkaitan pengurusan sisa pepejal.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia

40-an itu ditahan jam 4 petang kelmarin, ketika hadir bagi dirakam keterangan di pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"SPRM menahan dua pemilik syarikat barangan kitar semula kerana disyaki menawar dan memberikan wang rasuah kira-kira RM4,000 kepada seorang penguat kuasa.

"Ia sebagai dorongan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pem-

bersihan Awam 2007 (Akta 672)," katanya dihubungi, semalam.

Menurutnya, permohonan reman dibuat di Mahkamah Majistret Jenayah Seremban, di sini, semalam, di hadapan Majistret Nurul Saqinah Rosli dan dibenarkan selama tujuh hari.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Tuan Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.



**HARIAN
METRO
24/01/2024
(RABU)**

Daim sedia didakwa di mana sahaja

Isteri kata tidak akan guna alasan sedang dirawat di hospital untuk elak pendakwaan

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Isteri bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin iaitu Toh Puan Na'imah Abdul Khalid, 67, mengatakan suaminya bersedia untuk berdepan dengan sebarang pertuduhan meskipun ia terpaksa dilakukan di hospital.

Na'imah berkata, Daim tidak menggunakan alasan sedang menjalani rawatan di wad hospital untuk mengelak daripada dibawa ke mahkamah.

"Ia tertakluk kepada kebenaran pihak hospital dan pasukan perubatan, Daim bersedia untuk menghadapi tuduhan politik ini di mana sahaja walaupun di hospital.

"Kita serahkan semuanya kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki untuk membuat keputusan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Pada Selasa, Na'imah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan gagal mematuhi notis SPRM apabila tidak mengisytiharkan 12 harta termasuk Menara Ilham dan beberapa hartanah di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Disember lalu.

Na'imah bagaimanapun tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan terhadap pertuduhan berkenaan yang dibuat mengikut Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009.

Pada sidang akhbar selepas itu, Na'imah mendakwa tidak terlibat dengan tuduhan gagal mengisytiharkan harta dan akan membuktikan perkara tersebut di mahkamah.

Selain itu, beliau turut mendakwa jenayah sebenar adalah



DAIM

komplot yang dirancang untuk mencemarkan nama baik Daim dan keluarganya.

Sementara itu, Na'imah turut membidas dakwaan Azam bahawa SPRM telah memberitahu pasukan undang-undang Daim seminggu yang lalu bahawa beliau akan didakwa selain menafikan prosiding tersebut tidak dapat dilakukan kerana suaminya dimasukkan ke hospital atas faktor kesihatan.

"Kenyataan Azam tidak benar, saya boleh mengesahkan bahawa saya sendiri dan penasihat undang-undang kami tak pernah dimaklumkan sama sekali bahawa Daim akan didakwa dengan sebarang kesalahan.

"Kami hanya diberitahu bahawa satu kenyataan akan direkodkan daripadanya (Daim). Cuma hari ini ketika membaca laporan berita, saya dapati Daim



Na'imah ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Selasa lalu.

akan didakwa.

"Oleh itu, sindiran Azam bahawa Daim mengelak dengan alasan dimasukkan ke hospital adalah palsu dan nakal.

"Paling menyinggung perasaan adalah kenyataannya seakan merendahkan profesionalisme doktor yang berdedikasi di hospital ini," ujar beliau.



SINAR HARIAN
25/01/2024
(KHAMIS)

SD Abdul Murad sudah disiasat BPR

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan pihaknya yang dulu dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR) ada menjalankan siasatan terhadap akuan bersumpah (SD) bekas Penolong Gabenor Bank Negara (BNM), Datuk Abdul Murad Khalid terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Suruhanjaya itu dalam kenyataan semalam berkata BPR membuka enam kertas siasatan untuk menyalasat Anwar susulan akuan bersumpah Abdul Murad yang dikeluarkan pada 26 Oktober 1999.

"Siasatan dijalankan secara mendalam, menyeluruh dan terperinci dengan bantuan BNM, termasuk di dalam dan luar negara seperti United Kingdom dan Singapura.

"Hasil siasatan menunjukkan tiada sebarang kes terhadap Datuk Seri Anwar.

"Sehubungan itu, enam kertas siasatan tersebut telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara pada 12 Ogos 2002 dan Pejabat Peguam Negara telah memutuskan tiada pertuduhan dikenakan kepada mana-mana pihak," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menjelaskan SPRM memandang serius kenyataan dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada sidang medianya kelmarin yang disifatkan sebagai tohmahan.

"Tun Mahathir telah membuat tohmahan bahawa SPRM tidak menjalankan siasatan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam akuan bersumpah bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Murad Khalid terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Sehubungan itu, SPRM menekankan dakwaan BPR/SPRM tidak menjalankan siasatan ter-



SPRM nafi dakwaan tidak menjalankan siasatan.

(Foto hiasan)

hadap Anwar berhubung akuan bersumpah Abdul Murad adalah tidak benar sama sekali.

"Malah perkara tersebut berlaku semasa kepemimpinan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri," katanya.

Isnin lalu, Dr Mahathir dalam sidang media mempersoal-

kan kegagalan pihak berkuasa menjalankan siasatan terhadap Abdul Murad berhubung SD dibuatnya pada 1999.

Kira-kira 24 tahun lalu, Abdul Murad mendakwa Anwar yang ketika itu pembangkang memiliki RM3 bilion dalam lebih 20 akaun bank.



**BERITA
HARIAN
25/01/2024
(KHAMIS)**

Empat termasuk Datuk Seri ditahan SPRM

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman empat ahli perniagaan termasuk seorang bekas setiausaha politik kepada seorang bekas menteri dan seorang individu bergelar Datuk Seri.

Sumber berkata, kesemua yang ditahan disyaki menerima suapan daripada beberapa syarikat serta kontraktor yang mendapat tender di sebuah kementerian.

Katanya, Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan tiga suspek direman selama empat hari bermula Rabu sehingga Sabtu ini, manakala seorang lagi suspek direman selama tiga hari sehingga Jumaat.

Katanya, permohonan reman dipohon oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada pagi Rabu.

"Kesemua suspek ditahan sekitar jam 7 hingga 8.30 malam tadi (Selasa) iaitu tiga orang di ibu pejabat SPRM ketika hadir bagi direkodkan keterangan, manakala seorang lagi ditahan di Shah Alam, Selangor" katanya pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

SPRM juga berkemungkinan akan memanggil beberapa individu lain untuk membantu siasatan.



SINAR HARIAN
25/01/2024
(KHAMIS)

SPRM sudah dapat kebenaran dakwa Daim - Azam

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sudah memperoleh kebenaran daripada Jabatan Peguam Negara untuk mendakwa bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sejak minggu lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, Daim sepatutnya sudah boleh dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan mengikut Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, pegawai penyiasat SPRM telah berhubung dengan peguam Daim, namun pihaknya dimaklumkan bahawa bekas menteri kanan terbabit dimasukkan ke hospital atas alasan tidak



AZAM

dinyatakan.

"Pihak SPRM sedang menyiapkan pertuduhan, tetapi beliau (Daim) telah dimasukkan hospital dan tidak dimaklumkan secara jelas atas sebab apa.

"Oleh sebab yang demikian, pertuduhan tidak dapat lagi dilaksanakan buat masa ini dan kita akan melihat kepada keadaan semasa.

"Namun begitu, kita di SPRM tetap akan menuduhnya pada masa yang sesuai," katanya di sini pada Rabu.

Azam bagaimanapun tidak mendedahkan maklumat pertuduhan terhadap Daim.

SPRM perlu berani siasat kes rasuah, jangan tunggu berpuluh tahun

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu berani menyiasat sesuatu kes rasuah atau salah guna kuasa pada masa kejadian dan bukannya selepas bertahun-tahun kemudian.

Peguam, Haniff Khatri Abdulla berkata, sekiranya kejadian rasuah dan salah guna kuasa itu berlaku pada tahun 2010 atau 2020, maka pada masa itulah pihak berkuasa perlu melaksanakan tanggungjawab mereka.

"Meskipun beliau adalah menteri atau perdana menteri, isteri taikun, siasat pada masa itu juga," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Tambah beliau, kes yang membabitkan isteri bekas Menteri Kewangan, Tun

Daim Zainuddin iaitu Toh Puan Na'imah Abdul Khalid sepatutnya disiasat pada masa kejadian dan bukannya berpuluh tahun kemudian.

"Kemudian menggunakan peruntukan yang tidak munasabah, bagi memberi anggapan kepada rakyat kononnya jika dia tidak dedah maksudnya dia bersalah.

"Bagi saya hampir mustahil untuk mematuhi setiap perincian notis tersebut, macam mana kita hendak pastikan kalau notis itu untuk 20 tahun, 30 tahun lalu," katanya.

Tambahnya, bagaimanapun undang-undang negara ini tidak mengehadkan tempoh masa untuk membolehkan pendakwaan dilakukan terhadap seseorang.



SINAR HARIAN
25/01/2024
(KHAMIS)

Bekas setiausaha politik antara 4 ditahan SPRM

Disyaki terima suapan syarikat, kontraktor dapat tender kementerian

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Empat ahli perniagaan, termasuk seorang bekas setiausaha politik dan individu bergelar Datuk Seri direman selepas disyaki menerima suapan daripada beberapa syarikat serta kontraktor yang mendapat tender di sebuah kementerian.

Majistret Irza Zulaikha Roha-

nuddin membenarkan tiga suspek direman empat hari sehingga Sabtu ini, manakala seorang lagi selama tiga hari, iaitu sehingga Jumaat.

Ia susulan permohonan yang dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Lagi individu dipanggil

Menurut sumber, penahanan empat lelaki itu dibuat selepas suspek utama yang sebelum ini bekerja sebagai setiausaha politik kepada seorang bekas menteri, meminta dan menerima suapan bagi memastikan tender pembekalan di sebuah kementerian diperolehi kontraktor.

"Keempat-empat suspek ini dipercayai menerima suapan daripada beberapa syarikat, terma-

suk kontraktor yang mendapat tender kerja di sebuah kementerian sekitar 2020 hingga 2021 yang membabitkan nilai jutaan ringgit.

"Semua suspek ditahan jam 7 hingga 8.30 malam tadi (kelmarin), iaitu tiga di Ibu Pejabat SPRM ketika hadir bagi direkodkan keterangan, manakala seorang lagi ditahan di sekitar Shah Alam di Selangor," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, SPRM juga kemungkinan memanggil beberapa individu lain bagi memberi keterangan untuk membantu siasatan.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

(Foto ihsan SPRM)



**BERITA
HARIAN
25/01/2024
(KHAMIS)**

Pemandu lori cuba tawar rasuah RM500 direman

Seremban: Padah menawarkan rasuah RM500 kepada penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), seorang pemandu lori ditahan. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Suspek dikatakan melakukan perbuatan itu bagi mengelak daripada diambil tindakan undang-undang kerana didapati melakukan lima kesalahan ketika pemeriksaan terhadap kenderaan dipandunya.

Menurut sumber, lelaki berusia 20-an itu ditahan pada jam 2.30 petang ketika

hadir di Pejabat SPRM Ca-wangan Port Dickson.

"SPRM menahannya kerana disyaki menawarkan dan memberikan rasuah sekitar RM500 kepada penguat kuasa JPJ.

"Berdasarkan siasatan, suspek melakukan kesalahan bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

"Ia membabitkan kesalahan tiada lesen memandu, tiada lesen vo-

kasional (GDL),

cukai jalan ta-

mat tempoh, tiada

perlindungan in-

suran dan pemeriksaan berkala tamat tempoh," katanya, semalam.

Menurutnya, permohonan reman terhadap suspek dibuat semalam di Mahkamah Majistret Jenayah Seremban, di sini, di hadapan Majistret Nurul Saqinah Rosli.

"Suspek dibenarkan reman tujuh hari hingga 31 Januari ini dan ditempatkan di lokap SPRM Negeri Sembilan sementara siasatan dijalankan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.



PEMANDU lori direman tujuh hari selepas didapati menawarkan dan memberikan rasuah RM500 kepada anggota JPJ.



**HARIAN
METRO
26/01/2024
(JUMAAT)**

Penganggur menyamar pegawai SPRM diberkas

AMPANG - Seorang lelaki menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditahan selepas cuba menunaikan sekeping cek bernilai RM30,000 milik sebuah masjid, di sini, pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, dalam kejadian itu, pengadu memaklumkan seorang lelaki datang ke pejabat masjid pada jam 2 petang.

"Pengadu yang juga bendahari masjid memaklumkan lelaki warga tempatan itu memperkenalkan diri sebagai pegawai SPRM.

"Suspek mendakwa terdapat masalah dalam pengurusan akaun masjid dan meminta pengadu mengeluarkan buku cek untuk semakan serta pemeriksaan sebelum suspek beredar," katanya dalam kenyataan pada Khamis.



MOHD AZAM

Mohd Azam berkata, sejam kemudian, pengadu menerima panggilan telefon daripada pihak bank memaklumkan terdapat sekeping cek cuba ditunaikan, namun ditolak.

"Hasil semakan pengadu mendapati sekeping cek didapati hilang selepas di-

periksa suspek," ujarnya.

Beliau berkata, suspek berusia 34 tahun ditahan di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya pada jam 1.35 petang pada Rabu.

"Hasil semakan mendapati, suspek yang juga penganggur mempunyai dua rekod lampau kes jenayah manakala ujian air kencing didapati positif dadah jenis methamphetamine.

"Suspek direman empat hari bermula Rabu hingga Sabtu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 170 Kanun Keseksaan iaitu menyamar sebagai penjawat awam," katanya.



SINAR HARIAN
26/01/2024
(JUMAAT)

Daim keluar hospital, akan didakwa minggu depan - KP SPRM



Laporan Sinar Harian pada Khamis.

SHAH ALAM - Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan didakwa di mahkamah pada minggu depan, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Katanya, pertuduhan dibuat mengikut Akta SPRM 2009.

"Tindakan itu dilakukan SPRM sebaik sahaja pihak peguam kepada Daim memaklumkan bekas pemimpin itu telah keluar daripada hospital hari ini

(Khamis).

"Pada peringkat ini, pegawai penyiasat dalam perbincangan bagi pertuduhan di mahkamah dikenakan terhadap beliau," katanya pada Khamis.

SPRM dalam kenyataan pada 30 Disember lalu memaklumkan siasatan terhadap bekas pemimpin itu berdasarkan maklumat Kertas Pandora sejak Februari tahun lalu.

Kenyataan itu memaklumkan, pada 7 Jun 2023 satu notis di

bawah Seksyen 36(1)(a) Akta SPRM 2009 (Akta 694) telah diserahkan kepada Daim yang mengehendaki beliau supaya mengisytiharkan segala aset miliknya sama ada di dalam dan luar negara secara bertulis dan akuan bersumpah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis tersebut.

Daim telah disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan

Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

Pada Selasa, isteri Daim iaitu Toh Puan Na'imah Abdul Khalid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas satu pertuduhan gagal mematuhi notis SPRM dengan tidak mengisytiharkan 12 aset harta antaranya di ibu negara dan Pulau Pinang, Disember tahun lalu.



SINAR HARIAN
26/01/2024
(JUMAAT)

Selepas Mirzan, Mokhzani pula disiasat SPRM

Siasatan ada kaitan pegangan saham dalam syarikat GLC

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Selepas Mirzan disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) minggu lalu, seorang lagi anak Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Mokhzani pula dipanggil agensi siasatan sama pada Jumaat.

Ahli perniagaan itu hadir di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 11 pagi bagi membantu siasatan kes membabitkan

syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Difahamkan, Mokhzani hadir untuk siasatan di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Kehadiran Mokhzani disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

"Ya, saya sahkan. Beliau hadir pagi tadi (Jumaat)," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Siasatan dilakukan SPRM terhadap Mokhzani dipercayai mempunyai kaitan dengan pegangan saham beliau dalam syarikat GLC yang mendapat projek



MOKHZANI

kerajaan.

Syarikat GLC itu dikatakan turut memenangi lesen fabrikasi struktur cari gali sebuah syarikat gergasi petroleum negara yang ketika itu bapanya merupakan Perdana Menteri.

Pada 18 Januari lalu, SPRM mengkehendaki Mirzan mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih yang berada dalam pegangannya, sama ada di dalam atau di luar negara dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis.

Perintah itu adalah tindakan lanjutan daripada siasatan SPRM berhubung maklumat dalam laporan Kertas Panama serta aktiviti perniagaannya yang membabitkan penjualan dan pembelian syarikat GLC.



SINAR HARIAN
27/01/2024
(SABTU)



Kereta mewah milik Datuk Seri, bekas setiausaha politik disita

Putrajaya: Beberapa kenderaan mewah disita susulan siasatan kes rasuah dalam tender kerajaan yang turut membabitkan bekas setiausaha politik kepada seorang bekas menteri dan ahli perniagaan bergelar Datuk Seri.

Antara kenderaan itu, termasuk Rolls Royce Ghost V12 Ewb, Mercedes-Benz G63 Amg Brabus, Range Rover Autobiography, Porsche Cayenne, Toyota Land Cruiser, Mini Cooper Works Rhd, Toyota Alphard, Toyota Vellfire dan Mercedes-Benz S400L.

Suruhanjaya Pencegahan Ra-

suah Malaysia (SPRM) berkata, semua kenderaan mewah berkenaan kini disimpan di gudang sitaannya.

Menurut SPRM, kenderaan mewah terbabit dipercayai hasil daripada sumber rasuah yang telah diperolehi suspek bersangkutan dengan tender di sebuah kementerian.

Sambung reman 3 hari

Dalam pada itu, SPRM mendapat kebenaran untuk menyambung reman bekas setiausaha politik dan ahli perniagaan bergelar Da-

tuk Seri itu berhubung kes meminta serta menerima suapan daripada beberapa syarikat yang mendapat tender di sebuah kementerian.

SPRM dalam kenyataan semalam berkata, perintah reman selama tiga hari itu bermula esok hingga 30 Januari ini membabitkan kedua-dua suspek berusia sekitar 40-an.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ain Nurshahira Sahzan selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini.

Sebelum ini, kedua-dua suspek direman empat hari bermula 24 Januari lalu bagi membantu siasatan terhadap kes berkenaan.

Mereka dipercayai menerima suapan daripada syarikat serta kontraktor yang mendapat tender kerja di sebuah kementerian pada 2020 hingga 2021 bernilai jutaan ringgit.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan lanjutan reman terhadap dua suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009. **BERNAMA**



Antara kenderaan mewah dipercayai milik suspek disita SPRM.



**BERITA
HARIAN
28/01/2024
(AHAD)**

Daim didakwa esok gagal patuh notis isytihar harta

Bekas Menteri Kewangan sahkan SPRM sudah ambil rakaman percakapan

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, esok, bagi kesalahan gagal mematuhi notis dengan tidak mengisytiharkan harta. Daim mengesahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengambil rakaman percakapan beliau di sini, kelmarin.

"Semalam (kelmarin) pegawai SPRM merakam kenyataan daripada saya. Peguam saya sudah dimaklumkan bahawa saya akan didakwa pada Isnin (29 Januari) atas kesalahan di bawah Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009, iaitu kesalahan yang berkaitan dengan pendedahan aset," katanya da-

lam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan itu, Daim berkata, beliau sudah bersedia menghadapi prosiding mahkamah itu.

Menurut Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009, mana-mana orang dengan sengaja mengabaikan atau tidak mematuhi terma notis itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan sehingga lima tahun dan didenda tidak melebihi RM100,000.

Sementara itu, Peguam, Rajesh Nagarajan yang mewakili Daim turut mengesahkan anak guamnya akan didakwa esok.

Difahamkan, peguam kanan M Puravalan akan mengetuai pasukan pembelaan Daim selepas bekas peguam cara negara, Datuk Yusof Zainal Abidin bersama pasukannya menarik diri.

Daim sepatutnya didakwa di mahkamah, minggu lalu, namun terpaksa ditangguh apabila beliau dimasukkan ke hospital atas sebab kesihatan.

Rabu lalu, SPRM mengesahkan sudah mendapat kebenaran untuk mendakwa Daim di mahkamah, namun terpaksa ditangguh-

kan atas masalah kesihatan bekas Menteri Kewangan itu.

Daim masuk hospital

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata agensi antirasuah itu mendapat lampu hijau daripada Jabatan Peguam Negara sejak minggu lalu.

"Saya mengesahkan kami terima kelulusan untuk mendakwa Daim seminggu lalu, namun apabila pegawai kami memaklumkan perkara itu kepada peguamnya, mereka memberitahu beliau (Daim) dimasukkan ke sebuah hospital swasta," katanya.

Azam berkata, semakan mendapati Daim, yang memegang jawatan Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991, dimasukkan ke hospital sebelum pihaknya mendapat kelulusan untuk mendakwa, namun mereka tidak dimaklumkan mengenai alasan bekas menteri itu menerima rawatan di hospital.

Mengikut laporan media sebelum ini siasatan terhadap Daim berkait transaksi korporat bernilai RM2.3 bilion pada November 1997 yang membabitkan Renong Bhd dan United Engineers

Malaysia Bhd (UEM), dua entiti yang dikaitkan dengan UMNO ketika itu.

Siasatan itu kesinambungan pendedahan dokumen sulit oleh International Consortium of Investigative Journalists (ICIJ) berhubung transaksi yang disyaki berlaku di beberapa pusat kewangan luar pesisir.

Susulan itu, SPRM pada Jun lalu membekukan akaun bank berjumlah lebih RM39 juta antara lain membabitkan milik bekas menteri kanan, dua ahli perniagaan bergelar Tan Sri dan ahli keluarga mereka.

Pembekuan itu membabitkan 192 akaun bank, merangkumi 35 akaun syarikat dan 157 akaun individu.

Bulan lalu, SPRM turut menyita Bangunan Menara Iham di Jalan Binjai, di sini, yang dikatakan milik keluarga Daim.

Isteri sudah didakwa

Isteri Daim, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, Selasa minggu lalu atas pertuduhan gagal mematuhi notis dengan tidak mengisytiharkan harta, terma-

Peguam saya sudah dimaklumkan bahawa saya akan didakwa pada hari Isnin (29 Januari) atas kesalahan di bawah Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009



Daim Zainuddin,
Bekas Menteri
Kewangan

suk Menara Iham dan beberapa hartanah di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Sebelum itu, Na'imah dan dua anak lelakinya hadir ke ibu pejabat SPRM untuk memberi keterangan serta membantu siasatan agensi antirasuah itu terhadap Daim yang juga seorang ahli perniagaan.

SPRM turut menjelaskan siasatan ke atas Daim berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kertas Pandora, iaitu pendedahan berkaitan dokumen sulit golongan kaya dan berpengaruh dunia yang menyembunyikan kekayaan dengan menggunakan perkhidmatan luar pesisir atau syarikat berpangkalan di luar negara.

Menurut SPRM, kertas siasatan bagi kes itu dibuka pada Februari tahun lalu. BERNAMA



**BERITA
HARIAN
28/01/2024
(AHAD)**

Sita kereta mewah bekas setiausaha politik bekas menteri, ahli perniagaan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita beberapa kenderaan mewah milik bekas setiausaha politik bekas menteri dan ahli perniagaan bergelar Datuk Seri.

Sitaan bagi bantu siasatan berhubung kes meminta serta menerima suapan daripada beberapa syarikat yang mendapat tender di sebuah kementerian.

Sumber berkata, kenderaan yang disita Rolls Royce Ghost V12 Ewb, Mercedes-Benz G63 Amg Brabus, Range Rover Autobiography, Porsche Cayenne, Toyota Land Cruiser, Mini Cooper Works Rhd,



Toyota Alphard, Toyota Vellfire dan Mercedes-Benz S400L.

"Semua kenderaan mewah kini disimpan di Gudang Sita SPRM.

"Dipercayai kenderaan mewah itu ada-

lah hasil daripada sumber rasuah diperoleh oleh suspek bersangkutan dengan tender di kementerian terbabit," katanya.

Sementara itu, tempoh tahanan reman kedua-dua suspek disambung tiga hari lagi bermula hari ini hingga 30 Januari ini.

"Perintah reman selama tiga hari bermula esok (hari ini) hingga 30 Januari ini terhadap kedua-dua suspek berusia sekitar 40-an dikeluarkan Majistret Ain Nurshahira Sahzan selepas permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

"Sebelum ini, kedua-dua suspek itu direman selama empat hari bermula 24



ANTARA kereta yang disita SPRM.



REMAN bekas setiausaha politik bekas menteri dan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri disambung di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Januari lalu bagi membantu siasatan terhadap kes berkenaan," katanya.

Kata sumber, mereka dipercayai menerima suapan daripada syarikat serta kontraktor yang mendapat tender kerja di sebuah kementerian sekitar

2020 hingga 2021 bernilai jutaan ringgit.

"Sepanjang tempoh siasatan, SPRM menyita dan merampas beberapa buah kenderaan mewah yang dimiliki oleh suspek," katanya.

Sementara itu, Penga-

rah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman (*gambar*) ketika dihubungi mengesahkan reman lanjut terhadap dua suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.



METRO AHAD
28/01/2024
(AHAD)

SPRM sita sembilan kenderaan mewah

Membabitkan kes suapan untuk tender sebuah kementerian bernilai jutaan ringgit

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita sembilan kenderaan mewah bagi tujuan siasatan terhadap bekas setiausaha politik kepada mantan menteri dan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri berhubung kes meminta serta menerima suapan daripada beberapa syarikat yang mendapat tender di sebuah kementerian.

Sumber berkata, kenderaan disita dan dirampas itu adalah milik suspek.

"Kenderaan tersebut ialah Rolls Royce Ghost V12 EWB,



Dua termasuk ahli perniagaan bergelar Datuk Seri dilanjut reman tiga hari untuk siasatan lanjut.

Mercedes-Benz G63 AMG Brabus, Range Rover Autobiography, Porsche Cayenne, Toyota Land Cruiser, Mini Cooper Works RHD, Toyota Alphard, Toyota Veilfire dan Mercedes-Benz S400L.

"Kesemua kenderaan mewah tersebut disimpan di gudang sita SPRM," katanya pada Sabtu.

Tambah sumber itu, dipercayai kenderaan mewah tersebut adalah

hasil dari sumber rasuah yang diperoleh oleh suspek bersangkutan dengan tender di kementerian terbabit.

Selain itu, reman kedua-dua individu berusia lingkungan 40-an itu telah dilanjutkan tiga hari bermula Ahad hingga 30 Januari.

Perintah reman dikeluarkan Majistret An Nurshahira Sahzan selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan reman lanjut terhadap dua suspek berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan kedua-dua suspek direman selama empat hari bermula 24 Januari lalu.

Mereka dipercayai menerima suapan daripada syarikat serta kontraktor yang mendapat tender kerja bernilai jutaan ringgit di sebuah kementerian sekitar 2020 hingga 2021.



Antara kenderaan mewah yang disita SPRM untuk siasatan meminta serta menerima suapan daripada beberapa syarikat yang mendapat tender di sebuah kementerian.



SINAR AHAD
28/01/2024
(AHAD)

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

TUN DAIM KENA DAKWA

Tenang dengar pertuduhan

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan gagal mematuhi notis apabila tidak mengisytiharkan kira-kira 70 aset termasuk akaun simpanan.

Daim atau nama sebenarnya Che Abdul Daim Zainuddin, 86, yang tampil berkerusi roda kelihatan tenang sebaik pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Daim didakwa dengan sengaja memberikan satu pernyataan bertulis dengan bersumpah tidak mematuhi terma notis bertarikh 8 November 2023 yang dihantar kepada beliau oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berpangkat Pesuruhjaya pada 14 November 2023 iaitu dengan tidak mengisytiharkan harta.

Aset itu membabitkan satu akaun Amanah Saham Nasional Berhad (ASB), tujuh kenderaan, 38 syarikat dan 25 hartanah serta tanah di ibu negara, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Kedah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 13 Disember 2023.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM100,000 jika sabit kesalahan.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya yang juga Timbalan Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin manakala Daim diwakili peguam M Puravelan.

Terdahulu, Wan Shahrudin memohon mahkamah menetapkan jaminan antara RM250,000 hingga RM500,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan melaporkan diri ke ibu pejabat SPRM sebulan sekali dan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Beliau turut memohon mahkamah menasihatkan supaya semua pihak tidak membuat sebarang kenyataan berhubung kes itu

memandangkan ia sudah dituduh di mahkamah.

Sementara itu, Puravelan memohon mahkamah mempertimbangkan faktor kesihatan tertuduh yang pernah mengalami minor strok beberapa tahun lalu selain terdapat jangkitan pada mata menyebabkan beliau perlu mengambil pelbagai ubat.

"Dari segi syarat tambahan berkaitan pasport

dan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM setiap bulan, perkara itu adalah mustahil disebabkan masalah kesihatan dialami beliau," katanya.

Azura membenarkan Daim diikat jamin RM280,000 dengan seorang penjamin tempatan dengan tiada syarat tambahan ditetapkan selepas mempertimbangkan keadaan tertuduh.

"Berkaitan isu komen kes ini, saya faham dan merasakan semua pihak sudah cukup matang serta ada pengetahuan mencukupi untuk tidak memberi sebarang komen memandangkan kes sudah dituduh di mahkamah.

"Justeru, saya mohon kedua-dua pihak supaya tidak memberi sebarang ko-

men (berkaitan kes ini) bagi mengelak subjudis," katanya.

Mahkamah menetapkan 22 Mac ini untuk sebutan semula kes selepas permohonan dibuat Puravelan untuk mendapatkan tarikh sama dengan prosiding kes isterinya, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid.

Pada 23 Januari lalu, Na'imah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan gagal mematuhi notis dengan tidak mengisytiharkan harta termasuk Menara Ilham dan beberapa hartanah di sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

SPRM menjelaskan siasatan ke atas Daim berdasarkan maklumat diperoleh daripada Kertas Pandora.

menetapkan 22 Mac ini untuk sebutan semula kes selepas permohonan dibuat Puravelan untuk mendapatkan tarikh sama dengan prosiding kes isterinya, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid.



**HARIAN
METRO
30/01/2024
(SELASA)**